


Jilid 1
Bil. 73



Hari Isnin
28hb Oktober, 1991

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGAN

PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

Cuti kepada Ahli-ahli—Kebenaran:

Y.B. Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun (Limbawang) (Ruangan 12037)

Y B. Dr Patau Rubis (Mas Gading) [Ruangan 12037]

Gangguan Bekalan Air di Bangunan Parlimen/Bandaraya Kuala Lumpur [Ruangan 12038]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 12038]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1990 dan 1991) (No. 2) [Ruangan 12097]

Jawatankuasa—

Jadual Pertama:

Maksud B. 26 [Ruangan 12164]

KANDUNGAN—(Samb.)

Jadual Kedua:

Maksud B. 7 [Ruangan 12128]

Maksud B. 14 [Ruangan 12128]

Maksud B. 20 [Ruangan 12157]

Maksud B. 26 [Ruangan 12164]

USUL:

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 4) 1990 [Ruangan 12097]

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) [Ruangan 12097]

Jawatankuasa—

Maksud P. 16 [Ruangan 12128]

Maksud P. 17 [Ruangan 12140]

Maksud P. 18 [Ruangan 12144]

Maksud P. 22 dan P. 23 [Ruangan 12161]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T. D.UNM. PIS.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,
TUAN ABDUL GHAPAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Ulama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATO' AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD,
S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Perlanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P.
(Permatang Pauh).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala
Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KJM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,
P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kcsnrian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAFSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Pemsahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N. (Kota Tinggi).
- „ MENTERI LUAR NEGERI, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.MJ. (Balu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALJ, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR Sm ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Pcnangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.s.D.K., s.M.s. (Baling).
- .. Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- .. Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- .. Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.p.M.s. (Titiwangsa).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- .. Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- .. Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, p.i.s. (Bakri).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDULKADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR .D.s.D.K. (Kulim Bandar Baharu),
- .. Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- .. Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- .. Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., p.p.c. (Saratok).
- .. Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- .. Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Ketnenterian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

- .. Setiausaha Parlimen di Jabatan Pcrdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO' MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- .. Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD, NOH BIN RAJAB (Tampin).
- .. Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- .. Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gclugor).
- .. Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- .. Setiausaha Parlimen, Kementcrian Kesihatan, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- .. Setiausaha Parlimen, Kcmentcrian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- .. Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN (Tapah).
- .. Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Insudtri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- .. TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- .. DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing),
- .. TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- .. TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benul).
- .. DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Tercngganu).
- .. TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- .. DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- .. DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- .. TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- .. DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- .. TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- .. TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

Yang Berhormat TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNIYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S..S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.I.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARIIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK. PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

Yang Berhormat. TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).

„ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

„ TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).

„ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).

„ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).

„ TUAN LIEW AH KIH (Seputeh).

„ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).

„ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).

„ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).

„ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).

„ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumul).

„ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).

„ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).

„ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).

„ TUAN MICHAEL ASANG, B.s.K. (Jambongan).

„ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).

„ DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).

„ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).

„ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).

„ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bharu).

„ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).

„ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).

„ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAPAR (Batu Berendam).

„ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).

„ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).

„ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.H.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.st.J. (Limbawang).

„ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).

„ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).

„ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

„ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).

„ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).

„ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

Yang Berhormat TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

- .. DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- .. DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).
- .. DATO' QAMARUZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P..P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (BAGAN SERAI).
- .. TUAN RADIN MAUEH (Padas).
- .. PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- .. **TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).**
- .. PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- .. TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- .. Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- .. TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- .. DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- .. TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- .. TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- .. PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau)
- .. TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- .. TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- .. DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., I.M.N. (Sri Aman).
- .. TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- .. DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- .. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- .. TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- .. WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kola Selar).
- .. WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- .. TUAN HAJI WAN MOHD, JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- .. WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- .. TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- .. TUAN WONG WING ON (Kampar).
- .. TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- .. DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- .. TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- .. TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- .. TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- .. TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- .. TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Taijadin bin Saberan.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 28hb Oktober 1991

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

PENGUMUMAN TIMBALAN
YANG DI-PERTUA

**CUTI KEPADA AHLI-AHLI—
KEBENARAN**

Y.B. Tun Datu Haji Mustapha bin
Datu Harun (Limbawang)

Y.B. Dr Patau Rubis (Mas Gading)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya, mengikut kctclapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membcnarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52(2) Perlembagaan Persekutuan kepada:

- (1) Yang Berhormat Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun, Ahli Dewan Rakyat bagi kawasan Limbawang dari 21hb Oktober, 1991 hingga tamat Persidangan Dewan Rakyat; dan
- (2) Yang Berhormat Dr Patau Rubis, Ahli Dewan Rakyat bagi kawasan Mas Gading dari 28hb Oktober, 1991 hingga 6 hb Disember, 1991.

**GANGGUAN BEKALAN AIR DI
BANGUNAN PARLIMEN/
BANDARAYA KUALA LUMPUR**

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, oleh kerana kerosakan tangki air di Kuala Lumpur, maka bekalan air untuk seluruh Bandaraya Kuala Lumpur telahpun terganggu sejak semalam. Di Parlimen ini pula, di Tower Block sahaja yang masih ada air di tangki, dan di bangunan ini hanya Dewan dan lounge sahaja sedang dibekalkan dengan hawa dingin. Oleh yang demikian, saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin menggunakan bilik-bilik air pergilah ke Tower Block sahaja dan dijangka keadaan air ini akan pulih semula pada tengah malam ini. Sekian.

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**KRITIKAN PERDANA MENTERI
MENGENAI DASAR
NEGARA-NEGARA MAJU**

1. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah persiapan yang telah dan sedang dirancang oleh Kerajaan bagi menghadapi risiko kemungkinan tindakbalas dari 'Negara-negara Besar Dan Maju' terhadap kritikan yang keras yang dibuat oleh Perdana Menteri semasa berucap di Perhimpunan Agung

Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) baru-baru ini yang mensifatkan dasar 'negara-negara maju' yang mengamalkan tekanan terhadap negara-negara kecil dan pendirian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang masih dikongkong oleh 'Keputusan Perang Dunia II'.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapannya di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu baru-baru ini adalah berasaskan keadaan sebenar yang berlaku pada masa sekarang. Oleh itu tidak ada sebab kenapa negara-negara lain patut bertindak balas terhadap Malaysia.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Soalan tambahan. Sejauh manakah Kerajaan kita mengambil manfaat daripada penyertaannya dalam pertubuhan seperti ASEAN, Negara-negara Berkecuali dan sebagainya untuk menghadapi kemungkinan tekanan daripada kuasa-kuasa besar?

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tekanan yang ketara belum jelas lagi. Kalaupun ada, kita kira penyertaan kita dalam badan-badan seperti ASEAN, Negara-negara Berkecuali, OIC sudah tentu dapat membantu kita, kalaupun kita ditekan oleh mana-mana kuasa besar.

KILANG MEMBUAT PATONG

2. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah hasil dari kilang membuat patong di Pengkalan Chepa sejak ianya dibuka; dan
- (h) apakah jenis patong yang dikeluarkan oleh kilang tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan S.S. Subramaniam):

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebuah syarikat iaitu Marulec (M) Sdn. Bhd. telah diluluskan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975 untuk mengeluarkan 'Tigurines', dengan izin, dan barang hiasan yang diperbuat daripada porcelain, gangsa dan resin. Kesemua keluarannya adalah untuk pasaran eksport. Sejak ianya mula beroperasi pada tahun 1986, kilang ini telah menghasilkan eksport bernilai \$51 juta. Syarikat mempunyai seramai 1049 orang pekerja dan dari jumlah tersebut seramai 1042 ataupun 99.3% adalah pekerja bumiputera.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam soalan (b) ada bertanyakan jenis patung. Apakah tindakan Kerajaan Negeri Kelantan yang Islamic mengenai patung-patung ini?

Tuan S.S. Subramaniam: Soalan ini tidak kena-mengena, Tuan Yang di-Pertua.

PENGALIRAN BALIK CENDIKIAWAN

3. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan menubuhkan sebuah Suruhanjaya yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan untuk menghasilkan satu "pengaliran balik cendikiawan" (reverse brain drain) dengan mempelawa rakyat Malaysia yang telah berhijrah ke luar negeri untuk kembali ke Malaysia dan menyumbangkan "kepakaran, kemahiran dan bakat" mereka kepada pembangunan negara dan Wawasan 2020 Malaysia.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kerajaan tidak

bercadang untuk menubuhkan sebuah Suruhanjaya yang bertujuan untuk mempelawa rakyat Malaysia yang telah berhijrah kembali semula ke negara ini. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan demokrasi, Kerajaan tidak menghalang kebebasan warganegaranya untuk keluar ke mana-mana negara, kecuali negara tertentu, untuk tujuan yang dibenarkan oleh undang-undang seperti bekerja, berniaga, melancong dan sebagainya. Mereka juga bebas untuk kembali semula ke Malaysia padabila-bilamasasahaja. Penghijrahan rakyat Malaysia, sebahagian besarnya adalah kerana faktor ekonomi, iaitu mereka percaya akan memperoleh peluang pekerjaan dan mendapat pendapatan yang lebih baik di negara mereka berhijrah.

Memandangkan penghijrahan rakyat Malaysia didorong oleh faktor ekonomi, maka dengan pertumbuhan ekonomi yang bertambah baik dan pertambahan peluang-peluang pekerjaan yang berprospek lebih baik dalam negara, Kerajaan percaya pada masa akan datang, rakyat Malaysia yang berhijrah akan lebih cenderung untuk kembali ke Malaysia.

Kerajaan percaya peluang-peluang yang dapat dimajukan di negara ini dalam tempoh RM6 dan tempoh RRJP2 akan menjadi pendorong bagi rakyat Malaysia yang berhijrah kembali ke Malaysia. Di samping itu, keadaan ekonomi dunia yang semakin terbuka dan saling bergantung antara satu sama lain, atau dengan kata-kata lain, ekonomi dunia menjadi lebih 'borderless' dan 'globalised', dengan izin, akan menjadikan mereka sebagai penghubung atau, dengan izin, contact untuk pniaga-peniaga dan juga saluran mendapat maklumat dan teknologi baru. Keadaan ini beserta dengan pasaran tenaga dunia yang terbuka akan mendorong pengaliran kemahiran antara negara-negara untuk faedah bersama.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat atau Kerajaan bersetuju bahawa satu kelemahan besar negara kita, baik dari segi pembinaan negara ataupun mencapai pembangunan yang maksimum, ialah oleh kerana penghijrahan atau lebih khusus brain drain yang sudah berlarutan 20 tahun dan terus berlaku. Bukankah satu faktor utama untuk mencapai potensi negara kita khususnya visi 2020 ialah untuk bukan sahaja memberhentikan brain-drain ini tetapi untuk, dengan izin, reversed brain-drain supaya mereka boleh balik membuat sumbangan kepada negara dan bukannya sebab-sebab yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa faktor ekonomi yang menjadi punca utama adalah tidak benar oleh kerana faktor utama ialah dasar-dasar Kerajaan yang tidak memberi kepada mereka perasaan bahawa mereka dapat tempat yang sewajar? Bukankah lagi benar bahawa satu sebab Kerajaan tidak mahu mengambil satu inisiatif untuk mengadakan satu reversed brain-drain ialah oleh kerana ada terdapat mereka, khususnya dalam UMNO, yang berfikiran sempit, yang menentang dan menganggap bahawa mereka adalah good riddance to bad rubbish, dengan izin, dan bukannya ini perlu diubahsuai supaya Malaysia boleh mengambil tempat dalam borderless world yang ada disebut dan bukan dalam satu very small border in the world?

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Tanjong.

Pertamanya, Yang Berhormat mengatakan kita perlu bawa balik orang tetapi Yang Berhormat mengatakan bahawa mereka ini mula keluar dahulu kerana kononnya dasar-dasar Kerajaan. Dasar-dasar kita masih belum berubah lagi. Hanya kita tingkatkan usaha-usaha untuk membangunkan negara dan membangunkan rakyat untuk memberikan kesejahteraan kepada rakyat.

Saya tidak nampak apa yang boleh kita buat untuk mengubah sikap mereka yang keluar dengan sikap Yang Berhormat katakan tadi. Kalau mereka hendak balik dengan perubahan-perubahan ekonomi dan dasar-dasar dalam negara, saya ingat mereka ini sudah balik dan memang sudah ada ramai yang balik ke negara untuk bekerja dan memberi khidmat kepada negara.

Yang Berhormat juga mengatakan bahawa good riddance to bad rubbish, saya ingat mereka ini keluar bukan dengan sikap Yang Berhormat sebulkan tadi. Ramai yang pergi kerana keikhlasan mereka hendak cari kehidupan yang lebih mewah. Mungkin mereka percaya bahawa di negara-negara yang mereka pergi bekerja itu memberikan mereka wang ringgit dan rezeki yang lebih banyak dari mereka duduk di sini. Kita tahu bukan sahaja dasar kita, kalau kita tengok negara yang dekat iaitu Singapura ramai juga orang yang berhijrah sungguhpun negara Singapura satu negara yang lebih mewah daripada Malaysia. Tetapi dengan keadaan begitu pun, dengan keadaan dasar-dasar yang dibuat oleh Singapura, masih ramai orang yang berhijrah ke tempat lain dan di Malaysia pun ada orang yang berhijrah ke tempat-tempat lain kerana hendak mencari rezeki yang lebih baik dan kerana hendak mencari peluang pekerjaan. Sesetengah mereka ini mempunyai kelulusan dan pengalaman pekerjaan dalam bidang-bidang yang tertentu yang pada masa ini mungkin belumlah ada peluang ini untuk mereka, maka mereka pergi ke negara-negara lain untuk mendapat pengalaman. Saya percaya orang-orang yang begini, apabila mereka ada peluang pekerjaan dalam bidang pengkhususan mereka, mereka akan pulang ke negara kita.

Saya tidak lahu hendak kaitkan dengan UMNO pula, kononnya UMNO membawakan dasar-dasar tertentu. Saya ingin katakan bahawa sebahagian besar dasar ini adalah dasar yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional di mana

UMNO dan parti-parti komponen yang lain mengambil bahagian memberikan pendapat bersama-sama. Ini bukan dibuat oleh UMNO sahaja. Apa Yang Berhormat katakan tadi mungkin apa yang disebut oleh sesetengah orang, itu bukan dasar UMNO, itu bukan pendirian UMNO. Pendirian kita ialah untuk membangunkan satu negara yang aman makmur, yang bersatupadu, yang memberikan tempat kepada semua rakyat jelata dalam negara ini.

Jadi, Yang Berhormat, saya rasa pandangan Yang Berhormat itu tidak berapa kena tentang apa yang disebutkan tadi.

Tuan Radin Malleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya telah mengikuti jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga Yang Berhormat daripada Tanjong. Saya ada dua soalan.

Pertama, ialah kita ingin tahu berapa peratuskanah cendekiawan yang telah berhijrah ke luar negara? Kedua, adakah negara kita tidak mampu untuk membangunkan negara kita Malaysia sebagai satu negara yang maju untuk mencapai matlamat Wawasan 2020 tanpa khidmat dan sumbangan orang-orang yang telah berhijrah ke luar negara?

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan tadi. Pertama, saya ingat kita tidak simpan data berapa peratus yang keluar untuk bekerja di luar negara kerana interest kita ialah untuk orang yang berada dalam negara.

Kedua, saya berterima kasih kerana bertanya tidak mampukah kita membangun dengan mereka ini tidak balik. Sebenarnya kalau kita tengok di akhir-akhir ini, pembangunan kita amat ketara sekali, growth rate kita, dengan izin, amat tinggi dan ini menunjukkan kemampuan kita. Sungguhpun hari ini kita memerlukan bilangan tenaga kerja

yang lebih, khususnya yang mempunyai kelulusan yang tinggi dan juga yang mempunyai pengalaman yang banyak dan mendalam, tetapi bagi mereka yang apabila lihat sahaja keadaan sukar sedikit dalam negara, lari ke luar, saya percaya mereka ini kalau balik pun tidak mampu memberikan khidmat dengan ikhlas untuk membangunkan negara. Mereka ini hanya mencari rezeki sahaja.

LAPANGAN TERBANG IPOH— MEMPERBAIKI

4. **Dr Nawawi bin Mat Awin** minta Menteri Pengangkutan menyatakan: -

- (a) sebab-sebab kelewatan memperbaiki/mengganti sistem alar pendaratan yang rosak di Lapangan Terbang Ipoh yang menyebabkan dibatalkan penerbangan-penerbangan yang dijadualkan, dan dibatalkan sama sekali penerbangan waktu malam;
- (b) sama ada beliau berpendapat sebab-sebab yang diberikan itu munasabah untuk menanggungkan pemulihan alat-alat yang sangat diperlukan itu begitu lama sehinggakan mengganggu kemudahan orang ramai, dan
- (c) berapakah kerugian yang dialami oleh MAS disebabkan kelewatan memperbaiki/mengganti alat-alat tersebut.

21.10.91

19. **Tuan Kerk Kim Hock** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) apakah sebabnya sehingga kini masalah kerosakan 'navigational aids' di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh masih tidak dapat diatasi;
- (b) setakat ini, berapakah kes kelambatan dan pembatalan penerbangan telah berlaku akibat kejadian masalah tersebut;

(c) berapakah kes kerugian yang telah dialami oleh Jabatan Penerbangan Awam dan Penerbangan Malaysia akibat kejadian masalah tersebut; dan

(d) apakah langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, di samping menjawab soalan ini, saya juga bercadang memberi penjelasan kepada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Kerk Kim Hock pada 21 Oktober 1991 yang tidak sempat dijawab kerana soalnya adalah sama.

Sistem 'Navigational Aids' yang dipasang di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh telah siap pada akhir tahun 1989. Malangnya alat-alat ini telah rosak akibat dipanah petir pada pertengahan tahun 1990. Alat-alat yang 'sophisticated' seperti ini memakan masa yang agak panjang untuk diperbaiki.

Walaupun penerbangan malam tidak dapat dilakukan akibat kerosakan 'Navigational Aids', pihak MAS telah mencukarkan jadual penerbangan malamnya kepada penerbangan di waktu siang. Oleh itu, kes kelambatan ataupun pembatalan penerbangan semata-mata akibat kerosakan 'Navigational Aids' itu tidak timbul.

Dalam hal pembatalan penerbangan ini, ingin saya memaklumkan bahawa penerbangan-penerbangan ke Lapangan Terbang Ipoh terpaksa dibatalkan khasnya dari 30 September 1991 sehingga 13 Oktober lalu akibat keadaan berjerubu, bukannya kerana 'Navigational Aids'. Jadi, pembatalan penerbangan ini terpaksa dilaksanakan demi mengelakkan perkara yang tidak diinginkan dan demi keselamatan penumpang-penumpang.

Kerajaan perlu mengkaji dan mengenal pasti apakah sebenarnya kelemahan alat-alat ini sebelum membuat sebarang keputusan. Ini bagi memastikan apabila alat-alat ini telah dibaiki, ianya akan berfungsi dengan memuaskan dan dengan itu memberi jaminan operasi penerbangan ke lapangan terbang ini tidak akan terjejas.

Kontraktor telah diberi lanjutan masa untuk memperbaiki alat navigational aids yang tidak berfungsi ini. Jika selepas lanjutan masa diberi, iaitu sehingga akhir tahun ini, kontraktor tidak juga boleh memperbaikinya, kontrak dengan kontraktor ini akan ditamatkan dan tindakan akan diambil untuk menggantikan alat-alat berkenaan dengan alat-alat baru.

Dr Nawawi bin Mat Awin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah bermakna bahawa sehingga 31hb Disember kila boleh menganggap bahawa penerbangan ke Ipoh akan dibatalkan?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya telah katakan tadi penerbangan yang dibatalkan bukan kerana navigational aids. Penerbangan ditukar pada siang hari, tiada penerbangan malam. Penerbangan yang dibatalkan adalah disebabkan keadaan cuaca berjerubu kerana visibility, dengan izin, hanya 800 meter sahaja, jadi berbahaya. Sehingga akhir Disember ini ialah pembaikan alat-alat navigational aids tadi.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menurut jawapan daripada Timbalan Menteri yang mengatakan pembatalan itu bukan kerana kerosakan navigational aids. Saya hendak minta penjelasan daripada Timbalan Menteri mengapa pada 16,17, 18 dan 19hb ini keadaan berjerubu yang berada di Subang kelihatan hanya 400 meter sahaja di mana di Ipoh 600 meter, mengapa Lapangan Terbang Subang boleh didaratkan kapal terbang dan mengapa Ipoh tidak dapat didaratkan.

Kedua, adakah benar bahawa pendapat dua orang pakar dari Amerika Syarikat terdapat bahawa alat-alat pendaratan itu apabila disrang oleh petir kali pertama dibaikpulih kali kedua dan kali ketiga diserang oleh petir dan tidak dapat dibaiki oleh kerana alat-alat tersebut didapati tidak tepat atas bacaannya. Adakah ini benar? Kalau benar, apakah pihak Penerbangan Awam telah merekomenkan bahawa alat-alat yang dipakai sekarang ini ditukar kepada alat-alat yang baru dengan menggunakan alat pendaratan micro waves itu. Adakah benar?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat sudah dua soalan dibangkitkan. Cukuplah.

Tuan Lau Dak Kee: Ada banyak lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dua sahaja yang saya izinkan.

Tuan Lau Dak Kee: Oh! dua sahaja. Tidak apalah.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, tentu Yang Berhormat sendiri tahu keadaan sekeliling Lapangan Terbang Ipoh dan bandar Ipoh. Di sekeliling bandar Ipoh terdapat bukit-bukit, di Subang tidak ada bukit, oleh kerana itu membahaya kalau dibenarkan kapal terbang turun naik. Nanti dia melanggar bukit, itulah sebabnya.

Mengenai pakar-pakar itu, memanglah mereka pakar, mereka baiki dan sekiranya mereka tidak dapat baiki, sekarang ini kita beri tempoh, cukup sudah. Kita tidak mahu lagi trail and error. Akhir 1991 kalau mereka tidak juga dapat membaiki dengan sempurna, kita tamatkan kontraknya dan kita buat baru.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Wong Wing On.

Tuan Wong Wing On: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengemukakan soalan saya, saya minta Tuan mengundurkan diri kerana kejujuran masih dipersoalkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat.

Tuan Wong Wing On: Tuan Yang di-Pertua, soalan kclima.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti sekejap. Saya rasa sebelum Yang Berhormat bangkitkan soalan yang kelima, biarlah saya menegaskan kepada Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini bahawa keputusan yang telah saya buat tempoh hari itu tetap dikekalkan dan saya rasa tindak-tanduk Yang Berhormat ini, hanya mencerminkan kewarasan Yang Berhormat sahaja.

Beberapa Ahli Pembangkang: Tidak ada maruah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sila jawab. Menteri yang berkenaan.

SIMEN—KEKURANGAN BEKALAN

5. Tuan Wong Wing On minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan sebab-sebab kekurangan simen yang serius, dan juga nyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah ini dalam jangkamasa pendek dan jangkamasa panjang.

6.11.91

33. Dato' Haji Mohamad bin Abdullah minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi

masalah kekurangan bekalan simen di seluruh negara; dan

- (b) berapa banyakkah kilang simen yang ada di Malaysia sekarang; adakah Kerajaan akan menimbangkan permohonan untuk membuka kilang simen yang baru bagi mengatasi masalah kekurangan tersebut sehingga sekrang berapa banyakkah permohonan baru bagi membina kilang simen.

13.11.91

6. Tuan Chor Chee Heung minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan sama ada langkah yang keras ialah diambil untuk melarang mengeksport simen ke luar negeri berkesan untuk membantu pemaju perumahan tempatan yang mempunyai kekurangan simen memandangkan pembangunan dalam negara kita begitu pesat.

29.11.91

22. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) adakah negara kita menghadapi masalah kekurangan simen dan nyatakan jumlah kekurangan simen dari segi kuantiti dan nilainya yang wujud sekarang;
- (b) mengapakah pengeksportan simen tidak diberhentikan untuk mengatasi masalah kekurangan simen ini;
- (c) apakah sebab yang menyebabkan kekurangan ini dan apakah langkah yang diambil untuk mengatasinya;
- (d) apakah harga simen sekarang berbanding dengan harganya setahun dahulu; dan
- (e) sejauh manakah kekurangan simen ini telah menjejaskan ekonomi kita dan sebutkan sektor dan negeri yang terjejas dengan buruk sekali.

4.12.91

5. Tuan Michael Asang minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan langkah jangkamasa panjang yang sedang dan akan diambil oleh Kementerian untuk menjamin bekalan simen di negara ini ke tahap yang sentiasa mencukupi.

5.12.91

17. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) faktor-faktor yang menyumbang kepada kekurangan bekalan simen dalam negara baru-baru ini. Pada penghujung tahun lepas, Kerajaan pernah mengatakan bahawa kajian akan dibuat mencari penyelesaian jangka panjang supaya masalah tidak timbul lagi. Apakah yang sudah terjadi kepada kajian atau 'menganalisis' kekurangan pembekalan dalam simen dan bertindak sebelum kekurangan sebenarnya boleh berlaku;
- (b) kini, Kerajaan telah membenarkan pengimportan simen serla mengarahkan kilang-kilang tempatan menambah pengeluaran dan beroperasi 24 jam sehari. Mengapakah industri pengeluaran simen tempatan masih tidak berdaya menyaingi harga simen yang diimport; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengesyorkan industri pengeluaran tempatan boleh bersaing dengan harga import. Apakah kemungkinan pasaran simen tempatan akan dibebaskan dengan sepenuhnya. Bilakah perkara ini mungkin tercapai. Beberapa buah kilang simen lagi akan diluluskan.

9.72.91

4. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) apakah sebab bekalan simen di negara ini sukar didapati pada masa ini;
- (b) apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil bagi mengatasi masalah tersebut;
- (c) jumlah kuota pengeluaran simen bagi setiap tahun kepada kilang-kilang simen yang terdapat di negara ini; dan
- (d) adakah kuota pengeluaran tersebut perlu ditambah bagi mengatasi masalah yang wujud.

10.21.91

11. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) apakah sebab-sebab kekurangan bekalan simen dalam negeri pada tahun ini;
- (b) adakah pihak Kementerian mengenalpasti berlakunya tindakan sindiket; dan
- (c) bagaimanakah langkah Kerajaan seterusnya mengenai dasar pengeluaran simen dalam negeri dan pengimportan simen bagi menjamin bekalan simen sentiasa mencukupi.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, dia tidak sebut soalan yang keberapa tadi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ada.

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Saya tidak dengar.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat ini bersama-sama dengan soalan-soalan Ahli Yang Berhormat dari Maran bertarikh 6hb November; Ahli Yang Berhormat dari Alor Setar bertarikh 13hb November; Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka bertarikh 29hb November; Ahli Yang Berhormat dari Jembongan bertarikh 4hb Disember; Ahli Yang Berhormat dari Kepong bertarikh 5hb Disember; Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam bertarikh 9hb Disember; Ahli Yang Berhormat dari Pagoh bertarikh 10hb Disember, 1991 memandangkan kesemua soalan-soalan tersebut menyentuh mengenai masalah kekurangan bekalan simen.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baiklah.

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kekurangan bekalan simen yang berlaku berpunca daripada pertambahan dan pertindihan permintaan ke atas simen yang melebihi kadar pengeluaran, khususnya pada bulan-bulan Mei, Jun, Julai dan Ogos. Bulan-bulan ini merupakan musim panas bagi negara kita dan kebanyakan kontraktor perumahan dan binaan berlumba-lumba menyiapkan projek mereka sebelum musim hujan tiba pada penghujung tahun.

Kuantiti kekurangan simen yang sebenar sukar dinyatakan kerana sebahagian besar daripada dakwaan adanya kekurangan hanya dilaporkan dalam akhbar-akhbar dan Kementerian tidak dimaklumkan secara rasmi tentang jumlah simen yang sebenarnya berkurangan dan yang diperlukan oleh pemaju-pemaju perumahan.

Faktor-faktor lain yang menyebabkan kekurangan bekalan simen dalam negara pada tahun ini adalah seperti berikut:

- (i) Permintaan yang meningkat berikutan perlumbuan ekonomi negara dan pertumbuhan industri pembinaan yang pesat sejak 3

tahun yang lalu. Penggunaan simen meningkat sebanyak 30% daripada 4.3 juta metrik tan dalam tahun 1989 kepada 5.6 juta metrik tan pada tahun 1990 dan dijangka meningkat sebanyak 19.6% kepada 6.7 juta metrik tan dalam tahun 1991. Pengeluaran bagi tempoh yang sama meningkat sebanyak 23% daripada 4.8 juta metrik tan kepada 5.9 juta metrik tan dan dijangka meningkat sebanyak 15.3% kepada 6.8 juta metrik tan dalam tahun 1991;

- (ii) berlakunya kerosakan luar jangkaan selain daripada pemberhentian pengeluaran kerana kerja-kerja penyelenggaraan. Kekurangan ketara berlaku apabila lebih daripada satu kilang simen memberhentikan pengeluaran pada masa yang sama akibat kerosakan luar jangkaan;
- (iii) terdapat juga pihak-pihak tertentu yang menyimpan simen berlebihan dengan tujuan untuk mendapat keuntungan yang lebih;
- (iv) kekurangan disetengah-setengah tempat adalah disebabkan kekurangan kenderaan dan masalah pengangkutan dan sistem pengedaran yang menyebabkan kelewatan untuk membawa bekalan ke destinasi-destinasi tertentu. Keadaan ini banyak berlaku di Sabah dan Sarawak;
- (v) setengah-setengah pemaju binaan mempunyai rekod pembayaran belian yang tidak baik dan dengan itu sukar mendapat bekalan simen;
- (vi) selain daripada itu, beberapa pihak telah mengeksport simen ke negara jiran kerana tawaran harga yang lebih; dan

- (vii) kekurangan simen di Sabah dan Sarawak adalah juga kerana masalah bekalan klinker kepada kilang-kilang simen di kedua-dua negeri tersebut,

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah kekurangan bekalan simen dalam negeri adalah seperti berikut:

Langkah-langkah Jangka Pendek

- (i) Mulai 15hb Ogos 1991 sehingga 31hb Disember 1991 Kerajaan membenarkan simen diimport tanpa duti. Sehingga ini lebih kurang 10,000 metrik tan simen telah diimport.
- (ii) Pengeksportan simen disekat kecuali bagi kontrakjualan antara Kerajaan dengan Kerajaan (Government to Government).
- (iii) Pengeluar-pengeluar simen telah diarah beroperasi 24 jam dengan pengawasan penuh oleh pegawai-pegawai penguatkuasa Kementerian.
- (iv) Pegawai-pegawai Penguatkuasa Kementerian telah dan akan mempertingkatkan aktiviti membanteras penyelewengan termasuk anti-sorok.

Langkah-langkah Jangka Panjang-

- (i) Pengeluar-pengeluar tempatan digalakkan mempertingkatkan dan menambahkan pengeluaran. Pada tahun 1992 kapasiti pengeluaran dijangka bertambah sebanyak 1.8 juta metrik tan lagi.
- (ii) Kerajaan sedang mempertimbangkan permohonan daripada beberapa buah syarikat asing dan tempatan untuk mendirikan kilang-kilang yang baru.
- (iii) Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak sedang mempertimbangkan cadangan untuk mendirikan kilang-kilang klinker

untuk bekalan kepada kilang-kilang simen di negeri-negeri tersebut.

- (iv) Perlindungan dari segi duti import kepada industri simen akan dikaji semula.
- (v) Mengadakan perbincangan yang lebih kerap dengan pengeluar simen supaya langkah awal boleh diambil untuk mengatasi masalah pengeluaran dan pendedaran simen sebelum ianya menjadi kritikal.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai harga simen, sukacita saya menyatakan bahawa harga simen tempatan adalah antara yang terendah di negara-negara Asia Tenggara. Kerajaan sejak tahun 1986 telah memberi perlindungan kepada industri simen tempatan iaitu dengan mengenakan duti import yang tinggi ke atas simen. Perlindungan ini diberi kepada pelaburan dalam industri simen melibatkan modal yang besar dan pulangan yang lewat. Kerajaan memberi perlindungan untuk pastikan industri tersebut berkembang maju dengan mendapat pulangan ke atas pelaburan, dengan izin, rate of return yang berpatutan. Walau bagaimanapun perlindungan ini akan dikaji dari masa ke semasa.

Tuan Haji Mohd Zihin bin Haji Mohd Hassan: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan tadi Yang Berhormat Menteri berkenaan mengatakan bahawa ada orang yang tidak bertanggungjawab menyorok simen untuk selfish motive untuk membuat keuntungan. Dan Yang Berhormat Menteri juga mengatakan tindakan-tindakan di ambil ke atas mereka. Bolehkah saya tahu, berapakah kesalahan-kesalahan seperti itu dan apakah tindakan-tindakan yang diambil sampai ke mahkamah ataupun denda.

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Pegawai-pegawai Penguatkuasa Kementerian memang sentiasa mengawal keadaan,

sama ada pekilang-pekilang, pemborong-pemborong, peruncit simen, di seluruh negara dan sehingga pada masa sekarang sebanyak 78 lindakan telah diambil dengan nilai rampasan sebanyak \$53,691.90 dan mereka yang disabitkan di mahkamah akan didenda sebanyak \$15,000 alaupun penjara tidak lebih dari 2 tahun bagi kesalahan pertama. Bagi kesalahan kedua adalah sebanyak \$25,000 atau penjara tidak lebih dari 5 tahun atau kedua-duanya. Ada di antara mereka yang terlibat dalam angka yang saya sebutkan tadi termasuklah mereka yang tidak mahu menjual simen.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Speaker, soalan lambahan. Menurut dari jawapan daripada Menteri berkenaan mengalakan pengawasan 24 jam telah dan sedang dijalankan. Dan saya hendak tahu mengapa pihak Kerajaan sentiasa mendakwa kekurangan simen disebabkan ada orang yang menjualkan simen dengan harga yang lebih, untung lebih daripada harga-harga yang telah ditentukan pada awal-awalnya. Apabila Persatuan Pembinaan Malaysia mengeluarkan angka-angka membuktikan kekurangan simen sehingga 1 juta lebih di pasaran dalam negeri, kemudian Kerajaan mengeluarkan satu kenyataan mengatakan kekurangan simen itu adalah disebabkan pengeksportan simen yang terlalu banyak. Mengapa pihak Kerajaan sentiasa mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang bercanggah dengan diri sendiri. Mengapa Kerajaan tidak menyasat lebih teliti dahulu sebelum mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan pasaran simen dalam negeri ini. Mengapa kilang-kilang simen sentiasa menghadapi kerosakan jentera atau mesinnya pada saat-saat yang sama. Ini sentiasa berlaku.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, cuba pendekkan. Ini pun mengandungi tiga soalan, kalau tidak silap saya.

Tuan Lau Dak Kee: Tidak, tidak. Satu sahaja. Itu ada hubungkait. Kerana kerosakan mesin itu menyebabkan harga telah dinaikkan. Tiap-tiap pemborong simen hendak mendapatkan simen yang lebih untuk menyorok atau apa-apakah saya tidak tahu. Tetapi telah mengelirukan pasaran simen. Mengapa perkara itu selalu berlaku.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sudah cukup.

Tuan Lau Dak Kee: Saya minta dia jawab.

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham angka-angka yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, sama ada angka itu beliau keluarkan sendiri ataupun daripada pihak-pihak yang berkenaan. Saya minta clarification. Saya tidak faham angka yang disebutkan tadi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat..

Tuan Lau Dak Kee: Saya ada. Ini datangnya dari Malaysian Builder Association yang telah mengeluarkan angka ini oleh kerana pasaran terdapat dari hari kekurangan simen itu terdapat berkurangan lebih dari satu juta bag. Adakah ini benar? Saya ingat Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tidak tahu keadaan ini ataupun tidak baca paper.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat jangan buat sangkaan ya. Soal sahaja, jangan buat sangkaan.

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Itulah Ahli Yang Berhormat ini tidak faham, kalau dalam masa soal jawab dia mesti soal sahaja, tidak payah hendak mengeluarkan kenyataan begitu begini.

Tuan Lau Dak Kee: Saya faham!

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Sebenarnya....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, jangan ganggu. Biar Yang Berhormat Menteri jawab.

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Yang sebenarnya kita telah mengeluarkan angka-angka dari apa yang kita dapati daripada industri. Jadi apa juga kenyataan yang dikeluarkan oleh Kerajaan adalah kenyataan yang sah. Bila tadi kita baca suratkhobar, kalau satu suratkhobar cakap begitu, kemudian suratkhobar lain cakap begitu dan sebagainya, kita tidak bolehlah ikut semuanya. Jadi, saya ingin menyatakan di sini, Tuan Yang di-Pertua, iaitu bagi tahun ini sehingga bulan September, jumlah simen yang dikeluarkan adalah sebanyak 5 juta metrik tan dan yang dijual adalah 4.9 juta metrik tan. Yang telah dieksport sebelum kita haramkan pengeksportan ialah sebanyak 150,000 metrik tan. Jadi bermakna kekurangan itu adalah disebabkan pengeksportan ini. Jadi Ahli Yang Berhormat kena siasatlah lain kali sebelum kata apa-apa dalam Dewan ini.

Yang kedua, iaitu berkenaan dengan kerosakan kilang-kilang simen, ini adalah masalah dalam industri. Macam kata kalau Ahli Yang Berhormat itu sakit, takkan Kerajaan sendiri hendak menjaga Ahli Yang Berhormat supaya Ahli Yang Berhormat baik, begitu jugalah dengan industri.

BANK ISLAM— MELONGGARKAN SYARAT PINJAMAN PERUMAHAN

6. Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap minta Menteri Kewangan menyatakan apakah tindakan yang Kerajaan akan ambil untuk menenulkan yang Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) sebuah bank yang mengamalkan kemudahan dan perkhidmatan urusan

bank secara Islam melonggarkan setengah-setengah syarat pinjaman perumahan yang disediakan kerana syarat seperti setiap pemohon dimestikan menyimpan sejumlah wang bersamaan dengan enam kali ansuran bulanan di samping membuka satu akaun lain adalah membeban dan menyulitkan pemohon yang di luar kemampuan kewangan.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bahawa Bank Islam Malaysia Bhd menjalankan urusan niaga atas landasan hukum-hukum syarak. Pembiayaan perumahan diberi ke atas syarat-syarat seperti berikut:

- (1) Jumlah pembiayaan berasaskan kepada harga penilaian rumah yang dicagarkan kepada bank iaitu:
 - (i) 100% jika rumah baru; dan
 - (ii) Nilai harga terdesak jika rumah terpakai.
- (2) Bayaran balik tidak melebihi 1/3 daripada gaji kasar peminjam;
- (3) Umur tidak melebihi 60 tahun apabila tamat tempoh pembiayaan;
- (4) Deposit cagaran yang dikenakan ialah bersamaan dengan 6 bulan bayaran balik pembiayaan.
- (5) Membuka akaun simpanan dengan Bank Islam.

Syarat yang dikenakan oleh Bank Islam atas peminjam perumahan supaya menyimpan sejumlah wang bersamaan dengan enam kali bayaran bulanan di dalam akaun pelaburan sebagai deposit cagaran dan membuka akaun simpanan adalah untuk memastikan bayaran dibuat setiap bulan. Bayaran bulanan serta tempoh pembayaran adalah tetap sepertimana yang dipersetujui di antara pihak Bank dan peminjam semasa Akad dilangsungkan. Sekiranya peminjam gagal membuat pembayaran mengikut

jadual, pihak Bank tidak mengenakan penalti atau, dengan izin, compound interest, seperti yang diamalkan oleh institusi-institusi kewangan yang lain. Dengan adanya deposit cagaran, pihak Bank boleh mengeluarkan sebahagian daripada deposit ini untuk menunaikan bayaran yang sepatutnya dibayar pada sesuatu bulan itu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bank Islam mengamalkan perakaunan tunai, dengan izin, cash accounting, selari dengan kehendak syariah. Ini bermakna jika bayaran bulanan tidak diterima maka tidak ada apa keuntungan yang boleh dibayar kepada pendeposit-pendeposit pada bulan tersebut. Oleh yang demikian, jika seseorang peminjam gagal membuat bayaran bulannya, ianya akan merugikan pendeposit-pendeposit tain Bank Islam. Dengan adanya deposit cagaran, pihak Bank bolehlah menggunakan sebahagian daripada deposit cagaran peminjam berkenaan untuk mengelakkan tunggakan dan seterusnya kerugian kepada pndeposit-pendepositnya yang lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Bank sedar syarat ini mungkin akan membebankan dan menyulitkan sebahagian pemohon pinjaman perumahan, di mana deposit cagaran adalah di luar kemampuan mereka. Untuk menyelesaikan masalah ini, Bank Islam mempunyai kemudahan supaya amaun deposit cagaran dimasukkan ke dalam amaun pembiayaan yang dipohonkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan syarat membuka akaun simpanan pula adalah untuk memudahkan pembayaran bulanan dibuat di samping menggalakkan supaya simpanan dibuat dengan Bar.k Islam. Pembukaan akaun simpanan juga bertujuan untuk menggalakkan pelanggan yang diberikan kemudahan pembiayaan pinjaman Bank adalah juga pendepositnya. Syarat-syarat yang dikenakan oleh Bank Islam ke aias peminjam-peminjam perumahan iiu merupakan satu prosedur dalaman yang

diamalkan oleh Bank Islam untuk mengelakkan pinjaman-pinjaman yang bermasalah. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak bercadang mengambil tindakan untuk melonggarkan syarat-syarat pinjaman yang dikenakan oleh Bank Islam.

PENANAMAN TEMBAKAU DI KELANTAN

7. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmud minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) bilangan pokok tembakau yang ditanam di Kelantan setiap tahun bagi lima tahun yang terakhir;
- (b) banyak manakah tembakau Kelantan yang boleh dipasarkan apabila sistem quota diadakan;
- (c) anggaran pokok tembakau yang ditanam di Kelantan dalam musim sekarang yang dijadualkan matang bulan Januari depan dan apakah rancangan memasarkannya. Banyak mana yang sudah terjamin pasarannya dan banyak mana yang belum ada pasaran; dan
- (d) apakah nasihat Kementerian bagi menjamin masa depan pengusaha tembakau dalam suasana pasarannya kini tidak terjamin.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik): Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada bilangan pokok tembakau sebanyak 17,500 pokok bagi satu hektar, bilangan pokok tembakau yang ditanam di Kelantan bagi 5 tahun yang terakhir adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Keluasan (Hektar)</i>	<i>Bilangan Pokok.</i>
1987	8,022	140.4 juta.
1988	6,079	106.4 juta.
1989	7,952	139.9 juta.
1990	6,281	109.9 juta.
1991	9,473	165.8 juta.

Semenjak sistem kuota diperkenalkan pada tahun 1973, semua tembakau awetan pemanas Malaysia (TAPM) yang dihasilkan itu memenuhi perincian mutu yang ditetapkan oleh Lembaga Tembakau Negara dapat dipasarkan.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, dalam 5 tahun terakhir ini, jumlah TAPM dari Kelantan yang dipasarkan adalah di antara 5 juta kilogram sehingga 7 juta kilogram setahun bergantung kepada permintaan pasaran. Mengenai pokok tembakau di Kelantan yang dikatakan ditanam dalam musim sekarang dan dijadualkan matang pada bulan Januari depan, sebenarnya lanaman musim

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Musim.

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik: Musim.

Tuan Lau Dak Kee: Musimlah.

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik: You tahu, apa awak mahu cakap lagi. Diamlah. Jangan kacau. Musim. (*Disampuk*)

Tuan Lau Dak Kee: Musim. Bukan Musium.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Terus, Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik: Maaf, Tuan Yang di-Peua, musim-musim.

Tuan Lau Dak Kee: Musim, bukan musium.

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik: Cukup, dia ingat dia sangat pandai. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Ipoh, bertenang.

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik: Sebenarnya tanaman musim akan datang akan dimulakan pada bulan Januari, 1992 setelah benih ditabur pada pertengahan bulan November, 1991. Jumlah tanaman yang akan dirancang adalah bergantung kepada permintaan TAPM pada tahun hadapan oleh kerana kuota tahun 1992 belum ditetapkan lagi. Saya tidak dapat memberikan anggaran tanaman tembakau pada ketika ini. Sebenarnya pasaran tembakau tempatan tidaklah menimbulkan masalah seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat, iaitu berkenaan dengan cuaca. Dengan adanya sistem kuota, keluaran tembakau tempatan yang memenuhi perincian mutu yang ditetapkan oleh LTN telah dipasarkan selama ini. Apa yang menjadi masalah adalah pengusaha tembakau mengeluarkan tembakau lebih daripada kuota yang ditetapkan berkesan kepada permintaan pasaran. Oleh itu, saya suka menasihatkan supaya pengusaha-pengusaha tembakau mematuhi kuota yang ditetapkan bagi mereka demi kepentingan mereka sendiri.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri, soalan pertama, berapa jumlahkah tembakau daripada luar negeri yang diimport ke Malaysia dan apakah jenis-jenis tembakau itu? Jika benar, apakah keistimewaan-keistimewaan yang lelah diber kepada pengimport tembakau ke negara kita ini?

Soalan kedua, berapa jeniskah rokok yang dibenarkan untuk diimport oleh Kerajaan ke negara kita ini? Dan apakah tidak ada rancangan oleh pihak Kementerian untuk menghadkan pengimportan rokok daripada luar negeri ataupun untuk menghapuskan sama sekali demi menjaga masa depan penanam-penanam tembakau dalam negara kita?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya rasa bahagian yang kedua itu agak terkeluar daripada soalan asal.

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, mengenai jumlah tembakau yang diimport oleh pengilang-pengilang, saya tidak ada angka-angka yang sebenar, tetapi lebih kurang 5 juta kilogram setahun, Yang mahu mengimport tembakau dari luar negeri dikenakan cukai \$50.00 sekilogram. Dengan cukai yang sangat tinggi itu, mereka pun ada mengimport tembakau seperti Virginia dan Berry dan lain-lain dan bagi tahun yang akan datang, Kerajaan sedang berdialog dengan pengilang-pengilang rokok di negara kita untuk memima mereka mengurangkan pengimpotan tembakau khasnya tembakau Virginia yang ditanam oleh penanam-penanam tembakau di negara kita.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetahui daripada Yang Berhormat Menteri dalam usaha hendak menjamin masa depan penanam lembakau ataupun pengusaha tembakau, adakah Lembaga Tembakau Negara akan diperbadankan dan secara tidak langsung dimasukkan dalam senarai yang akan diwastakan?

Dato' Dr Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang Lembaga Tembakau Negara adalah berjalan dengan licin walaupun tidak dalam senarai yang diperbadankan. Pada masa sekarang masih tidak ada cadangan untuk tujuan itu.

TAHAP PENDIDIKAN DI SARAWAK— MEMPERTINGKATKAN

8. Puan Rohani binti Abd. Karim tntina Menieri Pendidikan menyaiakan apakah langkah-langkah khusus yang akan diambil oleh Kementerian dalam masa Rancangan Malaysia Keenam

(RME) untuk mengatasi masalah-masalah seperti tahap pendidikan di negeri Sarawak yang masih mundur jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain, kekurangan bilik darjah, alat-alat pendidikan asas, guru terlatih, rumah guru dan keadaan alam sekiiar khasnya di luar bandar.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sentiasa mengambil tindakan dalam usaha untuk mempertingkatkan tahap pendidikan, bukan sahaja di negeri Sarawak tetapi juga di seluruh negara khasnya di luar bandar. Dalam setiap Rancangan Lima Tahun Kementerian Pendidikan sentiasa menyediakan guru-guru yang terlatih, peralatan-peralatan untuk memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran dan juga bilik darjah yang sempurna, untuk kita mengatasi keperluan yang bertambah dan untuk gantian bilik darjah yang lama.

Dalam Rancangan Malaysia Keenam, Kerajaan akan mempertingkatkan lagi taraf pendidikan di negeri Sarawak dengan menambahkan lagi kemudahan-kemudahan fizikal seperti bangunan sekolah dan rumah guru, meningkat dan menyediakan kemudahan pendidikan asas dan guru-guru terlatih. Peruntukan sejumlah \$404.1 juta telah disediakan untuk tujuan berkenaan khususnya di kawasan luar bandar Sarawak.

Berhubung dengan masalah guru terlatih, usaha telahpun dijalankan untuk kita menambahkan lagi pengeluaran guru-guru yang berkenaan. Dalam tahun 1991 seramai 1,020 orang guru pelatih menjalani latihan di maktab-maktab perguruan dan jumlah ini meningkat kepada 1,221 orang pada tahun 1992. Jadi, sebilangan besar dari guru-guru terlatih ini apabila tamat pengajian kelak, kita akan menempatkan mereka di luar bandar di Sarawak.

**PELABUR ASING—KOMPONEN
TEMPATAN SEKTOR
PEMBUATAN**

9. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan memandangkan penggunaan komponen tempatan dalam sektor pembuatan, terutama oleh pelabur asing hanya di amara 10 hingga 15 peratus, adakah Kerajaan bercadang mewujudkan satu dasar untuk mewajibkan kadar penggunaan komponen tempatan, jika ada, bila dasar tersebut dapat dilaksanakan, jika tidak mengapa.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Chua Jui Meng): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melainkan bagi industri automotif, Kerajaan pada masa ini tidak bercadang untuk mengadakan dasar bagi mewajibkan penggunaan komponen-komponen tempatan dalam sektor pembuatan. Sebaliknya pula Kerajaan berpendapat pada masa sekarang peningkatan penggunaan komponen tempatan boleh tercapai melalui pelaksanaan lain-lain dasar berkaitan seperti pemberian insentif dan percukaian.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar bahawa sektor pembuatan telah berkembang dengan pesat dan ini memberi peluang-peluang kepada industri komponen tempatan untuk berkembang. Namun demikian, kepesatan pembangunan sektor pembuatan telah menyebabkan peningkatan dalam pengimportan barang-barang modal dan komponen-komponen. Kebanyakan dari barang-barang ini perlu diimport kerana tidak didapati di dalam negeri ataupun jika terdapat komponen tempatan belum mencapai tahap yang memuaskan dari segi kualiti dan kos.

Tuan Yang di-Pertua, di antara langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan penggunaan komponen-komponen tempatan ialah:

- (1) menggalakkan industri-industri berintensif modal dan yang mengeluarkan komponen-komponen untuk sektor pembuatan;
- (2) membangunkan dan memodenkan sektor industri kecil dan sederhana supaya sektor ini dapat membekalkan barang-barang gantian dan komponen yang berkualiti kepada industri-industri besar; dan
- (3) memberi penekanan kepada kandungan tempatan dalam pemberian galakan Taraf Perintis dan Elaun Cukai Pelaburan seperti untuk industri elektronik di mana hanya syarikat-syarikat yang mempunyai 50% kandungan tempatan akan diberi galakan Taraf Perintis.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah pihak Kerajaan memberitahu di sektor manakah pembuatan yang menggunakan komponen tempatan ini antara 10%—20% dan 30%—40% ataupun sekurang-kurangnya melcibihi 5% alat-alat komponen tempatan yang digunakan oleh pihak mereka. Saya hendak minta penjelasan sektor manakah yang terlibat.

Saya hendak tahu juga bahawa memang menjadi satu dasar Kerajaan bahawa komponen-komponen tempatan patut digunakan sampai ke satu tahap di mana insentif ataupun penggalakan diperolehi bagi mereka dan saya hendak tahu sejauh manapula tindakan telah dan sedang diambil untuk mengatasi kejadian seperti yang disebutkan oleh Timbalan Menteri itu?

Selain dari itu, saya ingin tahu juga, jikalau kilang-kilang atau pengeluaran-pengeluar barangan-barangan daripada

kilang asing alaupun pelabur asing dan tempatan di mana komponen itu tidak mengikut kadar yang telah ditentukan oleh Kerajaan, berapa banyakkah penitit atau lesen telah diberi amaran dan telah diambil tindakan untuk memberi amaran kepada mereka ataupun dibatalkan lesennya?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, lain kali soalan lambahan ini tolong singkatkan.

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan-soalan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh tidak begitu jelas, tetapi saya cubalah hendak tangkap erti yang dia hendak keluarkan.

Pertamanya, mengenai peratusan, selain daripada industri automotif yang saya katakan tadi, untuk industri-industri yang lain kita tidak ada angka-angka untuk menunjukkan pencapaian dalam ketuaran komponen-komponen. Tetapi pada keseluruhannya kita boleh menunjukkan penggunaan komponen-komponen tempatan telah meningkat. Umpamanya, pada tahun 1987 sebanyak 50.2% daripada jumlah pengimportan ialah daripada intermediate goods ataupun daripada bahan-bahan separuh siap. Pada tahun 1990, perkara ini telah dikurangkan kepada tahap 45%. Ini satu kejayaan dalam kebolehan industri-industri tempatan untuk mengeluarkan komponen-komponen tempatan.

Untuk industri automotif, pada masa kini berkaitan dengan kereta penumpang di bawah paras 2000 c.c. kuasanya kita telah mencapai pengeluaran dan penggunaan komponen tempatan sebanyak 30% dan untuk kenderaan perdagangan dan untuk kereta-kereta penumpang melebihi 2000 c.c. sehingga 3000 c.c., kita telah mencapai 20% dalam penggunaan komponen-komponen tempatan.

Mengenai soalan-soalan yang lain itu, saya tidak begitu jelas apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sudah cukuplah.

PROGRAM UNESCO

10. Tuan Gooi Hock Seog minta Menteri Pncrangan menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan ambil untuk menyokong program UNESCO bagi menggalakkan pengaliran pendapat melalui perkalaan dan imej di kalangan negara-negara dan antara setiap negara.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Haji Jaffrey): Tuan Yang di-Pertua, sebagai salah satu daripada anggota UNESCO (United Nations Educational Scientific and Cultural Organization), Malaysia menyokong semua program UNESCO sama ada dilaksanakan di dalam negara ini ataupun yang dianjurkan oleh negara-negara anggota UNESCO yang lain. Di bawah program 'menggalakkan pengaliran pendapat melalui perkataan dan imej' yang dianjurkan oleh UNESCO, Malaysia mengambil bahagian aktif dalam rancangan-rancangan UNESCO dengan mengadakan penumpuan seperti berikut:

- (i) Meluaskan perkhidmatan-perkhidmatan institusi penyediaan siaran. Sebagai contoh AIBD (ASIA—Pacific Institute For Broadcasting Development) dan ABU (Asian Broadcasting Union);
- (ii) Mengukuhkan kedudukan Pusat-pusat Dokumentasi Komunikasi Antarabangsa (COMNET) atau International Network of Communication Documentlation Centres.

Di dalam bidang media dan elektronik, negara kita adalah menjadi pusat penyiaran berita-berita melalui program Asia Vision ke negara-negara di Asia Pacific, Eropah dan juga Amerika Syarikat.

Di dalam bidang cetak pula, 'BERNAMA' menjadi pusat berita bagi negara-negara ASEAN. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh badan Kerajaan tersebut adalah selaras dengan matlamat UNESCO terhadap menggalakkan pengaliran maklumat di peringkat antarabangsa dan di peringkat nasional.

Selaras dengan matlamat UNESCO dalam bidang komunikasi, negara ini sentiasa memberi khidmat sama ada di dalam bentuk kepakaran ataupun menyertai program-program yang dianjurkan oleh UNESCO di dalam dan di luar negeri. Di samping itu juga, Malaysia adalah dalam proses menyediakan 'Directory of Experts', dengan izin, di dalam bidang komunikasi untuk digunakan oleh UNESCO.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tadi kita dengar bahawa Barisan National Government kata, kita menuju kepada satu 'borderless world', bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan pendirian dasar Kerajaan mengenai perkara dan masalah satelit televisyen, khususnya mengenai rancangan atau sistem satelit televisyen untuk Asia yang akan dilancarkan pada bulan hadapan untuk semua negara di Benua Asia, sama ada Kerajaan akan membenarkan rakyat Malaysia untuk menerima program-program satelit televisyen dan kemudian satu satelit televisyen daripada Indonesia yang akan dipancarkan. Apa pendirian Kerajaan dalam perkara ini?

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir apa Ahli Yang Berhormat katakan tadi kurang tepat ataupun tidak ada hubungan direct kepada persoalan yang ditimbulkan.

Jadi, apa yang saya katakan tadi berhubung dengan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan di bidang ini ialah melalui Asia Vision yang telah menjadi pusat penyiar berita-berita dirantau ASEAN ke negara-negara lain di mana Malaysia sendiri menjadi pusat penyiaran ini. Itu yang tepat.

Tuan Lim Kit Siang: Saya hendak tahu apakah pendirian oleh kerana kita bincang mengenai information centre ini.

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat ingin tahu, saya perlu notis, akan saya berikan cara bersurat untuk keterangan lanjut.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baiklah.

Dr Kua Kia Soong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu adakah sikap atau dasar Kerajaan untuk mengambil bahagian dalam semua persidangan yang dianjurkan oleh UNESCO kerana saya tahu ada satu persidangan yang muslahak sekali pada tahun 1982 iaitu International Conference on Cultural Policies, dan saya pun Kerajaan atau wakil-wakil Kerajaan ini tidak pun mengambil bahagian di dalam conference ini, dan di dalam conference ini ada beberapa resolusi yang penting untuk menghormati dasar-dasar kebudayaan di semua negara-negara di dunia ini....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, apa soalnya? Ini kenyataan nampaknya.

Dr Kua Kia Soong: Ya, satu clarification ke atas soalan saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Mukadimah terlampau panjang.

Dr Kua Kia Soong: Kalau saya duduk, dia kata apa yang dia hendak kata dan saya tidak ada peluang untuk

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, terus soal sahaja.

Dr Kua Kia Soong: Sudah, saya sudah menyoal.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Itu bukan soalan tadi.

Dr Kua Kia Soong: Adakah dasar Kerajaan untuk mengambil bahagian dalam persidangan-persidangan yang dianjurkan oleh UNESCO dan kenapa Kerajaan ini tidak mengambil bahagian dalam International Conference on Cultural Policies pada 1982? Senang sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya rasa inipun terkeluar daripada soalan asal.

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa lerkeluar, saya rasa tidak payah saya jawab.

Tuan Lim Kit Siang: Bilakah saya bolch dapat jawapan kepada notis itu secara bertulis, bolehkah saya tahu?

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Esok.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baiklah. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa untuk Soal Jawab telahpun tamat.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 31 adalah diberi di bawah ini)

COURT HOUSE DI KUDAT

11. Tuan George Sangkin minu Menteri Kehakiman menjelaskan perkembangan ke atas permohonan oleh Jawatankuasa Pembangunan dan Tindakan Daerah Kudat, Sabah mengenai pengwujudkan sebuah 'Court House' di Kudat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Untuk makluman Yang Bcrhormat, Kementerian ini tidak pernah menerima permohonan daripada Jawatankuasa Pembangunan dan Tindakan Daerah Kudat, Sabah mengenai pengwujudan sebuah 'Court House' di Kudat.

Tiada projek pembinaan mahkamah untuk Kudat dirancangan di bawah Perancangan RM6. Walau bagaimanapun, Kementerian ini sering dari masa ke semasa mengkaji untuk mengadakan bangunan mahkamah di mana-mana tempat yang difikirkan perlu tertakluk kepada bilangan kes yang didaftarkan, pertumbuhan penduduk, pembangunan sesuatu daerah dan faktor-faktor lain.

KOPERASI PEKERJA PERINDUSTRIAN

12. Che Ibrahim bin Mustafa minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan:

- (a) sejauh manakah usaha-usaha menubuhkan koperasi di kilang-kilang mencapai kejayaan;
- (b) nyatakan jumlah koperasi yang ditubuhkan di kilang-kilang serta keahliannya; dan
- (c) adakah usaha-usaha ini mendapat kerjasama baik daripada pihak pengurusan kilang.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi (Dato' Mohd, Khalid bin Mohd. Yunus):

- (a) untuk makluman Yang Berhormat, Koperasi pekerja-pekerja perindustrian yang pertama telah didaftarkan pada 7hb Mei, 1953 ialah Koperasi Pekerja-pekerja Malayan Hour Mill Berhad di negri Perak dan

yang terbaharu didaftarkan ialah padabulan September, 1991 iaitu Koperasi Pewaja Berhad. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam, Kementerian ini akan memberi penekanan yang lebih mengenai "Projek Penubuhan Koperasi Kakitangan Syarikat Swasta" di seluruh Malaysia. Satu kempen secara mcnyeluruh akan dilancarkan secara rasmi pada hujung tahun ini.

- (b) Sebanyak 28 buah koperasi jenis ini telahpun didaftarkan setakat ini dengan keahliannya seramai 14,830 orang.
- (c) Kerjasama yang diberikan oleh pihak pengurusan kilang-kilang amatlah baik. Sebagai langkah awal, Jabatan Pembangunan Koperasi kini sedang mendapatkan maklumbalas dari pihak pengurusan kilang-kilang di atas cadangan itu. Dari jumlah 262 kilang yang ditemui, semua menyatakan bersetuju di atas konsep penubuhan koperasi ini dan sebilangan kecil sahaja yang bersetuju dengan 'reservation'.

PINJAMAN KENDERAAN DAN PERUMAHAN—KELAYAKAN

13. Tuan Foo Piew Kok minta Menieri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pinjaman kereia dan rumah kepada kakitangan Kerajaan itu tidak mencukupi, memandangkan harga kereta dan rumah meningkat berkali ganda. Jika ya, sama ada jumlah pinjaman itu akan dinaikkan. Jika tidak, kenapa.

Tuan Abdul Ghani bin Ohtman: Kerajaan sedar bahawa harga kenderaan telah mcningkat beberapa tahun yang lepas. Oleh itu Kerajaan menaikkan had kelayakan pinjaman kendcraan pada awal tahun 1990 melalui Pekeliling Perbendaharaan Bil.6 Tahun 1990. Secara umumnya julat atau dengan izin,

range, kelayakan pinjaman kereta yang berkuatkuasa sekarang adalah sebanyak \$17,000 hingga 35,000 bergantung kepada tarafjawatan seseorang pegawai. Memandangkan had kelayakan itu baru sahaja dipinda pada tahun lepas, Kerajaan tidak bercadang untuk memindanya sekarang.

Mengenai pinjaman perumahan, kelayakan pinjaman perumahan yang ditetapkan sekarang adalah berkuatkuasa sejak tahun 1988. Secara umumnya, julat kelayakan pinjaman perumahan yang berkuatkuasa sekarang adalah sebanyak \$25,000 hingga \$155,000 bergantung kepada taraf jawatan pegawai dan kakitangan. Selalunya, jumlah kelayakan pinjaman perumahan bukan sahaja ditetapkan berdasarkan kepada harga rumah tetapi juga mengambilkira keupayaan membayar balik pinjaman di mana hendaklah tidak melebihi 40% daripada gaji seseorang pegawai. Kerajaan sedar bahawa harga rumah telah meningkat sedikit. Walaubagaimanapun. buatmasa ini, Kerajaan tidak bercadang menaikannya. Jika jumlah kelayakan pinjaman perumahan dinaikkan, harga rumah akan naik dan ini akan menjejaskan kemampuan kakitangan Kerajaan membeli rumah.

PROGRAM PEMBANGUNAN RAKYAT TERMISKIN

14. Dr T. Marimuthu minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) ciri-ciri golongan masyarakat yang mendapat faedah daripada pembasmian rakyat termiskin; dan
- (b) bolehkah pertubuhan-pertubuhan sukarela mencadangkan atau mengenalpasti keluarga-keluarga untuk mendapat faedah daripada program ini.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:

- (a) Keluarga-keluarga yang boleh mendapat faedah dari Program Pembangunan Rakyat Termiskin ialah mereka yang mempunyai pendapatan kurang daripada separuh dari Garis Pendapatan Kemiskinan (Poverty Line Income) serta menghadapi masalah keperluan asas (basic needs) dan kemudahan asas.
- (b) Pertubuhan-pertubuhan sukarcia boleh mencadangkan atau mengenalpasli keluarga-keluarga untuk mendapat faedah dari program ini dengan cara mengemukakan maklumat kepada Jawatankuasa Penyelaras Program Pembangunan Rakyat Termiskin di peringkat daerah yang mana Pejabat Daerah adalah merupakan Urusetia kepada Jawatankuasa ini.

**SKIM PERKHIDMATAN
KAKITANGAN AKADEMIK
UNIYERSITI TEMPATAN**

15. Tuan Abdul Malek Munip minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah rancangan untuk memperbaiki skim perkhidmalan bagi kakitangan akademik di Universiti-universiti tempatan dan bilakah rancangan itu akan dilaksanakan.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan telah mengumumkan Skim Saraan Baru (SSB) bagi semua kakitangan Kerajaan termasuk pensyarah universiti tempatan lerutamanya di bidang perubatan dan kejuruteraan, Oleh kerana skim ini akan dilaksanakan pada awal tahun 1992, maka keterangan lanjut tidak dapat diumumkan buat masa kini.

**FERI MALAYSIA—
PERKHIDMATAN**

16. Datuk Monggoh Orrow minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan bolch membuat satu laporan rasmi dan mengemukakan laporan itu kepada Dewan ini mengenai Perkhidmatan Feri Malaysia memandangkan bahawa Kerajaan telah membelanjakan berjuta-juta ringgit wang rakyat bagi membeli dan memperbaiki sebuah kapal daripada sebuah negara di Eropah dan juga membina kemudahan-kemudahan dermaga, bangunan-bangunan untuk pejabat-pejabat Feri Malaysia di Kuantan, Kuching dan Kota Kinabalu; dan
- (b) sekarang kapal Feri Malaysia sudah berhenti perkhidmatannya, di manakah kapal Feri Malaysia sekarang dan apakah terjadi kepada dermaga dan bangunan-bangunan pejabat yang telah dibuat untuk perkhidmatan ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Wong See Wah):

- (a) Perkhidmatan Feri Malaysia telah dijalankan oleh Syarikat Feri Malaysia Sdn. Bhd. yang ditiliki sepenuhnya oleh Perbadanan Nasional Shipping Line Berhad (PNSL) yang pula merupakan anak syarikat Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS). Sebarang perkembangan yang dicapai dalam melaksanakan perkhidmatan Feri Malaysia ini adalah dilaporkan di dalam laporan-laporan tahunan syarikat Kumpulan PERNAS yang mana laporan itu ada diedarkan di Dewan ini. Oleh yang demikian, satu laporan rasmi mengenai penamatan perkhidmatan kapal Feri Malaysia tersebut tidak perlu dikemukakan lagi. Sebagai

penjelasan Kerajaan tidak mengalami kerugian kewangan di dalam melaksanakan perkhidmatan Feri Malaysia kerana apabila kapal Feri Malaysia itu dijual, ianya telah dijual dengan harga yang menguntungkan berbanding dengan kos pembliannya.

- (b) Seperti dijelaskan diatas, Kerajaan telahpun menjual kapal Feri Malaysia dan Kerajaan tidak lagi perlu mengctahui di mana kapal itu berada. Mengenai dermaga-dermaga dan bangunan terminal yang iclah dibina bagi perkhidmatan Feri Malaysia, ianya masih terus digunakan. Dermaga di Pelabuhan Kuantan digunakan oleh kapal yang mengendalikan kargo secara ro-ro (roll on roll off) yang singgah di pelabuhan itu. Dermaga di Pelabuhan Kuching digunakan secara yang sama terutama untuk kapal PERNAS Safari. Bangunan terminal Pelabuhan Kota Kinabalu pula digunakan sebagai ruang pejabat operasi Pelabuhan Kota Kinabalu.

MUATAN BERLEBIHAN BAGI PENGANGKUTAN

17. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Pengangkutan menyatakan setakat manakah sekatan-sekatan muatan berat bagi pengangkutan-pengangkutan effective, dan apakah langkah-langkah yang sedang diambil berhubung dengan perkara yang sama memandangkan masih banyak pengangkutan-pengangkutan berat bermaharajalela waktu siang dan malam, yang menyebabkan kemalangan dan kesesakan lalulintas.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Kementerian Pengangkutan menyedari bahawa setakat ini pencapaian penguatkuasaan terhadap kenderaan yang membawa muatan

berlembihan belum lagi mencapai ke tahap seratus peratus kekesanan. Ini ialah kerana keupayaan Agensi-agensi penguatkuasaan yang menjalankan operasi, iaitu Polis Di Raja Malaysia dan Jabatan Pengangkutan Jalan adalah terhad dari segi bilangan anggota dan kemudahan mesin timbang. Dalam pada itu pertumbuhan ekonomi yang pesat yang mengakibatkan bertambahnya pengangkutan komersial menjejaskan lagi keupayaan penguatkuasaan tersebut,

Untuk mendapatkan keberkesanan yang maksima dalam penguatkuasaan peraturan sekatan-sekatan muatan berat, Kerajaan telahpun meluluskan pembinaan 43 stesyen timbang di jalan-jalanraya persekutuan seluruh Malaysia sepanjang Rancangan Malaysia Keenam.

Sebanyak 43 stesyen akan dibina untuk program peringkat pertama di mana 13 daripadanya dijangka akan berfungsi pada tahun 1992. Stesyen timbang yang dibina akan dapat beroperasi selama 24 jam sehari, dengan diawasi secara bergilir-gilir oleh pasukan penguatkuasaan yang terdiri daripada pegawai-pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan. Bagi memenuhi keperluan tersebut, agensi Pusat seperti JPA dan Perbendaharaan telahpun meluluskan pertambahan perjawatan kakitangan dan perbelanjaan mengurus di mana proses pengambilan kakitangan sedang dijalankan. Dengan adanya penguatkuasaan yang berterusan selama 24 jam sehari di jalanraya-jalanraya utama negara, Kementerian Pengangkutan yakin penguatkuasaan peraturan sekatan muatan berat akan menjadi lebih berkesan.

TELEFON

18. Tuan Robert Lau Hoi Chew minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan jumlah penduduk bagi sebuah telefon di semua negeri di Malaysia.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Yellu): Tahap pembangunan telekomunikasi dalam sesebuah negara biasanya diukur dari segi apa yang dipanggil 'penetration' atau nisbah jumlah telefon bagi tiap-tiap 100 orang penduduk.

Bagi setiap negeri di Malaysia nisbah itu adalah:

<i>Negeri</i>	<i>Penetration</i>
Kedah	4.4
Perlis	5.7
Pulau Pinang	12.7
Perak	7.8
Wilayah Persekutuan	21.1
Selangor	14.0
Johor	9.1
Melaka	8.5
Negeri Sembilan	8.8
Pahang	4.5
Kelantan	3.1
Terengganu	4.0
Sabah	6.0
Sarawak	6.4
MALAYSIA	8.8

Nisbah bagi negara Malaysia adalah 8.8

GURU TAK BERIJAZAH— KENAIKAN PANGKAT

19. Tuan Fong Kui Lun minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah guru tak berijazah yang diberikan kenaikan pangkat berdasarkan aliran sekolah di seluruh negara dan mengapakah masalah ini berlarutan begitu lama.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan kenaikan pangkat dalam Sekim PPPBS

yang baru dari Skel Gaji B3 kepada Skel Gaji B1 sedang dijalankan dan urusan ini dilakukan berdasarkan kelayakan dan tidak mengikut aliran sekolah. Seramai 653 pegawai terlibat. Bagi urusan peningkatan, seramai 31,856 pegawai telah diberi peningkatan dari Skel Gaji C8 ke Skel Gaji BIO dan seramai 8,433 pegawai telah diberi peningkatan dari Skel Gaji BIO ke Skel Gaji B8 pada 2 Januari, 1989.

Adalah tidak benar bahawa masalah ini telah berlarutan begitu lama. Walau bagaimanapun, pelaksanaan ini memakan masa kerana beberapa prosedur perkhidmatan tertentu harus diikuti dan ia melibatkan jumlah Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang ramai bilangannya.

AL-ARQAM—PENGAJARAN YANG MENYELEWENG

20. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar minla Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah kesan-kesan negatif yang telah berlaku di kalangan masyarakat hasil pengajaran tarikat yang dikatakan menyeleweng dari akidah Islamiah, yang dibawa oleh pergerakan Al-Arqam. Adakah pengharaman hanya dihadkan kepada penerbitan-penerbitan pergerakan ini sahaja.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Kesan-kesan negatif hasil pengajaran yang menyeleweng oleh Pergerakan Al-Arqam ialah perselisihan pendapat yang boleh membawa kepada perpecahan umat Islam.

Tindakan pengharaman tidak terhad kepada penerbitan Al-arqam sahaja, malahan ianya merangkumi semua penerbitan yang ada kaitan dengan pertubuhan itu, dan mana-mana penerbitan yang menyeleweng dari akidah Islamiah termasuk penerbitan yang mencemar kesucian Islam.

RUNDINGAN ISRAEL DENGAN ARAB—PENDIRIAN MALAYSIA

21. Tuan Haji Mohamad bin Sabu minta Menteri Luar Negeri menyatakan berikutan dengan usaha Amerika untuk membawa negara-negara Arab ke meja rundingan dengan Israel:

- (a) apakah pendirian Malaysia terhadap usaha tersebut;
- (b) adakah Malaysia bercadang untuk mengiktiraf Israel jika hasil rundingan damai itu berjaya.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Sejak tercetusnya krisis Palesiin berbagai-bagai usaha telah dilakukan oleh masyarakat antarabangsa bagi membantu mencari satu penyelesaian ke atas kebuntuan krisis ini. Pendirian Kerajaan Malaysia di dalam soal tersebut adalah jelas dan ia menyambut baik sebarang usaha oleh mana-mana pihak yang dapat membantu menyelesaikan masalah ini. Walau bagaimanapun, Malaysia berpendirian, usaha-usaha dan inisiatif yang diambil oleh Amerika Syarikat tersebut hendaklah berlandaskan kepada Resolusi 242 (1967) dan 338 (1973) Bangsa-bangsa Bersatu. Resolusi-resolusi ini dengan jelas mendesak supaya Israel mengundur dari wilayah-wilayah yang didudukinya, pembentukan negara Palestin dan kewujudan kedaulatan negara-negara tersebut termasuk Israel untuk hidup secara aman dan damai.

Malaysia sedang mengikut setiap perkembangan berhubung dengan usaha mencari penyelesaian ke atas masalah Arab-Israel. Sekiranya rundingan damai berjaya dan diterima oleh semua pihak yang terlibat dan berasaskan kepada Resolusi 242 dan 338 Malaysia bersedia menimbang soal pengiktirafan ke atas Israel.

KILANG PERUSAHAAN BARU—PEMBUKAAN

22. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan adakah Kerajaan mempunyai rancangan supaya pembukaan kilang-kilang perusahaan baru tidak tertumpu di kawasan Lembah Kelang supaya Kuala Lumpur tidak menjadi Bandaraya Megapolis.

Tuan Chua Jui Meng: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu daripada strategi Dasar Perindustrian Negara seperti terkandung dalam Rancangan Malaysia Keenam, adalah untuk menggalakkan penempatan industri-industri di luar kawasan-kawasan 'Principal Growth Areas', dengan izin, termasuk Lembah Kelang, memandangkan kawasan-kawasan ini sedang menghadapi masalah-masalah tanah perindustrian dan tekanan atas infrastruktur dan utiliti. Dalam usaha ini berbagai langkah sedang dan akan diambil oleh Kerajaan seperti berikut:

- (a) memperbaiki infrastruktur dan bekalan kemudahan kawasan-kawasan yang kurang menjadi tumpuan pelabur supaya daya tarikan kawasan-kawasan ini kepada pelabur dapat dipertingkatkan.
- (b) menggalakkan industri-industri spcsifik bertempat di satu-satu kawasan berasaskan sumber-sumber semula jadi di kawasan tersebut;
- (c) memastikan kerendah-kerendah pentadbiran tidak menjadi penghalang kepada pelabur-pelabur dengan menggalakkan Kerajaan-kerajaan Negeri mengadakan Pusat-pusat Penyelarasan Pelaburan dan mengurangkan prosedur-prosedur bagi mendapat kelulusan penubuhan projek.

- (d) memberi penekanan kepada lokasi dalam pemberian galakan kepada projek pelaburan;
- (e) menubuhkan Jawatankuasa Bersama Penyelarasan Industri di antara MITI dengan setiap Kerajaan negeri dengan objektif untuk bersama-sama merancang arah pembangunan perindustrian, mempergiatkan usaha-usaha penggalakan pelaburan, mengenalpasti industri-industri yang patut dimajukan serta mengatasi masalah-masalah yang dibangkitkan oleh pelabur. Usaha-usaha ini dijalankan untuk memperbaiki dan meningkatkan lagi iklim pelaburan di negeri-negeri tersebut supaya dapat menarik pelabur.

DOKTOR PERUBATAN DAN DOKTOR GIGI UNIVERSITI TAIWAN

23. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) apakah syarat-syarat yang dikenakan untuk doktor-doktor perubatan dan doktor gigi rakyat Malaysia dari Universiti Taiwan untuk berkhidmat dalam Malaysia;
- (b) adakah benar seperti yang diumumkan oleh MCA bahawa siswazah perubatan dan pergigian dari Universiti Taiwan diiktirafkan oleh Kerajaan Malaysia dan kalau ia bilakah ia akan dilaksanakan; dan
- (c) kalau doktor perubatan dan doktor gigi dari Universiti Taiwan masih tidak diiktirafkan sila nyatakan sebab-sebab mengapa dan adakah pihak Kerajaan berbuat demikian memandangkan negara kita kekurangan doktor-doktor dan prestasi universiti-universiti dari negeri Taiwan memang diperakui di seluruh dunia.

Menteri Kesihatan (Dato' Lee Kim Sai): Bagi makluman Yang Berhormat, Kerajaan telahpun mengkaji dan menilai kelayakan-kelayakan perubatan dan pergigian Universiti-universiti Taiwan dan telah bersetuju untuk membenarkan rakyat Malaysia yang mempunyai kelayakan-kelayakan ini berkhidmat di Malaysia jika mereka dapat memenuhi syarat-syarat di bawah Akta Perubatan 1971 dan Akta Pergigian 1971.

Diantara lain, siswazah perubatan dari Universiti Taiwan boleh berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia dengan syarat mereka lulus dalam peperiksaan kelayakan terlebih dahulu dan selepas itu berkhidmat selama 3 tahun di bawah Seksyen 13(3) Akta Perubatan 1971 dan seterusnya diikuti dengan perkhidmatan wajib selama 3 tahun lagi di bawah Seksyen 40 Akta Perubatan 1971.

Bagi doktor pergigian yang berkelulusan dari Universiti Taiwan mereka adalah tertakluk di bawah Seksyen 12(3) Akta Pergigian 1971 yang mana mereka boleh berkhidmat dalam Malaysia selepas menjalani tempoh 2 tahun latihan di bawah pengawasan pakar pergigian. Selepas menjalani tempoh 2 tahun latihan dengan jayanya, mereka boleh memohon untuk berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia sebelum mereka dibenarkan membuat pengamalan dalam Malaysia.

Oleh kerana Kerajaan telah mengkaji perkara ini dengan sedalam-dalatnya dan telah membuat keputusan dasar bahawa rakyat Malaysia yang mempunyai ijazah-ijazah dalam bidang yang berkenaan boleh dibenarkan untuk berkhidmat di Malaysia tertakluk kepada syarat-syarat yang tersebut, maka Kerajaan hanya akan mengkaji serta meniti semula kelayakan-kelayakan berkenaan apabila keadaan memerlukan pada masa akan datang.

TUNTUTAN PILIPINA TERHADAP SABAH

24. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Luar Negeri menyaikan sama ada

rundingan peringkat antara Kerajaan dengan Kerajaan sudah memberi hasil positif dalam tuntutan Filipina terhadap Sabah, yang dilaporkan 'sudah digugurkan oleh Kerajaan pimpinan Corazon Aquino.

Dato' Dr Abdullab Fadzil bin Che Wan: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedudukan Malaysia dalam perkara ini adalah jelas iaitu negara kita mempunyai hak mutlak ke atas Sabah. Sehingga kini tiada apa-apa rundingan diadakan dan terpulangkah kepada Kerajaan Filipina menggugur tuntutannya ke atas Sabah. Presiden Aquino sendiri telah menyatakan kesediaan beliau untuk menggugurkan tuntutan tersebut. Kerajaan kita sedang menunggu tindakannya ke arah matlamat ini.

PEKERJA ASING—KEBENARAN

25. **Puan Lim Lay Hoon** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk memastikan "Pekerja Asing" terus bekerja di tempat yang dipersetujui di estet-estei,
- (b) sama ada Kementerian sedar bahawa bukan semua pekerja asing mempunyai rekod yang bersih; dan
- (c) adakah Kementerian bercadang menyiasat latar belakang mereka sebelum dibenarkan bekerja di Malaysia.

Tuan Ong Ka Ting:

- (a) Kerajaan menetapkan syarat bahawa pekerja asing dibenarkan bekerja hanya diladang-ladang yang mengambil mereka, dan syarat itu dicatit pada Pas Lawatan (Kerja Sementara) yang dikeluarkan kepada mereka. Majikan mereka juga diminta

menentukan mereka bekerja di ladang-ladang berkenaan. Selain dari itu, Jabatan Imigresen Malaysia sentiasa menjalankan pemeriksaan bagi memastikan mereka mematuhi syarat tersebut dan sekiranya mereka enggan mematuhi tindakan undang-undang boleh diambil dan mereka akan diusir keluar.

- (b) Kerajaan memang sedar tentang pentingnya mereka yang bekerja di negara ini layak di segi perkhidmatan dan peribadi mereka.
- (c) Sebelum sesuatu permohonan untuk mendapatkan pekerja asing dipertimbangkan, mereka terlebihdahuluditelilitalar-belakang dan kelayakan mereka. Langkah ini bertujuan untuk memastikan pekerja asing yang hendak diambil bukan daripada mereka yang tidak diingini.

HOSPITAL RATU ELIZABETH KOTA KINABALU—RAWATAN RADIOTHERAPY

26. **Tuan Joseph Voon** minta Menteri Kesihatan menyatakan kenapakah rawatan radiotherapy tidak boleh dijalankan di Hospital Ratu Elizabeth Kota Kinabalu. Dan kenapakah tidak ada 'resident pathologist' di Hospital Ratu Elizabeth.

Dato' Lee Kim Sai: Satu projek untuk menaikkan taraf Hospital Ratu Elizabeth Kota Kinabalu sudahpun diluluskan di dalam Rancangan Malaysia Kelima dan di bawa ke hadapan dalam Rancangan Malaysia Keenam. Salah satu komponen dari projek ini ialah projek Radiotherapi.

Kerja menyediakan pelan induk bagi projek tersebut akan dimulakan tidak berapa lama lagi. Setelah projek pembinaan bangunan Unit Radiotherapi siap nanti, perkhidmatan rawatan Radiotherapi dapat dimulakan.

Kementerian Kesihatan Malaysia pada masa ini sedang mengalami kekurangan pakar patologi. Ini mengakibatkan beberapa hospital besar tidak mempunyai pakar patologi termasuk Hospital Besar Kota Kinabalu. Untuk mengatasi masalah ini, pakar-pakar patologi dari hospital-hospital lain akan memberi liputan ke hospital-hospital yang tidak mempunyai pakar berkenaan.

BARANGAN TERKAWAL DINAIKKAN

27. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) jenis barangan terkawal yang harganya sering dinaikkan oleh peniaga;
- (b) tindakan Kerajaan ke atas kesalahan ini; dan
- (c) langkah-langkah Kementerian bagi memastikan barangan terkawal yang dipasarkan di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan tidak dijual dengan harga yang lebih tinggi daripada harga yang ditelapkan.

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar:

- (a) Barang-barang kawalan yang harganya sering berubah-ubah ialah barang-barang yang mana bekalannya bergantung kepada musim dan pengimportan daripada negara-negara lain seperti bawang merah, bawang putih, cili kering dan ubi kentang. Barang-barang ini diisytiharkan sebagai barang-barang kawalan di musim-musim perayaan sahaja dan harganya tidak ditetapkan oleh Kerajaan, tetapi ditentukan oleh faktor-faktor seperti penawaran dan permintaan, kos pengangkutan, kadar pertukaran mala wang asing dan sebagainya.

- (b) Kerajaan telah, sedang dan akan mengambil berbagai-bagai langkah untuk menentukan peniaga-peniaga tidak menaikkan harga barang-barang ini sewenang-wenangnya, kecuali atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan dan kadar kenaikannya adalah berpatutuan serta tidak membebankan pengguna. Selain daripada mengisytiharkan barangan ini sebagai barang kawalan di musim-musim perayaan yang mana setiap bentuk umsiaganya adalah tertakluk kepada Akta Kawalan Bekalan 1961, Kerajaan juga telah membuat satu Perintah, iaitu Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjualruncit) 1977, mewajibkan penjual runcit meletakkan tanda harga kepada barang-barang ini. Di samping itu juga, Kerajaan telah mendapatkan persetujuan pengimport dan pengedar barang-barang ini untuk merujukkan kepada Kerajaan terlebih dahulu sebelum sebarang kenaikan harga dibuat. Kenaikan harga hanya dibenarkan apabila Kerajaan berpuashati bahawa kenaikan itu tidak dapat dielakkan dan kadar kenaikannya tidak membebankan pengguna. Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan ke atas mana-mana peniaga yang menaikkan harga dengan sewenang-wenangnya.
- (c) Barang-barang yang harganya ditetapkan oleh Kerajaan ialah beras, gula, tepung gandum, minyak petrol "premium", dan minyak petrol "regular", minyak diesel, minyak tanah, gas petroleum cecair, autogas, simen dan besi keluli. Pemeriksaan-pemeriksaan diadakan dari semasa ke semasa untuk menentukan barang-barang ini dijual mengikut harga yang telah

ditetapkan. Dari pemeriksaan-pemeriksaan yang telah dijalankan, Kerajaan mendapati bahawa barang-barang ini dijual dengan harga yang telah ditetapkan di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

KAD PENGENALAN PALSU

28. Tuan Geoffrey Yee Lung Kook minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sepertimana yang kita ketahui bahawa terdapat banyak orang-orang yang memegang kad pengenalan palsu dan ianya telah diketahui bahawa Sabah merupakan sebuah negeri yang paling banyak memperolehi kad pengenalan palsu di Malaysia. Semasa pembaharuan kad pengenalan dijalankan, saya pasti bahawa memang terdapat ramai orang-orang asing yang menggunakan kad pengenalan palsu cuba menipu pegawai pendaftaran, dan soalan saya ialah:

- (a) adakah pegawai pendaftaran akan menangkap mereka pada masa itu juga sekiranya didapati menggunakan kad pengenalan palsu;
- (b) apakah tuduhan atau hukuman dikenakan ke atas jenayah seperti ini; dan
- (c) apakah hukuman yang dikenakan di Indonesia dan Filipina sekiranya seorang Malaysia menggunakan kad pengenalan palsu yang masuk ke negara mereka.

Tuan Ong Ka Ting:

- (a) Pemohon yang menggunakan kad pengenalan palsu semasa membuat permohonan kad pengenalan baru di kaunter akan dilaporkan kepada Pegawai Penguatkuasa atau Jabatan Polis untuk diambil tindakan sewajarnya.

(b) Menggunakan kad pengenalan palsu adalah satu kesalahan dan jika disabitkan boleh dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau denda tidak melebihi \$3,000 atau kedua-duanya sekali.

(c) Hukuman menggunakan kad pengenalan palsu di Indonesia dan Filipina adalah tertakluk kepada undang-undang negara itu.

ELEKTRIK DI SABAH— BAYARAN

29. Tuan Lai Lun Tzee minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan mengapa Kerajaan tidak mahu mengurangkan kos pembayaran elektrik di Negeri Sabah setaraf dengan Semenanjung Malaysia.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Pertanyaan ini telah dijawab semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Aru pada 25.10.1991 dan saya tidak bercadang menambah apa-apa.

VOLVO—SIASATAN PEMBELIAN DATUK BANDAR KUALA LUMPUR

30. Dr Kua Kia Soong minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada benarkah bahawa Datuk Bandar Kuala Lumpur telah membeli 23 buah Volvo bagi pegawai-pegawai skel G, walaupun mereka tidak berhak memperolehnya. Dan beliau juga telah membeli kereta-kereta itu dengan harga \$112,000 setiap salimya, walhal kos sebenarnya hanya merupakan \$88,000 sahaja. Jika ini benar, apakah tindakan yang telah diambil terhadap Datuk Bandar bagi sumbangan beliau itu.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Kementerian Kewangan sedang menyasat mengenai pembelian kereta oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur itu. Tindakan yang sesuai akan diambil setelah siasatan itu selesai kelak. Sepertimana yang sentiasa saya tegaskan sebelum ini Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan ke atas mana-mana pihak yang membazirkan wang atau menyeleweng.

WAWASAN 2020

31. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Abdul Rahman minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) bagi mencapai Wawasan 2020, apakah langkah-langkah Kerajaan bagi memastikan Wawasan ini akan berjaya bagi segi sektor perindustrian;
- (b) apakah langkah-langkah Kerajaan bagi memastikan tidak meningkatnya perubahan ekosistem atau pencemaran alam sejajar dengan pertumbuhan sektor perindustrian; dan
- (c) apakah tindakan Kerajaan sekiranya pengisytiharan 'perang' yang didombakan oleh Persatuan Alam Sekitar Antarabangsa menjadi kenyataan. Dan apakah tindakan Kerajaan bagi menangkis segala tohmahan-tohmahan persatuan ini.

Tuan Chua Jui Meng:

- (a) Bagi mencapai objektif Wawasan 2020 supaya Malaysia menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020, beberapa matlamat telahpun ditetapkan untuk sektor pembuatan di bawah Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJPK) (1991—2000) dan Rancangan Malaysia

Keenam. Di bawah RRJPK Sektor Perkilangan di jangka berkecambah atas kadar 10.5% setahun, sumbangan sektor ini kepada KDNK akan meningkat dari 27% kepada 37% dan sumbangan eksport barang-barang perkilangan kepada jumlah eksport akan meningkat dari 60% kepada 81.7%. Bagi memastikan pencapaian matlamat-matlamat ini, aspek-aspek berikut akan diberi perhatian dalam program pembangunan sektor perkilangan:

- (i) penekanan kepada industri berteknologi tinggi;
- (ii) meningkatkan nilai ditambah barang-barang perkilangan;
- (iii) menggalakan lebih industri berintensif modal sebagai langkah untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja mahir;
- (iv) menggalakkan industri-industri menempatkan projek-projek di luar 'principal growth areas' dengan izin, yang mengalami tekanan ke atas buruh, tanah perindustrian dan infrastruktur.
- (v) mengadakan lebih integrasi di antara industri besar dan kecil supaya lebih komponen-komponen dan bahagian dapat dibekal oleh industri tempatan; dan
- (vi) mencari pasaran-pasaran baru untuk barang-barang eksport negara.

Kerajaan juga akan mengulang-kaji skim-skim galakan yang sedia ada supaya pemberian

galakan-galakan ini lebih selektif, yang diharapkan dapat mencapai maksud:

- (i) meluas dan memperdalamkan asas perindustrian seria memperkuatkan rantaian di antara industri kecil dan besar;
 - (ii) menggalakkan integrasi antara industri untuk pasaran tempatan dan pasaran eksport; dan
 - (iii) menggalakkan usahasama antara pelabur-pelabur tempatan dengan pelabur-pelabur asing dan dengan ini keupayaan usahawan tempatan untuk mencrapp teknologi baru dapat ditingkatkan.
- (b) Perkembangan sektor perindustrian secara pesat yang menjadi teras penumbuhan ekonomi dan pembangunan negara masakini dan masa hadapan akan diseimbangkan dengan pelaksanaan strategi-strategi tertentu bagi memastikan pencemaran alam dan perubahan ekosistem tidak meningkat. Langkah segera yang telah diambil adalah menerusi penguatkuasaan undang-undang, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Peraturan-peraturan di bawahnya termasuk mengemas-kinkan dan melicinkan prosedur pelaksanaan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987 atau lebih mudah disebut sebagai Perintah EIA, bagi mengenalpasti kesan kepada alam sekitar dan mengawal pencemaran sebelum sesuatu projek perindustrian dijalankan. Untuk itu, Jabatan Alam Sekitar akan memastikan laporan EIA disediakan dan diluluskan

sebelum projek dijalankan dan meminta kerjasama pihak-pihak Kerajaan Negeri yang meluluskan pembinaan kawasan perindustrian supaya menggunakan EIA sebagai alat perancangan dan membuat keputusan. Pada masa ini Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 sedang dikaji semula dalam konteks memperkembangkan pelaksanaan dan mengenalpasti bidang-bidang yang perlu dikemaskinikan. Bagi langkah jangka panjang, kerajaan melaksanakan perancangan gunatanah menerusi pelan struktur misalnya, dalam mana aspek-aspek alam sekitar diambil kira bagi mengelakkan kemerosotan ekosistem dan pencemaran alam amnya.

- (c) Untuk makluman Ahli Yang ~~berhadapan Malaysia telah dibuat terhadap Malaysia telah dibuat~~ oleh beberapa Pertubuhan Bukan Kerajaan (Non-Governmental Organisations) dari negara Barat, dan Kerajaan bersiap sedia untuk menangkis tohmahan-tohmahan pertubuhan-pertubuhan tersebut.
- (d) Malaysia telah menyertai beberapa mesyuarat/persidangan antarabangsa mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan secara aktif, di mana kita telah mengemukakan pendirian negara dengan jelas dan juga menangkis apa-apa salah tafsiran atau salah anggapan. Dalam hubungan ini, kita telah mencrima sokongan negara-negara lain, termasuk negara-negara maju dan negara-negara membangun dan lain-lain Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs). Malaysia akan terus bekerjasama rapat dengan negara-negara dan pertubuhan-pertubuhan yang memahami keadaan sebenar di Malaysia.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1990 DAN 1991) (No. 2)

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

**ANGGARAN PEMBANGUNAN
(TAMBAHAN) (BIL. 4) 1990**

**ANGGARAN PEMBANGUNAN
(TAMBAHAN) (BIL. 2) 1991**

Aturan Urusan Mesyuarai dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1990 dan 1991) (No.2) dibacakan kali yang kedua sekarang," dan juga aias masalah:

"Bahawa Usul yang berikut ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

"Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak satu ratus lapan juta, empat ratus tiga ribu, tujuh ratus empat puluh ringgit (\$108,403,740) diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan

- (1) bagi tahun kewangan 1990, untuk menampung sejumlah lima ratus empat puluh satu ribu, tujuh ratus ringgit (\$541,700) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempal 1990 yang dibentangkan sebagai Kertas

Perintah 14 lahun 1991 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua-belas penyata lersebut; dan

- (2) bagi tahun kewangan 1991, untuk menampung sejumlah satu ratus tujuh juta, lapan ratus enam puluh dua ribu, empat puluh ringgit (\$107,862,040) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1991 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 15 tahun 1991 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesepuluh dan kesebelas penyata tersebut". (25hb Oktober, 1991)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sebelum Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap dijemput menyambung ucapan beliau, saya hendak ingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, oleh kerana kesempitan masa, saya terpaksa singkatkan perbahasan atas dasar Rang Undang-undang dan Usul ini. Dan selepas Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap berucap, Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dikehendaki menjawab. Sitakan Yang Berhormat.

3.36 ptg.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak menyambung ucapan saya yang dihentikan pada hari Jumaat yang lalu, iaitu saya hendak menegaskan lagi bahawa kcbanyakan daripada kenatkan ataupun perbelanjaan tambahan yang dipohon untuk diluluskan oleh Dewan ini pada masa ini kebanyakannya adalah

di dalam pembayaran gaji dan lain-lain lagi. Dan sebagaimana yang saya sebut tempoh hari, iaitu Kerajaan meslilah memastikan bahawa dengan kenaikan gaji ini ianya diikuti dengan kenaikan produktiviti. Produktiviti yang berkesan iaitu tahap atau kadar kenaikan produktiviti biarlah melebihi kadar kenaikan gaji yang diberi kepada pegawai-pegawai Kerajaan, kerana dengan begitu sahajalah satu daripada usaha-usaha untuk menghalang peningkatan kadar inflasi akan dapat diatasi selain daripada cara-cara yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, kenaikan tahap produktiviti akan menentukan bahawa kos barang-barang pengeluaran kita dan juga kos perkhidmatan khususnya daripada sektor Kerajaan akan menjadi rendah dan seterusnya ianya akan membolehkan negara kita bersaing dengan negara-negara lain di dalam setnua bidang.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya ingin hendak menyebut tentang kenaikan gaji ini ialah masih lagi wujud satu ratio yang kurang memuaskan di kalangan jabatan-jabatan teknikal, jabatan-jabatan profesional, yang mana sekarang didapati bahawa banyak jabatan profesional dan teknikal seperti Jabatan Pelajaran, Jabatan Pertanian, Jabatan Kesihatan dan lain-lain lagi jabatan teknikal, ratio Superscale kepada Timescalanya masih lagi luas. Dahulu saya bangkitkan mengenai dengan Jabatan Pelajaran, rasionya masih lagi 1: 9, Jabatan Pertanian 1: 8 dan jabatan-jabatan lain lebih kurang 1: 7 dan lain-lain lagi. Dan kalau ini berbanding dengan pihak jabatan-jabatan pentadbiran di mana 1: 3, 1: 4 maka masih lagi wujud jurang ketidakadilan di kalangan birokrasi Kerajaan berlaku di kalangan pegawai-pegawainya. Kalau dipandangkan bahawa banyak pegawai-pegawai daripada jabatan-jabatan ini menghabiskan masa di universiti lebih

satu tahun, lebih dua, tiga tahun daripada ijazah-ijazah yang dikehendaki untuk menjadi pentadbir, maka ianya patut sangatlah diperbaiki keadaannya.

Misalnya, saya hendak mengambil contoh. Saya keluar daripada Universiti Malaya pada tahun 1966, kawan-kawan saya yang keluar bersama daripada Universiti Malaya yang menjadi Pegawai Pertanian pada masa ini, paling tinggi Superscale 'F', tetapi sahabat-sahabat saya yang keluar daripada Universiti Malaya tahun 1966 sekarang ini Superscale 'B' dan kebanyakannya menjadi Ketua Setiausaha Kementerian yang masih ada sekarang ini.

Kawan-kawan yang ada dalam Jabatan Pertanian, dalam Jabatan Haiwan, dalam jabatan-jabatan profesional yang lain habis tinggi Superscale F. Jadi inilah satu kedudukan yang masih lagi perlu diperbaiki oleh pihak Kerajaan untuk menentukan bahawa satu keadilan wujud dalam demokrasi Kerajaan. Mungkin bukanlah tujuan Kerajaan hendak menjadikan begini, mungkin kerana disebabkan sepertimana yang saya katakan dahulu jabatan-jabatan profesional ini lrlalu hendak menjadi profesional sehingga Ketua-ketua Jabatannya tidak mahu mewujudkan jawatan-jawatan Superscale kerana dipandangnya taraf profesionalisme tidak sampai kepada tahap yang dikehendaknya. Tetapi walau macam manapun, saya minta supaya perkara ini diperbaiki dan kalau perlu ditambah lagi bidang-bidang yang boleh dinaikkan jawatan ini, jadi saya pohonlah pihak Kerajaan melakukannya.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan permohonan daripada Lembaga Lebuhraya di dalam permohonan ini ialah sebanyak \$200jula lebih, kebanyakannya ialah untuk pembayaran-pembayaran yang tidak ada kena-mengena dengan pembinaan jalan raya. Kalau kita memandu motokar

daripada Kuala Lumpur melalui jalan coastal road ke Alor Setar daripada Kuala Lumpur ataupun jalan yang bukan jalan lebuhraya, kita dapati jalan-jalan di Perak, di Selangor dan di selatan Pulau Pinang adalah dari segi kualitinya tidak mencukupi untuk menampung kehendak-kehendak pembangunan industri pada masa ini. Kebanyakan jalan-jalan itu telah rosak ataupun masih lagi kecil dan jalan-jalan itu boleh dikatakan telah pun saturated, dengan izin, dan kawasan-kawasan inilah menjadi kawasan-kawasan development corridor seperti yang digariskan di bawah Master Plan Industrial Development, Master Plan Malaysia. Jadi kalau ini tidak diperbaiki, tidak diambil kira mengenai dengan keupayaannya menampung hendak wujudkan development corridor, saya fikir ianya akan menjejaskan proses pembangunan industri kita yang kita gariskan supaya inilah kawasan yang patut ditumpukan untuk pembangunan industri kerana ianya berdekatan dengan pelabuhan, ianya mempunyai segala infrastruktur asas untuk pembangunan itu. Oleh itu, saya memohon pihak Lembaga Lebuhraya lagi sekali memikirkan tentang upgrade ataupun menaikkan dan membaiki taraf jalan-jalan ini dan mewujudkan jalan-jalan 'feeder road' yang lebih banyak ke kawasan-kawasan ini. Kalau dilihat dari segi pembangunan ekonomi tempatan di kawasan-kawasan ini, masih lagi ianya tidak begitu membangun untuk menampung kehendak industrial development, dengan izin, sepertimana yang digariskan di dalam Industrial Development Master Plan negara yang pada masa ini sedang diimplementasikan.

Dan juga di dalam ucapan saya yang lain saya menyeru supaya di dalam Master Plan ini didiversifykan lebih lagi mengenai dengan pembangunan industri negara. Pelbagaian (diversification) ini tidak mungkin dilakukan andainya tidak wujud jalan raya-jalan raya yang lebih di

kawasan selatan Pulau Pinang, Perak yang mana tidak diberi khidmat oleh Lebuhraya Utara-Selatan dan di utara Selangor kerana kalau kita lihat jalan raya-jalan raya yang ada sekarang hanya boleh menampung untuk pembangunan industri yang sedia ada, industri yang berasaskan kelapa sawit, getah dan lain-lain lagi, pada hal industri yang dibangunkan mengikut ekonomi tempatan mungkin tergendala pembangunannya tanpa pembinaan satu jaringan jalan di kawasan-kawasan yang saya sebutkan tadi. Misalnya di Perak, di selatan Pulau Pinang dan juga di utara Selangor, potensi-potensi untuk pembangunan industri pemakanan kerana kawasan-kawasan ini adalah subur untuk penanaman buah-buahan, penanaman sayur iaitu di bidang horticulture yang sudah ada kebolehan orang-orang di kawasan itu tidak boleh dibangunkan tanpa khidmat ataupun tanpa jaringan jalan raya-jalan raya yang memberi khidmat kepada ekonomi-ekonomi tempatan yang ada di situ.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan \$150 juta yang hendak diberi kepada Kementerian Pendidikan yang kebanyakannya adalah untuk menampung kehendak-kehendak mahasiswa-mahasiswa yang tidak upaya membayar yuran yang meningkat. Saya memberi syabas kepada pihak Kerajaan yang peka tentang hal ini kerana mahasiswa kita di universiti-universiti tempatan perlu dibantu di dalam hal ini. Cuma yang saya hendak menegur sedikit ialah mengenai dengan pemberian-pemberian untuk aktiviti R&D (Research & Development) kerana saya dapat tahu bahawa kebanyakan usaha-usaha research and development di universiti-universiti tempatan tidak mendapat bantuan atau sokongan kewangan yang mencukupi.

Saya tidak tahu adakah ini benar ataupun tidak tetapi sekurang-kurangnya pihak Kementerian Pendidikan patut menjadi pencetus

ataupun catalyst kepada usaha ini kerana masalah yang kita hadapi sekarang mengenai dengan serangan-serangan ataupun kritikan mengenai dengan kelapa sawit yang kita keluarkan, yang menjadi tunjang eksport kita masih lagi kita bergantung kepada badan-badan penyelidik di luar negara, badan-badan penyelidik di Amerika Syarikat, di Jerman dan di lain-lain lagi. Badan-badan penyelidik inilah yang mengeluarkan hasil-hasil ataupun penemuan-penemuan mengenai dengan kelapa sawit kita, tetapi belum lagi kita mendapat penemuan-penemuan yang significant daripada pusat-pusat penyelidikan tempatan, khususnya di universiti-universiti kita, selain daripada PORIM sendiri.

Di sini saya ingin menyeru kepada pihak Kementerian Pendidikan supaya lebih peka tentang hakikat ini. Saya pasti kebanyakan saintis yang ada di universiti-universiti kita adalah berkebolehan cukup untuk menjalankan siasatan dan kajian ke atas minyak kelapa sawit kita dan juga ke atas getah yang menjadi tunjang eksport negara.

Pada pendapat saya kajian-kajian ke atas kelapa sawit ini bukanlah satu perkara yang rumit. Ia hanya memerlukan pembiayaan yang cukup ke atas perkakas dan ke atas bahan-bahan kajian yang penting kerana kalau kita lihat wujudnya ahli-ahli sains pertanian di Universiti Pertanian Malaysia dan juga di MARDI, saya fikir banyak penemuan yang dapat dicapai mengenai minyak kelapa sawit.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang ada terlibat juga di dalam permohonan ini, iaitu lebih kurang \$10 juta. Saya ingin menekankan bahawa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri patut membuat sesuatu mengenai dengan apa yang dibangkitkan di dalam Dewan ini oleh saya dan juga rakan-rakan lain

mengenai dengan perlunya Pesuruhjaya Perdagangan yang ditempatkan di luar negara di setengah-setengah kawasan yang strategik perlu dianggotai oleh orang yang lebih matang, orang yang datang daripada seboleh-bolehnya daripada sektor swasta kerana perdagangan antarabangsa moden sekarang ini memerlukan bukan sahaja pengetahuan buku (book knowledge), ianya memerlukan pengalaman di dalam bidang perdagangan, ianya memerlukan kebolehan yang berasaskan kepada pengalaman di dalam bidang perundingan, di dalam bidang menembus pasaran.

Kebanyakan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Perdagangan kita yang ada adalah orang-orang muda yang baru keluar daripada universiti yang tidak mempunyai pengalaman ataupun tidak biasa berniaga. Mereka telah menjalankan kerja mereka dengan baik mengikut lahap kebolehan mereka, tetapi jikalau di setengah-setengah tempat yang strategik seperti di Jepun, satu tempat di Timur Tengah, di Middle East ataupun satu tempat lagi di Jerman di mana barang-barang komoditi kita dan barang-barang pengeluaran pembuatan kita ditujukan, ditempatkan orang-orang daripada sektor swasta. Saya fikir dengan adanya mereka dan dibantu oleh pegawai-pegawai yang dinamis, yang muda-muda, yang book knowledge-nya lebih, maka saya fikir satu kombinasi yang baik dapat kita wujudkan dan akhirnya usaha kita untuk menembus ataupun menawan pasaran dunia akan dapat dicapai, kerana mengikut pengalaman kami, yang keluar dan berjumpa dengan pegawai-pegawai ini bukanlah mereka tidak mahu, tetapi kebolehan mereka terbatas dengan ketiadaan pengalaman.

Jadi, apa yang dilakukannya itu adalah, dengan izin, to the best of his knowledge and to the best of his ability. Tetapi, andainya dia juga memiliki asas ataupun latarbelakang perdagangan dan

biasa berdagang, biasa terlibat di dalam business negotiations, tahu tentang nuances, dengan izin, di dalam business communications, maka saya fikir Malaysia akan lebih berjaya. Sekarang pun telah berjaya, dengan adanya orang-orang ini telah pun berjaya, tetapi kalau boleh, kita improvcekan, dengan izin, kita baikkkan lagi hakikat ini kerana jikalau kita hendak menjadi peneraju ataupun pemimpin di dalam dunia pemiagaan di antarabangsa, yang menjadi satu kehendak di dalam mencapai sasaran Wawasan 2020, maka perkara ini patut difikirkan dengan serius oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, kerana ianya akan menentukan setakat mana kita akan mencapai kejayaan.

Saya tidak menafikan bahawa kejayaan telahpun dicapai, tetapi ianya kalau boleh kita capai lebih lagi supaya segala kebolehan kita dimajukan secara maksimum dan secara lebih serius dan lebih komited.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sepenuhnya usaha untuk memohon perbelanjaan tambahan untuk tahun 1991 seperti mana yang dibentangkan di dalam Kcnas-kertas Perintah di hadapan kami.

Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Timbalan Menteri, diminta jawab.

3.54 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kepong, dari Pasir Mas dan juga dari Padang Terap yang telah bangun untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang di hadapan kita.

Saya merujuk kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Padang Terap sebentar tadi bahawa apabila Yang Berhormat merujuk tentang peruntukan-peruntukan tambahan untuk membiayai pembayaran lunggakan gaji untuk tahun 1990/1991 ini, maka Yang Berhormat telah menyentuh tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan struktur pentadbiran di antara kakitangan yang ada dalam sektor awam. Yang Berhormat telah menyebut tentang perbezaan yang ada di antara golongan profesional dan bukan profesional dari segi kemudahan-kemudahan, keistimewaan-keistimewaan yang ada diberikan kepada mereka, maka saya ingin menambah di sini bahawa apabila Kerajaan menyusun pentadbiran Kerajaan supaya ianya menjadi lebih cekap daripada masa ke semasa, maka banyak perubahan-perubahan dan inovasi yang dibuat di dalam sistem pentadbiran Kerajaan.

Yang Berhormat sedia maklum bahawa perubahan-perubahan kebelakangan ini merupakan di antara tindakan-tindakan Kerajaan untuk menjadikan masyarakat dan kakitangan Kerajaan di semua peringkat berkhidmat dengan lebih berkesan lagi. Dan apabila Yang Berhormat dari Padang Terap merujuk tentang perbezaan di antara golongan profesional dan bukan profesional, tahap pencapaian mereka di peringkat awal, pertengahan dan pada peringkat akhir perkhidmatan mereka, maka ini merupakan saranan-saranan yang sewajarnya diamati oleh pihak Kerajaan di mana perubahan-perubahan sentiasa dipertimbangkan. Semoga sistem pentadbiran akan menjadi lebih cekap lagi pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai peruntukan tambahan sebanyak \$208,900,000 yang disalurkan kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia melalui Kementerian Kerja

Raya. Adalah sesungguhnya benar apa yang disebut oleh Yang Berhormat dari Padang Terap bahawa betapa pentingnya kemudahan lebuhraya dan jalan-jalan untuk memastikan bahawa pembangunan dapat diselerakkan di seluruh negara. Ada bahagian-bahagian di Malaysia ini, sama ada di Semenanjung ataupun di Sabah dan Sarawak yang masih lagi memerlukan kemudahan lebuhraya dan juga rangkaian jalan-jalan yang merupakan feeder roads, dengan izin, yang perlu dibaiki dan dibina.

Apabila kita merujuk tentang feeder roads, dengan izin, uluk makluman Ahli Yang Berhormat, saya percaya Yang Berhormat sedia maklum bahawa jalan-jalan tersebut adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan-kerajaan Negeri dan Persekutuan, tidak diserahkan kepada Lembaga Lebuhraya kesemuanya maka perubahan-perubahan untuk membaiki kemudahan feeder roads ini akan mendapat perhatian daripada Kerajaan-kerajaan di peringkat negeri dan juga di peringkat pusat.

Mengenai lebuhraya pula, ingin saya maklumkan di sini bahawa pembinaan lebuhraya daripada utara ke selatan di Semenanjung ini lelahpun dipercepatkan dari segi jangka masanya untuk disiapkan dan dijangka bahawa tarikh menyiapkan Projek Lebuhraya Utara-Selatan dijangka siap pada 31hb Mei 1995. Tarikh ini adalah kesudahan daripada satu pindaan dengan tujuan supaya Lebuhraya Utara-Selatan itu dapat disempurnakan dengan lebih cepat lagi.

Jadi, adalah diharapkan bahawa dalam masa tiga empat tahun yang akan datang, maka kemudahan lebuhraya ini akan membawa kita daripada utara ke selatan di atas lebuhraya yang lebih sempurna dan dengan cara demikian memudahkan pelaburan untuk berselerak dilaksanakan di mana jua di Semenanjung ini.

Mengenai perkara ketiga yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Padang Terap ialah peruntukan kepada universiti khususnya mengenai kerja-kerja penyelidikan dan pembangunan. Di antara perkara yang diarnbilkira oleh pihak Kerajaan selain daripada meletakkan jenis-jenis profesion di universiti itu sebagai profesion yang kritikal dan dicari ganjaran yang sewajarnya, maka kebelakangan ini Kerajaan memberi layanan yang agak icbih baik lagi dalam bentuk peruntukan yang lebih banyak lagi untuk membuat penyelidikan dan pembangunan di universiti-universiti.

Dengan peruntukan-peruntukan tambahan yang bertambah ini, seperti yang dimaklumkan oleh pihak Kementerian Kewangan kebelakangan ini, maka kerja-kerja penyelidikan dapat dipertingkatkan.

Selain daripada itu, kita juga perlu mcngambilkira bahawa di antara kerja-kerja penyelidikan universiti, mungkin pengkhususannya agak masih lagi kepada bukan jenis gunaan. Oleh yang demikian, agak rumit untuk diterjemahkan dalam bentuk kegunaan industri, maka perlu satu perubahan di antara universiti dan masyarakat industri membuat penyesuaian di antara satu sama lain. Maka budaya penyelidikan universiti sewajarnya dapat disesuaikan dengan budaya industri, kenal antara satu sama lain dalam penyelidikan yang dibuat ada relevannya kepada keperluan di sektor industri. Jadi, langkah-langkah untuk mcndekatkan lagi dan menghapuskan jurang di antara masyarakat penggunaan penyelidikan dengan masyarakat yang membuat penyelidikan itu perlu dianjurkan oleh bukan sahaja pihak Kerajaan, tetapi juga pihak swasta.

Tuan Pengerusi, mengenai peranan pegawai perdagangan di luar negeri, maka saya mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan terima kasih di atas pandangan tersebut dan sewajarnya dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Ahli Yang Berhormat dari Kepong ada menyebut tentang tambahan untuk membayar gaji berikutan kenaikan gaji kakitangan Kerajaan sebanyak 5%. Suka saya memaklumkan bahawa keputusan menaikkan gaji kakitangan Kerajaan dibuat pada awal tahun 1991 dan dengan itu banyak agensi Kerajaan tidak mempunyai peruntukan yang cukup untuk membayar tunggakan kenaikan gaji itu. Atas kedudukan tersebut maka agensi-agensi Kerajaan, khususnya agensi-agensi yang mempunyai kakitangan yang besar, maka peruntukan tambahan diperlukan, dan dalam hubungan ini saya juga ingin menyebut bahawa dalam semakan gaji yang baru ini yang diumumkan oleh Kerajaan di bawah Sistem Saraan Baru, maka caruman kepada KWSP adalah dibuat bagi mereka yang masih mencarum dan ini adalah kehendak undang-undang dan jumlah caruman yang kena dibayar akan ditolak daripada tunggakan gaji yang akan diterima berikutan daripada semakan gaji. Selain daripada itu, jumlah tunggakan akan juga ditolak dengan jumlah bayaan cukai pendapatan yang kena dibayar daripada jumlah tunggakan yang akan diterima.

Tuan Pengerusi, mengenai keperluan peruntukan tambahan ini untuk membayar gaji adalah diperlukan melalui peruntukan tambahan kerana ada agensi-agensi, jabatan yang tidak mempunyai peruntukan yang cukup untuk membiayai pembayaran tunggakan tersebut, maka diperlukan melalui peruntukan tambahan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga membangkitkan soal pembayaran hutang negara, di mana di bawah Tambahan Keempat 1990, Perbendaharaan perlu tambahan sebanyak \$564,000 di bawah Maksud Tanggungan (T.12). Jumlah ini sebenarnya tidak termasuk di bawah Rang Undang-

undang Perbelanjaan Mengurus Tambahan Keempat 1990. Walaupun begitu, saya suka menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa kedudukan hutang negara adalah dalam keadaan yang membolehkan kita merasa agak selesa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga akhir bulan September, 1991 jumlah hutang negara adalah \$97.1 bilion, yang sebahagian besarnya iaitu sebanyak \$72.6 bilion adalah daripada pinjaman dalam negeri. Saya suka juga memaklumkan bahawa kadar pinjaman yang diperolehi daripada sumber-sumber luar negeri adalah semakin berkurangan tahun demi tahun. Dan saya percaya, Ahli Yang Berhormat bersetuju bahawa di dalam negara memerlukan pinjaman untuk membiayai projek-projek pembangunan dan hakikat bahawa punca pinjaman itu diperolehi daripada sumber-sumber dalam negeri menimbulkan satu keadaan yang sihat kepada pertumbuhan instilusi kewangan dalam negara.

Saya ingin menambah lagi, dengan mengatakan bahawa apabila Yang Berhormat menggunakan Singapura sebagai perbandingannya, maka perbandingan itu adalah tidak tepat, selain daripada hakikat bahawa kita dalam proses pembangunan yang agak pesat yang memerlukan pembinaan infrastruktur yang berbagai-bagai dan yang besar dan kecil, maka selain daripada menggunakan sumber pinjaman daripada dalam negeri, kita juga menggunakan sumber pinjaman daripada luar negara.

Tuan Pengerusi, dari segi pasaran modal kebelakangan ini, bahkan dalam bidang ekonomi dan perniagaan keseluruhannya, maka tidak ada batasan di antara negara untuk menggunakan sumber-sumber modal. Ianya berdasarkan kepada mana yang agak boleh didekati ataupun, dengan izin, assessibility kepada sumber-sumber

modal untuk digunakan. Maka kita akan terus menggunakan kombinasi di antara pinjaman dalam negeri dan luar negara untuk mengurus dan pembiayaan pembangunan negara, tetapi yang penting bahawa pinjaman-pinjaman tersebut hendaklah digunakan supaya dapat menambah dan meningkatkan kapasiti pengeluaran dalam ekonomi kita dan jika sekiranya kapasiti itu ditambah dengan berkesannya, maka bukan sahaja ekonomi negara dapat berkembang, tetapi kapasiti untuk membayar hutang-hutang itu juga akan berkembang besar. Jadi, menggunakan segala budibicara dan kebijaksanaan modal di peringkat antarabangsa dan menggunakannya dengan sebaiknya, adalah cara yang baik yang paling tepat untuk membangun negara kita lebih daripada apa yang ada pada hari ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga menyentuh peruntukan tambahan sebanyak \$40 juta yang dipohon di bawah Maksud B.7 dan mengesyorkan supaya ditubuhkan suatu biro pengawasan untuk tujuan mengawasan perbelanjaan-perbelanjaan yang dibuat di bawah peruntukan ini. Suka saya meyakinkan Ahli Yang Berhormat, iaitu bahawa perbelanjaan-perbelanjaan yang dibuat adalah dikawal dengan rapi oleh agensi yang bertanggungjawab ke atas peruntukan itu iaitu di peringkat pusat ada satu unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) dan di peringkat negeri ada Pegawai Pembangunan Negeri untuk mengendali dan mengawasi dan menyelaraskan peruntukan itu dan di peringkat Daerah ada Pegawai Daerah yang bertanggungjawab untuk melaksanakan projek-projek di bawah peruntukan itu. Oleh yang demikian, tidak perlu diadakan satu biro pengawasan.

Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)

Timbalan Yang di-Perlua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli Yang Berhormat dari Kepong bangun, beri jalan?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, pcnjelasan. Kalau tidak perlukan biro pengawasan yang disebutkan tadi, maka saya hendak tahu sahajalah bagaimana peruntukan daripada perbelanjaan itu diadakan, kerana kalau kita perhatikan tambahan ini berupa perbelanjaan yang berulang setiap tahun kewangan, iaitu dalam Tambahan Pertama 1987, \$57 juta. Tambahan Pertama 1988, \$80 juta; Tambahan Kedua 1989, \$82.9 juta. Tambahan Ketiga 1990, \$135.1 juta dan sekarang Tambahan Kedua 1991 \$40 juta. Adakah ini bermakna Kerajaan tidak ada peruntukan di dalam belanja sehingga kira tiap-tiap tahun datang ke Dewan Rakyat untuk pinta tambahan? Adakah ini bermakna untuk projek-projek kecil tidak ada peruntukan langsung di dalam Belanjawan?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas mengatakan bahawa peruntukan \$40 juta adalah begitukecilsekali untuk keperluan yang dimaksudkan iaitu membawa pembangunan dalam bentuk projek-projek kecil khususnya di kawasan luar bandar. Bahkan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas berhujah jumlah \$40 juta itu agak begitu kecil sekali sehinggakan beliau rasa keciwa peruntukan sebanyak itu dibentangkan dalam belanjawan tambahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan ini disalurkan kepada Jabatan Perdana Menteri. Di dalam belanjawan tahunan sememangnya ada peruntukan yang tertentu, tetapi oleh kerana keperluan yang tidak ada kehabisannya, khususnya untuk memenuhi keperluan-keperluan asas dalam bentuk projek-projek kecil khususnya di kawasan luar bandar, maka dengan rasa penuh langgungjawab pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dan juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menggunakan sumber peruntukan ini untuk memenuhi permohonan-permohonan

daripada semasa ke semasa sampailah kepada akhir tahun supaya permohonan masyarakat yang memerlukan keperluan asas secara kecil-kecilan ini dapat dipenuhi.

Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak dianggap bahawa peruntukan ini bukanlah sengaja dijadikan begitu flexible sekali, dengan izin, tetapi ianya terpaksa dilayan sedemikian kerana pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri perlu memenuhi permohonan sepanjang tahun.

Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat telah menyebut daripada tahun 1987, makaterbuktibetapa pentingnya sumber ini untuk digunakan dan terpaksa pula disalurkan melalui belanjawan tambahan untuk menampung keperluan yang saya huraikan sebentar tadi.

Dalam perkara yang sama, saya telah menyebut tadi, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas merasa keciwa kerana peruntukan sebanyak \$40 juta tadi kecil jika dibandingkan dengan keperluan menyediakan infrastruktur, dan saya faham kekeciwaan yang disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Suka saya maklumkan bahawa peruntukan yang dipohon ini adalah peruntukan tambahan tahun 1991, dan dengan peruntukan tambahan ini, maka jumlah peruntukan bagi tujuan ini akan meningkat kepada \$197.6 juta hingga pertengahan tahun.

Saya percaya Dewan yang mulia ini bersetuju bahawa kemakmuran negara patut diagih-agihkan di kawasan yang mundur, dan dengan itu sekiranya peruntukan yang dipohon dalam sesi ini tidak mencukupi untuk tujuan tersebut, maka Kerajaan akan memohon lagi peruntukan tambahan sesuai dengan saranan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas untuk kepentingan rakyat yang

berada di kawasan-kawasan yang mundur khususnya, dan inilah dasar Kerajaan Barisan Nasional iaitu dasar yang adil dan saksama lagi penyayang.

Mengenai.....

Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Kepong bangun.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Dia makan lada, Tuan Yang di-Pertua. (Ketawa)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Beri masa atau tidak beri?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, dengan hati yang begitu baik, yang menyayang semua, adakah ini bermakna kawasan-kawasan seperti Kepong, Kota Melaka, Tanjong dan sebagainya diberi peruntukan yang sama? Adakah ini bermakna dasar menyayang semua ini dilaksanakan, termasuk di kawasan-kawasan Pembangkang di Kelantan juga?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang orang yang mewah ini dia tidak perasan dia dalam keadaan yang mewah. Misalnya, pada hari ini rasa saya Yang Berhormat dari Kepong bila tidak ada air di Bangunan Parlimen ini rasanya dia akan protes dengan tidak memikirkan bahawa masyarakat kampung tidak ada bekalan air daripada merdeka sampai sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat dari Kepong kata di Tanjong tidak cukup lagi, di Kepong tidak cukup, ini bermakna dia tidak bersyukur dengan apa yang ada.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Adakah Yang Berhormat tahu bahawa ada rancangan

raksaksa untuk membekal bekalan air paip ke seluruh negara terutamanya di kawasan-kawasan kampung, projek itu menelan belanja berbilion-bilion ringgit sekarang dijalankan

Seorang Ahli: Belum siap.

Dr Tan Seng Giaw: . . . belum siap, tetapi dia kata projek-projek kecil ini untuk bekalan air. Saya hairan juga yang sebelah kanan itu berjumlah berbilion-bilion ringgit diperuntukan untuk projek khas bekalan air kepada kawasan-kawasan yang diperlukan. Tetapi projek kecil ini untuk bekalan air pula, jadi berapa puncakah akan diambil untuk bekalan air ini, air kemana?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Saya sebut masyarakat yang mewah ini, Tuan Yang di-Pertua, contohnya, ada di antara masyarakat kampung yang belum adalagi bekalan air daripada merdeka sampai sekarang, yang perlu disampaikan dan insya Allah dalam masa setahun dua ini seluruh negara akan mendapat bekalan air. Itu sebagai contoh, pada hari Jumaat saya mengatakan walaupun ada agaknya apa yang saya sebut itu boleh dia peiik, apabila dia berhujah, dia akan menjadi apa yang saya panggil agak 'nit-picking', Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Yang Berhormat, adalah betul projek raksaksa untuk membekalkan air ke seluruh negara ini sedang dijalankan, tetapi ingin saya menegaskan lagi sekali bahawa apabila ada jambatan rumah, ada jambatan yang perlu diperbaiki, maka inilah sumber yang digunakan oleh Kerajaan untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan yang kecil seperti begitu yang tidak terfikir keperluannya di Tanjong ataupun di kawasan Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua,

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap): *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Padang Terap bangun.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju dengan saya, jikalau dari segi apa yang dikalakan oleh Yang Berhormat dari Kepong tadi beliau tidak tahu-menahu tentang kesusahan orang-orang marhain di kampung, iaitu di kawasan kampung orang masih lagi memerlukan perigi, yang perlu dibantu sebanyak \$2,000-\$3,000; orang perlu lagi mesin-mesin pam untuk mengempam air daripada sungai di musim kemarau untuk diberikan kepada penduduk-penduduk yang terlibat? Adakah Yang Berhormat setuju, bahawa Yang Berhormat dari Kepong dia tidak tahu langsung tentang kesusahan rakyat di kampung yang mana dia sendiri menjadi seorang champion of the marhain, tetapi hanya pada nama sahaja? *(Tepuk)*

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Saya setuju sungguh apa yang dikatakan *(Ketawa)* oleh Yang Berhormat dari Padang Terap. Sekarang saya hendak tambah, Tuan Yang di-Pertua. Apabila peruntukan diperlukan

Dr Tan Seng Giaw: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Kepong bangun lagi.

Tuan Abdul Ghanj bin Othman: Saya kalau jawab ini, dia tidak perlu bangun.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak beri jalan. Ya, teruskan.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Apabila peruntukan \$40 juta, dia kata lerlalu banyak. Maka dia hendak jimatkan.

Tuan Wee Choo Keong: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Timbalan Menteri, Bukit Bintang bangun.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Nanti dahulu, saya hendak jawab.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, dia tidak beri.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Maka dia kata tidak perlu begitu banyak dan mengapa tidak dimasukkan dalam peruntukan asal Belanjawan Negara, tetapi dalam sekelip mata di tempat lain, dia akan merayau ke sana ke mari, dia kata bahawa orang kampung masih lagi tertinggal sampaikan terpaksa menggunakan perigi untuk mendapatkan bekalan air.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, di hadapan kita berdasarkan Rang Undang-undang ini, dia cakap daripada suatu perspektif mengikut politik dia, di tempat lain, dia menggunakan perspektif yang lain untuk politik dia juga. Jadi, mana satu lagi hendak pegang pendirian dia. Akhirnya tidak ada consistency, Tuan Yang di-Pertua.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepong bangun lagi.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, adakah ini saui duet di antara Padang Terap dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan? Adakah berduet-duet di sini dibenarkan di dalam Dewan Rakyat seperti di Angkasapuri? (*Ketawa*)

Adakah salah kalau kita menyoalkan mengenai accountability? Tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri kata, ya, dia bersetuju ada Antah Bi-Water—

projek rasaksa untuk membekal air. Sayang sungguh, kalau boleh membekalkan kepada semua pelusuk negara ini lebih baik tetapi sementara itu, dia hendak wang ini, dia kata tadi untuk jambatan-jambatan kecil—di Kepong pun ada jambatan kecil juga. Jambatan kecil itu bukan untuk air. Bagaimana \$40 juta hendak bekal air di seluruh negara? Itu tidak cukup. Jadi ini bukan bekalan air. Jadi, saya soal tentang accountability. Kalau kita adakan peruntukan di Belanjawan, itu lebih normal, lebih formal, lebih dapat dikawal dengan baik, tetapi kalau penjelasan setakat hendak bekal air minta \$40 juta, itu keterlaluan.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, soal berduetkah, bersamakah tidak timbul. Apa yang baru diungkapkan oleh Yang Berhormat dari Kepong tadi sebenarnya menggambarkan betapa insafnya dengan begitu mendalam sekali Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap tentang masalah masyarakat di luar bandar. Jauh berbeza dengan, agak tipis sungguh keinsafan Yang Berhormat dari Kepong tentang kekurangan-kekurangan yang ada di luar bandar. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak merujuk kepada tambahan sebanyak \$10 juta kepada universiti-universiti bagi maksud memberi pinjaman kepada pelajar-pelajar untuk tujuan menampung kenaikan yuran. Ingin saya memaklumkan bahawa peruntukan yang akan diberikan itu akan digunakan oleh pihak universiti sebagai wang pusingan untuk dipinjamkan kepada pelajar-pelajar yang tidak mampu membayar yuran akibat daripada kenaikan bayaran pengajian mereka. Jadi, daripada peruntukan sebanyak \$10 juta, akhirnya akan menjadi sumber tabung pusingan untuk digunakan oleh pelajar-pelajar.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas telah menyentuh antara lain, perkara termasuk syor supaya dipertingkatkan

lagi usaha-usaha membangunkan tenaga manusia, memberikan kebebasan untuk agensi-agensinya pelaksana menggunakan peruntukan tanpa dirujuk semula kepada agensi pusat dan perbelanjaan di Exposisi Seveile di Sepanyol.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih terhadap teguran yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas mengenai pembangunan sumber manusia. Kerajaan memang memberi penekanan yang bersungguh-sungguh terhadap pembangunan sumber manusia. Ini adalah bagi memastikan supaya tenaga manusia adalah mencukupi bagi memenuhi keperluan pembangunan negara yang sedang pesat ini dan untuk mencapai matlamat ini, Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Kabinet mengenai latihan dengan tujuan supaya ia dapat mengemukakan cadangan-cadangan dan rumusan-rumusan bagi memperbaiki lagi sistem latihan yang ada sekarang ini.

Selaras dengan ini juga Kerajaan memberi penekanan sama ada dari segi guna tenaga mahupun peruntukan terhadap agensi yang terlibat dengan pembangunan sumber tenaga manusia. Sebagai misalnya, Jabatan Perkhidmatan Awam telah diberi peruntukan sebanyak \$448 juta dalam tahun 1990 dan 3581 juta dalam tahun 1991 untuk program-program latihan di dalam dan di luar negara. Selain daripada itu, peruntukan-peruntukan bagi Kementerian-kementerian yang terlibat dengan pembangunan tenaga manusia seperti Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pendidikan akan ditingkatkan. Sebagai contoh, Kementerian Pendidikan diberikan peruntukan sebanyak \$551 juta dalam tahun 1991 iaitu kenaikan sebanyak 19% berbanding dengan peruntukan tahun 1990. Manakala Kementerian Sumber Manusia diberikan peruntukan sebanyak \$62.3 juta pada tahun 1991 iaitu pertambahan sebanyak 10% berbanding dengan tahun sebelumnya.

Agensi-agensi Kerajaan yang terlibat dengan pembangunan guna-tenaga sedang dan akan diperkemas dan sebagai misalnya Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan telah disusun semula dan masa ini sedang menyemak bagaimana persijilan dapat dibuat mengikut norma-norma dan taraf seperti yang dibuat oleh negara-negara maju seperti Britain dan juga Jerman.

Pusat-pusat latihan Kerajaan yang juga sedang dipertimbangkan untuk diperbadankan dengan tujuan supaya matlamat untuk membangunkan lagi sumber tenaga tercapai. Langkah-langkah ini merupakan usaha-usaha penting Kerajaan dalam persiapan mencapai matlamat Wawasan 2020.

Mengenai soal kawalan peruntukan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Pasir Mas, suka saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan mempunyai tanggungjawab supaya setiap peruntukan yang disalurkan kepada agensi pelaksana digunakan selaras dengan tujuan-tujuan dan matlamat-matlamat Kerajaan. Peruntukan yang dilampirkan kepada setiap agensi Kerajaan termasuk peruntukan kepada badan-badan berkanun adalah ditimbang dan ditetapkan berasaskan kepada had bumbung atau the ceiling, dengan izin, yang ditetapkan sambil mengambil kira keupayaan Kerajaan mendapatkan unsur-unsur pembiayaan sepenuhnya dan keupayaan agensi-agensinya pelaksana menggunakan peruntukan yang hendak ditetapkan. Oleh itu, satu agensi pelaksana perlu sentiasa peka dan mengambil kira dasar-dasar Kerajaan, dan di samping itu perlu mematuhi peraturan-peraturan kewangan sama ada yang ditetapkan dalam Akta Prosedur Kewangan, Arahan Perbendaharaan atau yang ditetapkan di dalam Akta bagi badan-badan berkanun yang berkenaan. Peruntukan-peruntukan yang ditetapkan bagi perbelanjaan pembangunan boleh

disemak semua di bawah Semakan Pertengahan Penggal dengan tujuan supaya peruntukan yang ditetapkan bagi satu-satu projek pembangunan itu adalah peruntukan yang realistik.

Kawalan agensi pusat ke atas peruntukan yang ditetapkan bagi agensi-agensinya adalah dengan tujuan supaya perbelanjaan-perbelanjaan yang dilakukan selaras dengan dasar dan matlamat-matlamat negara dan di samping itu memastikan bahawa perbelanjaan yang digunakan diuruskan dengan cara yang teratur bagi melakukan pembaziran. Dalam hubungan ini, saya ingin mengambil contoh pengurusan kontrak di mana bagi kontrak bernilai \$10 juta ke atas, keputusan dibuat oleh Kementerian Kewangan. Peraturan ini untuk maklumat Yang Berhormat, adalah semata-mata untuk tujuan pengawalan yang lebih lelit.

Mengenai peruntukan bagi membiayai....

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Yang Berhormat Timbalan Menteri,
Pasir Mas bangun.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, memang saya bersejuju dengan penjelasan yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dalam soal hendak menjaga pengawalan-pengawalan dari segi pengurusan kewangan tersebut, dari segi mencapai matlamat dan sebagainya tetapi sebagai contoh, kalau kontrak berharga \$10 juta mesti diputuskan oleh Kementerian Kewangan. Ini bukan berarti bahawa jika dipuluskan oleh Kementerian Kewangan, ianya tidak timbul apa-apa masalah kerana kita juga ada kes dan bukti menunjukkan sebelum ini, mungkin perkara yang tidak diinginkan itu berlaku. Oleh itu, saya ingin bertanya jika kita ada Menteri-menteri Kabinet

yang diberikan kepercayaan, apakah mereka tidak mampu mengawal dari segi penggunaan kewangan yang sudah pun ditetapkan, kerana selain daripada Akta yang sedia ada, peraturan yang sedia ada, kita ada Badan Pencegah Rasuah ataupun sebagainya yang boleh mengambil tindakan susulan jika berlaku penyelewengan, jika ada bukti-bukti yang nyata?

Cadangan saya ini ialah bagi memudah dan mempercepatkan supaya tidak ada red-tape, supaya Kementerian dan Menteri-menteri yang menjaga Kementerian ini diberi kepercayaan untuk memutuskan projek-projek yang seumpama ini bagi mempercepatkan proses pembangunan negara. Sekian, terima kasih.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:
Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli di peringkat Kabinet mempunyai peruntukan kuasa seperti yang diizinkan oleh Akta-akta tertentu yang ada kaitannya dengan Jabatan-jabatan ataupun Badan-badan Berkanun tertentu, maka sewajarnya bertindak berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan tersebut. Di samping itu pula, pihak Menteri yang memimpin Kementerian juga bertanggungjawab secara langsung kepada Jemaah Menteri, maka dengan cara demikian, ada peruntukan-peruntukan pentadbiran dan dasar-dasar Kerajaan secara menyeluruh yang perlu diambil perhatian secara bersama di peringkat Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Kerajaan juga ada peruntukan untuk check and balance, dengan izin. Maka jika sekiranya kontrak-kontrak yang bernilai kurang daripada \$10 juta, maka diserahkan kepada Lembaga diperingkat Kementerian-Kementerian tertentu untuk memutuskannya. Maka memikirkan bahawa sewajarnya wujud peruntukan check and balance ini, maka yang bernilai lebih daripada \$10 juta pula dipertimbangkan, selepas daripada

peringkat Lembaga di Kementerian yang berkenaan, di peringkat Kementerian Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, inilah caranya pihak Kerajaan mentadbirkan kewangan negara sebegitu rupa supaya adanya penyclarasan dari segi dasar yang dibuat untuk negara keseluruhannya dengan dasar dan peralacsanaannya di peringkat Kementerian yang berlainan dan juga adanya peruntukan check and balance, dengan izin, dalam Kerajaan di peringkat keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, itulah rasanya mengapa perlu kepada rujukan kepada Jabatan dan Kementerian yang merupakan, dengan izin, central agency, sama ada di peringkat Jabatan Perdana Menteri ataupun di Peringkat Kementerian Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai peruntukan bagi membiayai Eksposisi Seville di Sepanyol, saya ingin meyakinkan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas bahawa walaupun perbelanjaan itu agak tinggi, namun kila yakin pulangan yang akan diterima daripada penyeriaan Malaysia dalam eksposisi ini akan bcrilipat-ganda faedahnya dan menguntungkan negara dari segi meningkatkan eksport negara. Kita sedia maklum bahawa eksposisi di sepanyol itu merupakan eksposisi antarabangsa yang akan disertai oleh hampir semua negara di dunia ini dan adalah menjadi hasral Kerajaan untuk memastikan bahawa penyertaan Malaysia dalam eksposisi ini dapat meninggalkan impact dan tidak semata-mata menyertai sekadar untuk memberi kerjasama kita kepada pihak penganjur.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas mengenai jumlah orang cacat yang mendapat perhatian dan bantuan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Dalam tahun 1990, seramai 3,642 orang cacat

yang terdiri daripada 972 cacat penglihatan; 509 cacat pendengaran; 2,015 cacai anggota dan 1,046 cacat akal telah diberi pelbagai baniuian lermasuklah elaun pekerjaan cacat. Bantuan pelancaran dan bantuan peralatan untuk orang cacat, bantuan itu berjumlah \$2,123,675. Selain daripada bantuan kwangan, orang-orang cacat juga diberi bantuan dengan penempatan kerja sama ada dalam pekerjaan terbuka atau bengkel terlindung dan kemasukan ke Institusi Latihan dan Pemulihan. Seramai 1,102 orang telah dibantu dengan cara yang demikian.

Mengenai bcrapa ramaikah orang cacat yang dihantar keluar negeri untuk latihan, Kementerian tidak mempunyai skim yang tertentu untuk menghantar orang-orang cacat keluar negara dengan tujuan melanjutkan pelajaran atau kemahiran mereka. Bagaimanapun, dari masa ke semasa bantuan diberi kepada orang-orang cacat untuk melanjutkan pelajaran mereka melalui geran daripada Yayasan Kebajikan Negara kepada mereka yang layak.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai berapakah orang tua dan anak-anak yatim yang sedang diberikan perhalian sebenar oleh pihak Kerajaan, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyediakan bantuan kepada orang tua, miskin, anak-anak yatim sebagaimana berikut:

Bantuan orang tua sebanyak \$50 seorang sebulan telah diberikan kepada 10,262 orang tua. Seramai 331,176 kes telah menerima bantuan kanak-kanak yang menelan belanja \$37,823,589 setahun. Perbelanjaan tersebut termasuk bantuan sekolah iaitu membeli buku-buku sekolah, membayar yuran peperiksaan, yuran asrama, tambang bas dan bantuan cermin mata dan juga geran kepada badan-badan sukarela yang memberi jagaan dan perlindungan kepada anak-anak yatim tadi.

Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya ada perkara yang tidak dapat dijawab secara khusus dalam rumusan Rang Undang-undang ini, saya mengakuilah akan diambilkira oleh pihak Kementerian dan pertimbangan yang sewajarnya akan diambil.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada tiga Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan Rang Undang-undang di hadapan kita. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sekarang saya kemukakan masalah di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini dicdarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis, hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4(3) Akta Kumpulwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak satu ratus lapan juta, empat ratus tiga ribu, tujuh ratus

empat puluh ringgit (\$108,403,740) diperuntukkan daripada Kumpulan-wang Pembangunan—

- (1) bagi tahun kewangan 1990, untuk menampung sejumlah lima ratus empat puluh satu ribu, tujuh ratus ringgit (\$541,700) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat 1990 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah I4tahun 1991 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan duabelas penyata tersebut; dan
- (2) bagi tahun kewangan 1991, untuk menampung sejumlah satu ratus tujuh juta, lapan ratus empat puluh ringgit (\$107,862,040) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1991 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 15 Tahun 1991 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesepuluh dan kesebelas penyaia tersebut.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

*(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)*

Jadual—

4.39 p/g.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak

lebih daripada \$5,227,300 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Keempat 1990 bagi Maksud-maksud Bekalan B.26, B.27, B.43 dan B.59 untuk Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang berkenaan dan wang sejumlah tidak lebih daripada \$491,537,600 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 1991 bagi Maksud-maksud Bekalan B.7, B.14, B.20, B.26, B.28, B.36, B.39, B.47, B.52 dan B.56 untuk Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang berkenaan dijadikan Jadual.

Dan wang sejumlah tidak lebih daripada \$541,700 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil.4) Tahun 1990 bagi Maksud Pembangunan P.58 untuk Kementerian yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam Penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 14 Tahun 1991.

Dan wang sejumlah tidak lebih dari \$107,862,040 yang diperuntukkan di dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil.2) Tahun 1991 bagi Maksud-maksud P.16, P.17, P.18, P.22, P.23, P.44 dan P.54 untuk Kementerian-Kementerian dan Jabatan-jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam Penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 15 Tahun 1991 dijadikan Anggaran Perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, saya telah pun menerangkan tentang keperluan bagi mengadakan peruntukan-peruntukan tambahan dalam Anggaran-anggaran Perbelanjaan Mengurus tahun 1990 dan 1991 dan juga Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 1990 dan 1991 kelmarin. Di samping itu, penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan Anggaran Tambahan ini adalah juga diberi di dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 12A Tahun 1991 dan 13A Tahun 1991 bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan

Keempat 1990 dan Tambahan Kedua 1991 dan Kertas Perintah 14A Tahun 1991 dan 15A Tahun 1991 bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat 1990 dan Tambahan Kedua 1991. Oleh itu saya tidak berhajat untuk memberi apa-apa penerangan tambahan lagi.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan,

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

Maksud B.7 (Jadual Kedua)—

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.7 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas. Tidak ada yang hendak dibahas?

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$40,000,000 untuk Maksud B.7 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi dipuluskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$40,000,000 untuk Maksud B.7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Maksud B.14 (Jadual Kedua)—

Maksud P.16 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 1991)—

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.14 dan Kepala Pembangunan P.16 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terbuka untuk dibahas. Kepong.

4.44 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, Maksud B.14 Buliran 010000 Khidmat Sokongan 010100 Pentadbiran—\$483,800. Wang ini adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus Suruhanjaya Diraja yang ditubuhkan oleh Kerajaan bagi menyasat letupan dan kebakaran di kilang Bright Sparklers, Sungai Buloh pada 7hb Mei 1991.

Semasa bencana di Sungai Buloh iaitu pada 10hb Mei 1991, Yang Berhormat Menteri pernah mengatakan bahawa usaha mempertingkatkan keadaan-keadaan di kawasan industri dan kediaman adalah proses berterusan dan Kerajaan sentiasa menegaskan peri mustahaknya keselamatan pada setiap masa.

Tuan Pengerusi, jika ini benar maka sebagai Kementerian yang bertanggungjawab bagi Kerajaan Tempatan, mengapakah Majlis Daerah Petaling boleh mengamalkan dasar membenarkan operasi tanpa izin. Di manakah penegasan kepada keselamatan yang didakwa sentiasa diutamakan oleh Kementerian? Apakah Kerajaan Tempatan boleh menjalankan dasar sendiri walaupun arahan kononnya sudah diberi oleh Kementerian mengutamakan keselamatan. Tadi kita dengar Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga Yang Berhormat Padang Terap yang begitu mementingkan golongan marhen tetapi (*Disampuk*) Marhain!

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Kepong, spesifik terus kepada Butiran, jangan sentuh dasar ya.

Dr Tan Seng Giaw: Spesifik, memang spesifik. Spesifik kepada itu wang \$483,000 untuk menubuhkan Suruhanjaya Diraja. Memang spesifik.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Padang Terap tidak ada dalam butiran itu.

Dr Tan Seng Giaw: Itu kita hendak komen mengenai Suruhanjaya di sini, kerana kejadiari atau peristiwa 10hb Mei 1991 di mana saya tidak pernah dengar suara daripada Yang Berhormat dari Padang Terap ataupun Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai kesusahan, penderitaan golongan rendah ini. Tidak ada langsung.

Dato' Dr Afiffudin bin Haji Omar: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap bangun

Dr Tan Seng Giaw: Sehingga pengorbanan

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Padang Terap bangun, hendak beri jalan?

Dr Tan Seng Giaw: Sila.

Dato¹ Dr Afiffudin bin Haji Omar; Tuan Pengerusi, dia kata tidak ada suara. Kita tidak ada suara tetapi kita ada perbuatan. Pihak Back-Benchers Club Barisan Nasional telah memberi derma kepada mangsa-mangsa itu. Apakah Yang Berhormat memberi derma kepada mangsa-mangsa yang berkenaan?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, memang kita ada. DAP ada badan untuk mengutip derma dan memberi derma kepada mangsa-mangsa tetapi tanggungjawab sebenar mengapa kita benarkan mangsa-mangsa ini terkorban. Mengapa ada pengorbanan nyawa seperti ini. Itu yang peniing sekali. Kita benarkan keadaan di mana ada bahaya kemudian dengan letupan barium nitrate dan sebagainya dan beberapa orang lerkorban. Mengapa keadaan seperti ini berlaku. Adakah itu yang disetujui oleh Yang Berhormat dari Padang Terap? Selepas ada peristiwa di mana nyawa hilang kemudian dia hendak kutip derma

untuk membantu, itulah hasrat dan hati untuk menyayangi orang, selepas orang mati hendak sayang juga. Derma

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin); Yang Berhormat teruskan. Ini dalam Jawatankuasa.

Dr Tan Seng Giaw: Jadi saya tidak faham juga. Kalau kita adakan pengurusan yang baik yang tidak membenarkan kilang-kilang haram kerana sebab-sebab tertentu termasuk pihak yang tertentu misalnya Ketua Polis Negeri Selangor tidak mengambil berat, tidak mengawal dengan betul, tidak mengawasi keadaan yang sebenar, membenarkan bahan-bahan letupan diimport dan disimpan di tempat-tempat yang tidak selamat, maka kita perlulah minta wang pada hari ini untuk menubuhkan satu Suruhanjaya Diraja untuk menyiasat pula. Itulah sikap Yang Berhormat Padang Terap dan rakan-rakannya.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Padang Terap bangun.

Dato' Dr Affudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, tadi Ahli Yang Berhormat dari Kepong menyarankan supaya kilang-kilang haram ini semua dilutuskan. Dia kata tadi jangan membenarkan kilang-kilang haram. Adakah ini membayangkan bahawa beliau tidak mempunyai kepekaan tentang orang-orang yang dia bela di Kepong yang banyak kilang-kilang haram yang Kerajaan tidak mengambil tindakan menutup. Begitu juga di Sungai Besi dan lain-lain lagi. Jadi apakah Yang Berhormat yang selalu mendabik dada mengatakan dia adalah the champion of the proletariat menyeru pihak Kerajaan supaya mengambil tindakan yang drastik untuk menutup semua kilang-kilang haram yang ada di negara ini?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, ini menunjukkan bahawa Yang Berhormat Padang Terap sekarang ini menjadi pakar pemutar pula. Saya tidak

sebutkan tadi, tetapi dia sebutkan bagi pihak saya. Tetapi yang penting sekali, mengapa Kerajaan tidak mengatur rancangan untuk membolehkan kilang-kilang ini bertapak di tapak yang sesuai dan juga untuk mendapat lesen yang sesuai. Mengapa kita bcnarkan bertumbuh seperti cendawan?

Dato' Dr Affudin bin Haji Omar; Kalau dilihat dalam Hansard, tadi dia kata mengapa tidak ditutup kilang-kilang haram ini. Itu ada dalam Hansard. Itulah sebab saya memberi response.

Dr Tan Seng Giaw: Saya kata mengapa kita benarkan kilang-kilang membuat bahan-bahan letupan. Pengurusan pihak Kerajaan Tempatan dan juga Ketua Polis Negeri Selangor waktu itu tidak cekap, tidak mengambil kira bahayanya bahan letupan seperti barium nitrat yang dibenarkan masuk tidak mengikut peraturan dan prosedur yang tertentu sehingga kita terpaksa adakan Suruhanjaya seperti ini. Dia tidak mahu mengambil berat, sekarang ini hendak mengalih kepada kilang-kilang haram pula.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: (Bangun).

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Parit Sulong bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya cuma hendak tanya. Perbincangan di sini ialah wang sebanyak \$483,800 adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus Suruhanjaya Diraja yang telah ditubuhkan mengenai kebakaran di Sg. Buloh. Selama ini saya dengar DAP sentiasa menggesa Kerajaan untuk menubuhkan Suruhanjaya Diraja, tetapi apabila ada sesuatu perkara yang memerlukan Suruhanjaya Diraja, dia mempersoalkan dan dikait-kaitkan dengan benda yang lain. Jadi, saya ingin penjelasan di sini.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi
.....

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepong, teruskan. Perbahasan dalam Jawaian-kuasa, jangan lama.

Dr Tan Seng Giaw: Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama tidak kenamengenalah dengan dia sekarang ini. Kita ucap di sini tetapi dia bising di situ. Sikap yang tidak betul.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Parit Sulong menyatakan kita tidak mengambil berat, kita tidak setuju. Tetapi kalau ada kejadian sedemikian, memang kita setuju dengan penubuhan Suruhanjaya seperti ini, tetapi yang penting sekali mengapa kita perlu mewujudkan Suruhanjaya seperti ini. Mengapa kita perlu kepada keadaan-keadaan yang terpaksa menubuhkan satu Suruhanjaya seperti ini. Memang kita perlukan Suruhanjaya mengenai banyak lagi skandal-skandal dan sebagainya. Bukan sahaja untuk letupan tetapi skandal yang lain, seperti skandal kewangan—jenayah kolar putih yang setakat ini tidak begitu diambil berat oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong dan juga Yang Berhormat dari Padang Terap.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Parit Sulong bangun.

Dr Tan Seng Giaw: Bangun lagi? Jadi, kita tidak kata kita tidak setuju dengan Suruhanjaya Diraja itu, kita setuju, tetapi yang kita soalkan di sini ialah keadaan di mana kita memerlukan satu Suruhanjaya seperti ini.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sabar ya.

Dr Tan Seng Giaw: itu yang penting. Dia hendak tanya lagi?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Hendak beri jalan atau tidak?

Dr Tan Seng Giaw: Dia hendak tanya lagi?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Soalnya di sini ialah Ahli Yang Berhormat dari Kepong, dia memang putar belit. Pakar putar belit. Soal yang saya tanya tadi adakah beliau setuju atau tidak Suruhanjaya Diraja ditubuhkan mengenai kebakaran di Sg. Buloh. Kalau setuju, mengapa dipersoalkan perbelanjaan yang telah dikenakan kepada Suruhanjaya ini. Kalau tidak, mengapa dia kait-kaitkan perkara yang tidak ada relevant dengan perkara ini.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Parit Sulong ini memang tidak relevant. Dia kata kebakaran di Kepong. Kalau di Kepong, saya tidak setuju diadakan Suruhanjaya Diraja. Kepong tidak perlu Suruhanjaya seperti ini. Jadi, kalau Parit Sulong hendak minta adakan Suruhanjaya di Parit Sulong pun saya tidak setuju juga. Kepong tidak perlukan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Kepong, sebentar ya. Saya beri masa 5 minit untuk menyudahkannya. Kita dalam perbahasan Jawatankuasa, pendekkan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, yang saya hendak tekankan di sini bahawa mengapa kita benarkan keadaan berterusan di mana ada satu letupan yang begitu dahsyat dan yang mengorbankan nyawa dan kemudian kita terpaksa adakan Suruhanjaya Diraja, tetapi di Kepong kita tidak mahu. Kita tidak ada kebakaran seperti itu. Saya berharap tidak akan berlaku kebakaran seperti itu di Kepong dan juga saya berharap begitu di Parit Sulong. Di negara kita tidak perlukan letupan seperti ini.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Kepong, Larut bangun.

Dr Tan Seng Giaw: Saya dibcri 5 minit sahaja oleh Tuan Pengerusi tadi jadi, injury time dibenarkan ya?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya bcri 5 minit, hendak beri jalan atau tidak, itu hak Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

Dr Tan Seng Giaw: Tetapi membenarkan injury lime kepada saya?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tidak ada injury time. 5 minit sahaja.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Pengerusi, saya hendak tanya satu sahaja. DAP ini tidak ada orang lainkah yang hendak bercakap sama? (*Ketawa*)

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, soalan itu tidak relevant.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tidak payah jawab itu.

Dr Tan Seng Giaw: Kita menuju kepada P.16 sekarang ini—Jabatan Perkhidmatana Bomba—Butiran 00100—Balai Bomba dan Bangunan, \$847,000 bagi membiayai sebahagian daripada harga pembelian Bangunan Jaya di Kuala Lumpur bagi Jabatan Perkhidmatan Bomba Wilayah Persekutuan.

Tuan Pengerusi, bagaimana pula dengan projek-projek membina Balai Bomba di sekitar Wilayah Persekutuan, khususnya di kawasan Kepong kerana Kepong pun memerlukan lebih banyak Balai Bomba. Kalau Suruhanjaya untuk

kebakaran dan letupan, kita tidak mahu. Kami sudah bertahun-tahun lamanya menyeru Kerajaan supaya membina sebuah lagi Balai Bomba di kawasan Kepong kerana kawasan itu mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi serta kadar laluan trafik yang banyak. Kami berharap pihak Kerajaan boleh mengkaji semula nisbah menyediakan perkhidmatan bomba dengan bilangan penduduk di kawasan-kawasan bandar supaya mengambil kira juga kesesakan lalulintas. Begitu juga untuk kawasan-kawasan luar bandar.

Bagaimana pula dengan rancangan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang menghendaki pemaju perumahan menyediakan tapak untuk Balai Bomba di kawasan perumahan. Apakah perkembangan mengenai Bangunan Jaya di Kuala Lumpur? Apakah tujuan Kerajaan membeli bangunan ini? Apakah anggaran kos asal yang diperuntukkan untuk pembelian bangunan ini? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Klang.

4.57 ptg.

Tuan Fong Kui Lun (Klang): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud B.14 di bawah Buliran 010000—Khidmat Sokongan, 010100—Pentadbiran, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, yang mana peruntukan tambahan \$483,800 diminta supaya diluluskan.

Tuan Pengerusi, di bawah butiran ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk membangkitkan masalah perumahan negara. Sepertimana kita sedia maklum bahawa hal ehwal perumahan negara diuruskan oleh Jabatan Perumahan Negara dengan kuasa dan bidang tugas yang terhad, sedangkan masalah perumahan semakin hari semakin mendesak dan Jabatan didapati gagal melakukan penyelesaian terbaik kepada pelbagai masalah tentang perumahan negara.

Tuan Pengerusi, untuk mengatasi masalah ini, saya ingin mencadangkan supaya sebuah Lembaga Perumahan Negara ditubuhkan bagi menggantikan tugas yang dilakukan oleh Jabatan Perumahan Negara. Lembaga ini hendaklah

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dr Ting Chew Peh): Tuan Yang di-Pertua

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sebentar ya.

Dr Ting Chew Peh: Itu terkeluar daripada tajuk perbahasan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, ini adalah dalam Jawatankuasa, Perbahasan haruslah mengikut buliran-butiran tertentu, bukan menyentuh dasar.

Tuan Fong Kui Lun: Ini ada kena-mengena dengan perbelanjaan \$483,800.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Menteri yang berkenaan ialah menyatakan bahawa itu terkeluar daripada tajuk perbahasan. Sila patuh mengikut butiran tertentu. Kalau tidak dapat, saya minta Yang Berhormat berhenti dan beri peluang kepada orang lain.

Tuan Fong Kui Lun: Okay.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada lagi, Yang Berhormat? Yang Berhormat Menteri, sila jawab.

4.59 ptg.

Dr Ting Chew Peh: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong atas leguran

yang diberikan tadi. Saya ingin menyatakan di sini bahawa kemalangan memang berlaku di dunia ini dan letupan di Sungai Buloh adalah satu kemalangan dan saya amat gembira kerana Ahli Yang Berhormat dari Kepong bersetuju supaya ditubuhkan satu Suruhanjaya Diraja untuk menyalurkan letupan kilang mercun di Sungai Buloh itu. Oleh kerana perkara ini kini sedang dalam siasatan Suruhanjaya Diraja itu, maka saya rasa perkara ini tidak perlu dibangkitkan di sini.

Berhubung dengan Bangunan Jaya seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos Bangunan Jaya ini ialah sebanyak \$8.47 juta dan ini ialah untuk digunakan oleh Jabatan Bomba Wilayah Persekutuan dan bangunan ini kini dimiliki oleh UDA. Sebab-sebab bangunan ini dibeli oleh Jabatan Bomba ialah kerana bangunan ini terletak di satu tempat yang agak strategik bagi Jabatan Bomba mengikut location.

Tentang Balai Bomba di Kepong, saya ingin menyatakan di sini bahawa rancangan Kerajaan sememangnya ialah untuk membina lebih banyak lagi balai-balai bomba di seluruh negara dan ini bergantung kepada kemampuan kewangan Kerajaan dan juga keperluan sesuatu tempat itu. Dan kalau sesuatu tempat itu difikirkan perlu diadakan balai bomba, maka pihak Kerajaan akan mcmptimbangkannya.

Sekian, terima kasih.

Dr Tan Seng Giaw: Penjelasan . . . (Diganggu) Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama ini sentiasa dia celah sana, celah situ sehingga seolah-olah tidak ada kerja lain sekarang.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, penjelasan yang mana satu? Yang Berhormat, silakan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menjawab sebahagian soalan saya. Mamang kita tidaklah tepat untuk mempersoalkan penemuan ataupun kerja Suruhanjaya Diraja di sini, tetapi saya sebutkan tadi mengenai prosedur untuk mengadakan kilang terutamanya kilang yang mengimport bahan-bahan letupan atau kimia yang berbahaya. Apakah prosedurnya dan adakah Kementerian mengambil langkah yang berkesan sejak Yang Berhormat mengambilalih jawatannya untuk memastikan semua kilang termasuk di Sungai Buloh yang kena-mengena dengan bahan letupan dikawal dengan tepat, rapi dan berkesan. Itu soalnya. Kita tak payah hendak bincangkan Suruhanjaya tetapi keadaan kilang-kilang haram dan kilang-kilang yang kena mengena dengan bahan letupan.

Dr Teng Chew Peh: Tuan Pengerusi, apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, sebenarnya lidak ada kait-mengait dengan Suruhanjaya ini. Kalau beliau setuju bahawa Suruhanjaya ini ditubuhkan, maka kita boleh luluskan perkara ini. Apa yang dibangkitkan itu tentang kilang-kilang haratn sbcnnya topik yang lain dan beliau boleh membangkitkannya dalam perbahasan yang lain.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$483,800 yang disebutkan dalam Maksud B.14 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$483,800 uniuik Maksud B.14 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$847,000 yang disebutkan dalam Maksud P.16 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1991 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$847,000 untuk P.16 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 1991.

Maksud P.17 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1991—

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Maksud Pcmbangunan P.17 di bawah Kementerian Belia dan Sukan, terbuka untuk dibahas. Parit Sulong.

5.04 ptg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong): Tuan Pengerusi, saya cuma ingin mengambil bahagian berucap seberapa yang ringkas iaitu mengenai perbelanjaan tambahan sebanyak \$192,010 yang dikehendaki sebagai pinjaman untuk menyiapkan pembinaan Asrama Belia di Port Dickson pada tahun ini. Soalan saya cuma bilakah asrama ini mula dibina, apakah maksud dan tujuannya dan siapakah yang kemudian kelak akan mengendalikan asrama ini? Dan juga adakah perkara ini merupakan suatu refleksi di mana Kementerian Kebudayaan, Bclia dan Sukan akan membina lebih banyak lagi rangkaian Asrama Belia di seluruh negara sebagai memudahkan mobilisasi pelancong-pelancong belia pada masa-masa yang akan datang. Sekian, lcrima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan, sila jawab.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, nampaknya kita kena tangguhkan Dewan ini oleh kerana tidak ada Menteri untuk menjawab soalan yang penting mengenai Kementerian Belia dan Sukan. Kita patut tangguhkan Dewan ini, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Jubar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, saya ingat mungkin ada wakil pihak Kementerian.

Dr Tan Seng Giaw: Wakil memang tidak ada. Macam mana Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama buat bisnes tadi, sekarang macam mana? Tak ada orang yang hendak jawab? Kita kena tangguhkan Dewan, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Jubar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sabar ya. Yang Berhormat, duduk sebcmar. Saya ingat kita akan alihkan Kementerian itu kepada Kememerian lain untuk membolehkannya menjawab hari esok.

Dr Tan Seng Giaw: Tidak ada Teriib Mesyuarat, Tuan Pengerusi. Itu tidak boleh, Tuan Pengerusi. Itu tidak ada Tertib Mesyuarat.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Jubar bin Haji Mahiruddin): Pasir Mas.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Pengerusi, mungkin oleh kerana pihak Menteri ataupun Kementerian yang berkenaan belum lagi bersedia untuk menjawab, bolehkah saya sambung ucapan, sebab saya ada perkara hendak

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, sekarang tidak ada Tertib Mesyuarat yang sedemikian.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Jubar bin Haji Mahiruddin): Ahli Yang Berhormat, sebentar ya. Ahli-ahli Yang Berhormal, sekarang saya tangguhkan Dewan ini buat 15 minit dari sekarang.

Persidangan ditempohkan pada pukul 5.08 petang.

Persidangan disambung semulapada pukul 5.24 petang,

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

*(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)*

Tuan Pengerusi: Ada jawapan daripada Menteri?

Menteri Kerja Raya (Datuk Leo Moggie anak Irok): *(Bangun)*

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, itu bukan Menteri Belia dan Sukan. Dan Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama sebagai whip tidak menjalankan tugas dengan betul. . . .

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Pengerusi

Dr Tan Seng Giaw: Satu kecuaiian, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, dalam Peraturan Mesyuarat mana-mana Menteri boleh menjawab.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Pengerusi, saya fikir Ahli Yang Berhormat dari Kepong memang sengaja membayangkan tidak faham atas Peraturan Dewan Rakyat bahawa collective responsibility Kerajaan terletak kepada setiap Menteri-menteri yang terlibat. *(Tepulc)*

Dr Tan Teng Giaw: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, cukuplah.

Seorang Ahli: Oduklah!

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Pengerusi. . . .

Tuan Lim Kit Siang: Point of order, Tuan Pengerusi. Saya rasa kita perlu satu penjelasan. Sungguhpun Peraturan Mesyuarat membenarkan sesiapa Menteri yang lain untuk menjawab atas prinsip collective responsibility, itu ialah untuk keadaan di mana seorang Menteri atau Timbalannya ada hal tidak boleh berada di sini, bukan apabila ada cuai (*Tepuk*) bukan oleh kerana dia bertanggungjawab. Tadi Yang Berhormat Menteri ada di sini dan dia tak jawab. Sekarang dia cuai dan dia tidak bertanggungjawab, collective responsibility atas kecuai. Peruntukan ini bukan untuk keadaan semacam ini. Ini salahguna kuasa. Dan Menteri Perusahaan Awam yang menjadi whip sepatutnya bertanggungjawab, Kerajaan sepenuhnya cuai. (*Tepuk*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri, sila teruskan.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Tanjong juga cuai, walaupun beliau berkata menggunakan Standing Order tetapi tak ada menyebut Standing Order yang mana digunakan di waktu perbahasan sebentar tadi.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tahu, itu bukan cuai.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Tanjong, cukuplah. Sila teruskan.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Pengerusi, saya menjawab secara ringkas sahaja bagi pihak Kementerian Belia dan Sukan. Yang Berhormat dari Parit Sulong telah menyuarakan bilakah asrama belia di Port Dickson akan dibinakan. Mengikut maklumat yang telah saya dapati bahawa ianya dalam peringkat pelaksanaan dan akan diselesaikan sebelum penengahan tahun 1992. Itu sahaja.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$192,000 yang

disebutkan dalam Maksud P.17 di dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1991 di bawah Kementerian Belia dan Sukan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$192,000 bagi Maksud P.17 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 1991.

Maksud P.18 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 1991)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Pembangunan P.18 di bawah Kementerian Perusahaan Utama terbuka untuk dibahas. Kepong.

5.29ptg.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, P.18, Butiran 02800—Rancangan Pembangunan Pengurusan Hutan \$659,400. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri yang tadi cuai mengenai tugas whip, sekarang tak tahulah sama ada akan cuai lagi mengenai butir-butir yang dibentangkan hari ini untuk membiayai bayaran terakhir pemasangan komputer bagi sistem maklumat perhutanan negara, kesemuanya \$2.2507 juta telah diperuntukkan kepada Butiran ini dalam tahun 1991.

Kami ingin tahu, setakat ini apakah perkembangan yang tercapai dalam sistem maklumat perhutanan negara ke dalam komputer terutama sekali keberkesanan sistem sebegini ke atas usaha-usaha mengawal pembangunan di kawasan tanah hutan. Bagaimana pula dengan rancangan Jabatan Perhutanan yang ingin menyediakan satu pelan induk untuk menjeniskan ataupun mengklasifikasikan kegunaan tanah di seluruh negara supaya melindungi hutan simpanan dalam negara. Sejauh manakah rancangan ini sudah dilaksanakan bagi mempercepatkan pengurusan hutan dalam negara?

Tuan Pengerusi, memang negara ini memerlukan maklumat yang lengkap mengenai perhutanan negara yang merupakan lebih 50% bumi Malaysia. Apakah angka yang sebenar sekarang menurut maklumat yang mutakhirnya mengenai hutan di negara ini kerana saya pernah dengar hujah Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama mengenai peratusan keluasan hutan negara ini, maklumat-maklumat yang terperinci berbanding dengan negara-negara maju kerana ia hendak bidas negara maju kerana mendakwa bahawa Malaysia tidak mementingkan hutan tropika. Dia ada angka-angka yang sebenar saya mahu dia menjelaskan di sini angka-angka butiran yang sebenar mengenai maklumat perhutanan negara di mana kita minta lebih ataupun kira-kira \$600,000 untuk memasang komputernya dan adakah bakinya kerana permin-taannya lebih \$2.2 juta.

Apakah bakinya, baki itu sudah dibayar daripada Belanjawan 1991 ataupun tidak dibayar lagi? Itu saya hendak dapat tahu semuanya kerana kita sekarang ada komputer, kita mesti ada semua maklumat.

Tuan Pengerusi, maklumat seperti ini memang perlu kerana di seluruh negara ini termasuk di Selangor banyak tempat kawasan hutan simpanan sama ada protective yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama ataupun productive ataupun forest reserved untuk penyelidikan. Semua kawasan, ini kita perlukan satu penjenisan ataupun klasifikasi daripada maklumat yang didapati sekarang.

Tuan Pengerusi, Butiran 04800—Sekolah Latihan Perhutanan, \$200,000 tambahan bagi membiayai perbelanjaan menyiapkan projek Sekolah Latihan Perhutanan di Sarawak. Mungkin Sekolah Latihan ini termasuklah kakitangan Jabatan Perhutanan daripada negeri-negeri yang lain termasuk negeri Selangor ataupun Sekolah Latihan ini khusus untuk Sarawak sahaja, kerana

kebanyakan Jabatan Perhutanan di seluruh negara ada kekurangan tenaga termasuk di Selangor yang saya diberitahu lebih 70 orang. Kita kekurangan tenaga di Jabatan Perhutanan itu.

Berapa orang pegawaikah yang Sekolah Latihan ini berdaya mengeluarkan setiap tahun? Setakat ini berapakah bilangan pegawai hutan terutama sekali mereka yang bertanggungjawab bagi penguatkuasaan dan pemeriksaan diperlukan di setiap Jabatan Hutan Negeri? Berapakah bilangan pegawai hutan yang tersedia ada di Jabatan-jabatan Hutan Negeri?

Tuan Pengerusi, ini penting. Saya beri satu contoh semalam mengenai penebangan atau pemusnahan kawasan hutan simpanan dan juga satu contoh lagi di Gombak di mana ada pembalok haram yang memusnahkan berekar-ekar hutan simpanan protective kerana definisinya pun sangat mengelirukan keadaan. Kadangkala bila dia perlu menjelaskan, dia kata itu productive, boleh tebang, kadangkala dia kata ini protective tidak boleh tebang. Mana yang benar? Mana kita tahu hutan simpanan protective dan productive? Itulah penjenisan dan definisi penakrifan hutan simpanan yang tidak tepat! Itulah satu kemahiran di dalam pusing, hendak pusing, pemutar! (Ketawa)

Seorang Ahli: Mana pusing?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, selain Sekolah Latihan ini di Sarawak, di negeri manakah juga terdapat Sekolah Latihan sebegini?

Apakah kadar pengeluaran pegawai hutan terlatih yang mampu disediakan oleh Sekolah-sekolah Latihan yang lain ini?

Tuan Pengerusi, yang penting sekali itu di setengah-setengah Jabatan seperti di negeri Selangor ini, keadaan ini sangat mengecewakan di mana sebahagian

besar kakitangan itu berumur lebih 50 tahun. Kalau mengikut amalan biasa, 55 tahun itu akan bersara. Sekarang ada lebih 70 kekurangan kakitangan di Jabatan Hutan Negeri Selangor. Ini bermakna kalau ada yang bersara lagi, bilangannya akan bertambah. Mengapa pihak Kementerian itu membenarkan keadaan sedemikian berlaku? Saya berharap di negeri-negeri yang lain termasuk di negeri Perak tidak akan wujud keadaan sedemikian.

Butiran 049000—Tempat Kehidupan Binatang-binatang Liar. Peruntukan tambahan ini penting, Tuan Pengerusi—\$144,100. Kita hendaklah memelihara dengan baik dan sebenar hidupan liar ini. Untuk kerja pembinaan pembaikan tempat kurung orang hutan dan membaiki jalan masuk ke Pusat Pemeliharaan Hidupan Liar di Sarawak, kami setuju kalau kita benar-benar hendak memelihara hidupan liar. Mungkin selain daripada apa yang disebutkan di dalam Butiran ini mungkin ada butiran yang selanjutnya untuk memberitahu kami apa yang terjadi dengan keadaan sekarang.

Kami ingin lahu secepat manakah kawasan pemeliharaan atau pemeliharaan hidupan liar dilindungi di bawah Undang-undang tersedia ada daripada dibangunkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Ini penting sekali, walaupun kita ada Undang-undang, tetapi setakat Undang-undang, itu tidak begitu berkesan dan tidak begitu tepat. Walau bagaimanapun, tempat kehidupan binatang-binatang liar memang kita perlukan. Tetapi kerana kuasa tanah di tangan Kerajaan-kerajaan Negeri, kalau kita ada Undang-undang seperti ini, tempat kehidupan binatang-binatang liar seperti ini kalau Kerajaan Pusat tidak ada kuasa, macam mana kita dapat menguatkuasakan? Itu masalah yang sangat mewujudkan kebimbangan di negara ini, Tuan Pengerusi. Kita hendak adakan Undang-undang yang baik, tetapi mengenai tanah di Malaysia ini, kuasanya di dalam negeri, macam mana kita dapat memelihara, Tuan Pengerusi....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat berucaplah di atas Peruntukan \$144,100 itu, berkenaan dengan tempat kurungan Orang Utan.

Dr Tan Seng Giaw: Ya, okay, baik. Saya setuju, tetapi....

Tuan Pengerusi: Jangan tetapihlah! (*Ketawa*)

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, tetapi Orang Utan pun ada di Zoo Negara juga bukan? Memang termasuk di dalam Zoo Negara, Orang Utan!

Tuan Pengerusi: Sila teruskan Yang Berhormat. (*Ketawa*) Yang Berhormat, kita ada dua hari sahaja dalam Peramran Mesyuarat ini.

Dr Tan Seng Giaw: Saya memang sedar kerana kita ada dua harilah kita minta Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama lebih cekap lagi menjadi whip untuk menjawab dengan tepat persis kepada soalan yang ditimbulkan hari ini.

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat Menteri bangun Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Or Lim Keng Yaik: Untuk penjelasan, saya sudah duduk di sini . . .

Tuan Pengerusi: Tidak ada, dia sudah duduk.

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik: Oh, dia sudah duduk? Okay, saya jawab sekarang.

Tuan Pengerusi: Ya, silakan Tumpat.

5.40 *ptg.*

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat): Tuan Pengerusi, Maksud P. 18, Kementerian Perusahaan Utama, 02800, Rancangan Pembangunan Pengurusan Hutan—\$659,400. Dalam isu ini saya ingin menimbulkan dua persoalan tentang Rancangan Pembangunan Pengurusan Hutan. Yang pertama, apakah sehingga setakat ini pihak Kementerian sudah menyedari bahawasanya banyak hutan-hutan kita lelah dicuri. Sebahagian kayu-kayu dalam hutan negara kila telah dicuri. Apakah sehingga setakat ini pihak Kementerian menyedarinya kerana saya rasa usaha pencurian akan terus berlaku. Dan apakah hingga setakat ini pihak Kementerian telahpun mengenalpasti apakah usaha-usaha yang seharusnya dilakukan oleh pihak Kerajaan bagi membasmi atau mencegah sama sekali supaya kejadian kecurian ini tidak lagi berlaku di masa yang akan datang

Tuan Pengerusi: Butiran mana itu, Yang Berhormat?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Pengurusan Hutan.

Tuan Pengerusi: Saya tahulah .tetapi butiran mana?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: 02800.

Tuan Pengerusi: Ya, yang itu berkenaan dengan pembelian, pemasangan komputer, Yang Berhormat. Tidak ada pencurian kayu.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Ya, saya sentuh masalah pengurusan hutan.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Haji Wan Mohd, Jamil bin Wan Mahmood: Dan saya rasa itu ada hubungan sedikit-sebanyak.

Tuan Pengerusi: Komputer dengan kecurian kayu, itu tidak bersangkutanlah.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya rasa peruntukan tambahan itu tidak begitu mencukupi. Sebab saya rasa perlu masalah pengawalan hutan, peruntukan yang ditambah bukan sedikit untuk membeli komputer sahaja. Bahkan yang pertama yang saya sebut tadi persoalan kecurian dan yang kedua kemungkinan pada satu masa yang akan datang berlaku sebagaimana yang telah berlaku di Indonesia yang akibatnya menjerubu negara kita ini, iaitu kebakaran hutan di Kalimantan dan juga kebakaran hutan di Sumatra. Akibatnya negara kita dilandai oleh satu wabak baru yang menjadi isu hangat sekarang ini. Punca yang utama sebagaimana yang kita mendapat berita dari sana bahawasanya pihak Indonesia sendiri tidak ada alat-alat yang canggih untuk mencegah daripada kebakaran itu. Apakah setakat ini pihak kita mempunyai peralatan-peralatan yang ...

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik:
(Bangun)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri bangun, penjelasan Yang Berhormat?

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik: Bukan. Saya tidak berapa faham apa yang dia cakap komputer ada berkaitan dengan kebakaran di Sumatera. Tolong ikut Butiran (Projek) di dalam Peringkat Jawatankuasa.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Pengerusi....

Tuan Pengerusi: Kebakaran di Indonesia tidak bersangkutan dengan butiran di hadapan kita, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Sebagaimana saya sebut tadi, saya kata peruntukan sebanyak ini tidak mencukupi.

Tuan Pengerusi: Itu tidak bersangkut-macam itu, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Persoalan hutan ini tidak cukup hanya kita memikirkan persoalan komputer sahaja, bahkan kita mesti

Tuan Pengerusi: Bukan komputer sahaja, banyak lagi yang diminta itu sehingga Pusat Penyelidikan Kayu, berkenaan dengan Orang Utan pun ada.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Kemungkinan pihak Yang Berhormat Menteri tidak boleh menjawab dengan soalan saya, kerana itu cuba mencegah saya untuk meneruskan percakapan. Kalau begitu, saya rasa cukup. Sekian sahaja. *(Ketawa)*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri, diminta menjawab.

5.45 ptg.

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik: Tuan Pengerusi, saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong dan Ahli Yang Berhormat dari Tumpat yang mengambil bahagian di dalam Jawatankuasa berkenaan keperluan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 1991.

Saya ingat Ahli Yang Berhormat dari Kepong, apa yang saya sebut barangkali beliau adalah pakar pusing-memusing. Bila kita berbincang berkenaan dengan Rancangan Pengurusan Hutan untuk membayar pembelian atau pemasangan komputer, dia pergi ke seluruh dunia, dia balik mahu tanya semuanya, macam mana saya boleh tahu. Tetapi sebenarnya peruntukan tambahan \$659,400, adalah dikehendaki untuk membiayai pembayaran terakhir, membuat pemasangan komputer bagi sistem maklumat perhutanan negara.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat mahu lebih duit tidak payah lagi. Ini sudah dibuat bayaran terakhir.

Tuan Pengerusi: Sudah cukup.

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik: Kita sudah ada komputer yang mana diharap dengan komputer ini kita boleh menjalankan, mendapatkan data base yang lebih lanjut berkenaan perhutanan di negara kita.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong, yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor, dia ada dua topi. Di sini dia pakai topi, bawa masalah negeri ke Dewan yang mulia ini, tetapi beliau pun sudah sebut betul bahawa tanah adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri, pihak Negeri dan mana-mana hulan adalah di bawah kuasa negeri, tetapi bagi Kementerian Perusahaan Utama yang ada Jabatan Perhutanan, kita cuba mendapatkan semua maklumat untuk menyeragamkan, atau dengan izin, uniformise dasar-dasar yang dijalankan oleh tiap-tiap Negeri. Dan kita mengadakan forum untuk menyelaraskan semua dasar perhutanan yang dijalankan oleh tiap-tiap Negeri melalui Majlis Perhutanan Negara yang lelah ditubuhkan sejak tahun 1978 yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan dthadiri oleh tiap-tiap Menteri Besar dan Ketua Menteri dari tiap-tiap negeri, termasuk saya sebagai wakil Kementerian Perusahaan Utama. Dan Majlis itu kita harap, walaupun ada kuasa Kerajaan Negeri, kita harap tiap-tiap Kerajaan Negeri boleh mengadakan dasar yang sama berkenaan pengurusan pembangunan hutan di negara kita. Untuk

Dr Tan Seng Giaw: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi: Dia bangun, Yang Berhormat hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik: Tidak payahlah, jangan buang masa. Dia sudah cakap banyak selama dua hari, mahu cakap lagi.

Mengenai apa yang ditanyakan berapa tuas lagi hutan negara kita, saya pada pagi tadi berada di Pulau Pinang, di satu Seminar berkenaan "Pengurusan Hutan

dan Kegunaan Hutan untuk Masa Depan'. Saya telah menjelaskan, pada masa sekarang kita ada 50% jumlah dari keluasan tanah negara kita di dalam keadaan hutan lagi. Dan ini kalau dibandingkan dengan banyak negara-negara yang menuduh kita atau menuduh negara-negara tropika yang sedang dalam keadaan membangun yang mana mereka menuduh kita telah menebang semua hutan di negara kita, dibandingkan dengan peratusan tanah perhutanan yang ada di dalam negara mereka itu, jauh beza dari kita, seumpamanya United Kingdom

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Kepong Bangun pula.

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik: Duduk! saya bcri maklumat dahulu. Dia mahu maklumat, saya belum habiskan maklumat saya, dia mahu tanya lagi.

Tuan Pengerusi: Beri dia habiskan dahulu.

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik: Kebanyakan environmentalist atau pencinta-pencita alatn skitar, mereka panggil diri mereka "pencinta alam sekitar"

Dr Kua Kia Soong: (*Bangun*)

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik: Saya belum habis mahu bangun lagi. Duduklah! Mereka menuduh kita sudah habis menebang hutan di negara ini, sebaliknya mereka itu United Kingdom hanya ada 6% keluasan tanah hutan mreka. Begitu juga negeri Belanda atau Netherlands, kawasan hutan hanya ada 8% sahaja.

Mereka sendiri tidak mempunyai hutan, tetapi mereka boleh menuduh yang kita akan menghabiskan hutan kita.

Saya ingat Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang, apa yang kita lihat atau ingat, mereka menggunakan isu pencinta alam untuk dijadikan satu

isu perdagangan, dengan izin, 'it is actually a trade issue', janganlah Pembangkang pergi menolong mereka untuk menghentam kita sendiri—tolonglah, kalau mereka cintakan Malaysia, tolong kita untuk melawan dengan mereka, yang mana mereka menuduh kita.....

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Nanti, Kepong bangun.

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik: dengan tidak ada facts.

Dr Tan Seg Giaw: Tuan Pengerusi, DAP tidak payah hendak bantu orang lain. Kita di dalam negara ini sama ada di Dewan Rakyat dia mengatakan tadi, kita bangkitkan isu ini tidak kena-mengena dengan negara lain, sama ada U.K. ataupun Belanda, bagi pihak kami di U.K. dan Belanda pun tidak memelihara hutan mereka dengan baik, begitu juga dengan Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan. Adakah Yang Berhormat mengambil tindakan yang tegas, dia mengatakan ada mesyuarat dan sebagainya di Gombak. Di Gombak berekar-ekar tanah simpanan protective yang dimusnahkan, tetapi apa yang telah dibuat? Gombak itu dekat dengan Parlimen sahaja, dekat sahaja tidak sampai Sarawak dan Sabah—itu jauh.

Tuan Pengerusi: Cukuplah.

Dr Tan Seng Giaw: Di sini sahaja.

Yang kedua, 50% itu kalau kita tidak kira Sarawak dan Sabah, berapa peratus untuk Semenanjung kawasan hutan?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, jangan buat begitu.

Dato' Seri Lim Keng Yaik: Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kepong, saya telah kata tadi dia ada dua topi. Apa yang saya tahu beliau adalah Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor

dan dalam penjelasan saya tadi, beliau pun ada mengatakan perhutanan dan tanah adalah di dalam kuasa Kerajaan Negeri, mengapa dia tidak pergi ke Selangor, tetapi pergi 'keriau', datang ke sini 'keriau'. Kalau saya tahu, saya pergi segera minta saya punya pegawai tolong pergi menyiasat, tetapi sampai sekarang saya tidak tahu. Beliau menuduh di sini, pusing di sini, dia tidak pusing di mana tempatnya untuk pusing, pergilah Dewan Undangan Negeri Selangor

Tuan Pengerusi: Cukuplah.

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik: . . . mengapa datang ke sini. Betul tak?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, cukuplah.

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik: Macam mana saya mahu jawab?

Tuan Pengerusi: Ya, sila sambung-lagi.

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik: Jumlah sebanyak \$200,000 untuk Sekolah Latihan Perhutanan di Sarawak adalah dikehendaki untuk membiayai perbelanjaan bagi menyiapkan projek untuk sekolah itu. Dan sekolah itu hanya untuk melatih pegawai-pegawai perhutanan untuk Sarawak sahaja.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong ada bertanya, mengapa tidak ada Sekolah Latihan Perhutanan di Selangor? Kita menjalankan latihan untuk pegawai di Semenanjung Malaysia di Jabatan Perhutanan dan di Pejabat FRIM. FRIM ada di dalam Selangor dekat dengan kawasan Yang Berhormat sana. Dia sendiri pun tidak tahu, tetapi dia tanya Selangor mengapa tidak mahu, nanti Perlis mahu, Kedah mahu, semua pun mahu.

Kita di Semenanjung ada satu Pusat Latihan untuk pegawai-pegawai, dan tiap-tiap tahun kita ada menjalankan kursus untuk melatih pegawai-pegawai untuk menggantikan jawatan orang yang sudah bersara, jangan lakut, tetapi apa

yang beliau bertanya, mengapa tidak cukup pegawai? Memanglah dalam sebuah negara yang sedang membangun, kita harap kita boleh mengadakan pegawai yang mencukupi untuk menjaga semua hutan, tetapi hutan sangat luas di negara kita. Kalau mahu mencukupkan pegawai ini berapa ribu? Nanti kita mengambil lebih pegawai untuk menjaga hutan, Yang Berhormat dari Kepong di sini bangun pula mengapa Kerajaan belanja banyak untuk pegawai perhutanan sahaja.

Saya harap apabila kita minta lebih peruntukan untuk mengadakan lebih pegawai diharap Ahli Yang Berhormat dari Kepong atau ahli-ahli dari Pembangkang boleh bersetuju dengan cadangan kita pada masa akan datang.

Mengenai Butiran 0400, saya mengucapkan terima kasih, Yang Berhormat selju hanya untuk binatang liar atau mengurung Orang Utan, beliau setuju, tetapi bila-bila pun ada tempat untuk Yang Berhormat di... (Ketawa)

Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik: Saya belum habis ... ada tempat untuk Yang Berhormat melawat kawasan itu . . . (Ketawa)

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, orang yang pertama di dalam Dewan Rakyat ini yang hendak masuk ke dalam pusat Orang Utan ini ialah Yang Berhormat Menteri sendiri, kerana pusing ke sana, ke sini, ke bawah, ke belakang.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sudah cukuplah itu, dengan kerana apa yang dikatakan tadi, ini hendak marah pada dia pun tidak boleh, dengan kerana kita menagakkan apa yang kita fikir dalam fikiran kita, tetapi apa yang dia kata lain, dalam fikiran diapun lain pula....(Ketawa) kita tidak tahu itu. Sila Yang Berhormat teruskan. Ya, kita hendak habiskan ini.

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Apabila peruntukan ini mencukupi untuk membaiki jalan masuk ke pusat dan senang untuk Yang Berhormat pergi melawat tempat itu, saya jernpul Yang Berhormat melawat, mengapa dia keriau.

Saya bukan panggil dia Orang Utan, saya tidak panggil begitu, saya minta dia pergi tengok Orang Utan. (*Ketawa*) Dengan penjelasan ini, Tuan Pengerusi, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$2,349,200 yang disebutkan dalam Maksud P. 18 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1991 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$2,349,200 untuk Maksud P. 18 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 1991.

Maksud. B.20 (Jadual Kedua)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat Kepala Bekalan 20 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri terbuka untuk dibahas.

5.59ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, Maksud B.20, Buliran 02000 Penggalakan Perdagangan, Butiran 020100 Perdagangan Antarabangsa Perkhidmatan dan Bekalan \$9,970,000 untuk bayaran kemajuan membina pavilion dan kerja berkaitan bagi penyertaan Malaysia di Eksposisi Seville di Sepanyol dalam tahun 1992.

Tetapi jumlah perbelanjaan ini yang biasa bagi sesuatu Eksposisi Trade Fair difahamkan bahawa di dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam sebanyak \$89.12 juta dijangka dibelanjakan oleh MEXPO untuk eksport promotion. Adakah tambahan ini sebahagian daripada belanjawan yang dirancang oleh MEXPO di bawah eksport promotion, dengan izin, Tuan Pengerusi. Jika ia berapa banyakkah Trade Pairs ataupun Eksposisi yang MEXPO mampu menyertai pada tahun 1992, dan seterusnya menjelang akhir Rancangan Malaysia Keenam dengan belanjawan ini.

Bagi tahun 1991, berapa banyakkah Trade Fair Eksposisi yang sudah disertai oleh MEXPO? Apakah jumlah perbelanjaan? Apakah nilai perolehan hasil mana-mana daripada on the spot sales dan sales under negotiations?

Tuan Pengerusi, bagi Eksposisi di Seville, difahamkan bahawa tema ialah The Age of Discovery sempena ulangtahun ke 500 meraikan pengembaraan Christopher Columbus ke Amerika Syarikat. Apakah bentuk pengeluaran yang akan dipamerkan oleh Malaysia selaras dengan tema ini? Mengapakah barang-barang ini terpilih? Sudahkah Kerajaan menentukan syarikat-syarikat tempatan manakah yang layak menyertai Eksposisi ini? Apakah pula tema Kerajaan untuk Eksposisi ini yang dapat membayangkan versi Malaysia The Age of Discovery?

Jadi, kita pun discover juga wang yang hampir \$10 juta digunakan untuk Eksposisi. Saya tidak pernah dengarlah wang begitu banyak digunakan untuk satu eksposisi sehingga mungkin ini satu discovery. Apakah sebenarnya akan dibuat dengan wang yang begitu banyak untuk Eksposisi Seville ini? Adakah kena-mengena Malaysia dengan Christopher Columbus 500 tahun yang lalu?

Tadi, saya tidak begitu faham kerana wang yang diminta begitu banyak, hampir \$10 juta untuk The Age of Discovery—Christopher Columbus, di mana saya tidak taulah apakah peranan Malaysia di dalam discovery ini. Mungkin tidak ada Menteri di sini untuk menjawab. Mungkin Timbalan pun tidak ada....Oh ada.

Tuan Pengerusi, saya berharap soalan saya dapat dijawab dengan tepat kerana wang yang diminta untuk Eksposisi sahaja hampir lebih \$0 juta. Adakah ini bermakna sumbangan-sumbangan swasta tidak akan tambah lagi? Ini hanya daripada Kerajaan. Sekian.

Tuan Pengerusi: Ya, Menteri jawab.

6.03 *ptg.*

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Chua Jui Meng): Tuan Pengerusi, mengenai soalan-soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Kepong, sukalah saya katakan di sini wang peruntukan sebanyak \$9.97 juta ialah untuk mempromosikan Malaysia sebagai satu pusat atau, dengan izin, profit centre in Asia.

Kita mesti sedar bahawa Eksposisi Seville ini ialah satu Eksposisi yang terbesar di benua Eropah yang semakin menjadi satu pasaran yang mustahak untuk negara kita dan untuk menembusi pasaran adalah mustahak untuk Malaysia mempamerkan barangan-barangan pembuatan yang dikeluarkan oleh negara kita agar orang-orang di Eropah faham lebih mendalam dengan pembangunan dalam perindustrian yang telah dicapai oleh negara kita. Anggaran pelawat ke Eksposisi Seville 1992 ini adalah seramai 17 juta orang. Bilangan 17 juta pelawat iaitu satu angka yang begitu besar. Daripada 17 juta pelawat ini, 55% dianggarkan daripada negara Sepanyol sendiri dan 45% daripada 17 juta pelawat itu adalah daripada negara-negara Eropah.

Kita mesti sedar juga, sebanyak 100 negara akan menyertai Eksposisi terbesar ini di Eropah termasuk 5 negara dalam ASEAN iaitu Indonesia, Malaysia, Philippines, Thailand dan Singapura dan negeri mereka masing-masing telah berjanji kepada penganjur Eksposisi ini untuk mengeluarkan peruntukan yang besar juga untuk mempamerkan barangan-barangan pembuatan mereka. Untuk Malaysia, kita akan menonjolkan satu gambaran di mana Malaysia ditonjolkan sebagai satu negara yang sekarang ini maju di dalam bidang pembuatan khususnya dalam teknologi-teknologi yang tinggi dan dalam teknologi-teknologi yang kita ada keistimewaan yang berasaskan kepada primary commodities, dengan izin, yang dikeluarkan oleh negara kita. Antara barangan-barangan yang utama sekali akan dipamerkan ialah Proton Saga yang menunjukkan kebolehan kita dalam bidang automobil dan yang menunjukkan kita mampu dalam bidang teknologi yang tinggi, mampu mengeluarkan buatan-buatan berkualiti tinggi dengan rekabentuk yang menarik. Kita akan mempamerkan lagi.....

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat, ada yang minta penjelasan. Hendak beri?

Tuan Lim Kit Siang: Tadi Yang Berhormat ada sebut bahawa antara barangan yang akan dipamerkan ialah Proton Saga dan apabila Proton Saga dipamerkan, siapa akan bertanggungjawab atas per belanjaan? Kerajaan atau EON?

Tuan Chua Jui Meng: Bagi Proton Saga EONlah, tetapi bagi menyediakan infrastruktur untuk Eksposisi ini, kementerian akan bertanggungjawab.

Antara barang-barang yang dikeluarkan untuk dipamerkan ialah, dengan izin, metal bonded rubber, anti-Vibration bearings, untuk kegunaan

pembinaan jambatan dan, dengan izin, high-rise buildings, dengan izin, Expositise natural rubber as substitute for synthetic rubber in the petroleum industry, industrial rubber, dengan izin, untuk kegunaan aerospace industry, catheters and rubber trade dan banyak lagi dalam bidang telekomunikasi seperti Sapura Holdings yang mana ada kemampuan untuk mengeluarkan voice activated telephones, dengan izin, dan robotics dan lain-lain lagi.

Mengenai soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kepong mengenai berapa pameran atau Eksibisi yang telah disertai oleh MEXPO dalam tahun 1991. Oleh kerana itu satu soalan yang terperinci, saya akan memberikan maklumat secara bertulis.

Soalan yang terakhir ialah apa kenamengena "The Age of Discovery" iaitu Age of Discovery adalah satu pembaharuan berdasarkan kepada discovery yang dibual oleh Christopher Columbus beberapa abad sebelum ini dan kita dengan discovery ini mengharapakan negara-negara di Eropah akan discover, dengan izin, kemampuan dan kebolehan negara kita.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$10,674,700 untuk Maksud B.20 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10,674,700 untuk Maksud B.20 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Maksud P.22 dan P.23 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 1997)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, kepala pembangunan P.22 dan P.23 di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan terbuka untuk dibahas.

6.07 *ptg.*

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, P.22, Butiran 00200, Kompleks Budaya Negara—tambahan \$785,000.

Tuan Pengerusi, ini merupakan bayaran terakhir kepada kontraktor, bayaran juru perunding dan pembelian alat hawa dingin, acoustics dan telefon.

Adakah ini bermakna sumbangan wang kepada projek akan lambat dengan bayaran akhir ini? Kalau tidak, apakah bayaran-bayaran pembinaan atau pembelian kelengkapan yang masih belum dibayar? Setahu kami, projek dianggar hanya bernilai \$4,919,700, sekarang termasuk tambahan \$785,000, kesemuanya \$4,289,900, sudah diberi kepada Butiran ini. Maka iaitu kurang \$621,800 daripada pindaan asal. Ini amat mengagumkan memandangkan projek ini dijangka disiapkan pada pertengahan tahun 1989—2 tahun yang lepas telah diperlengahkan sehingga ke penghujung tahun 1991.

Nampaknya tidak melibatkan kos tambahan dan sebaliknya itu perbelanjaan kurang daripada yang dianggarkan. Bolehkah pihak Kementerian menerangkan keadaan ini? Adakah kontraktor yang tidak sempat menyiapkan kerja pembinaan mengikut jadual masa dikenakan denda dan hasil denda itu menampung pula pembayaran bagi lain-lain perbelanjaan.

Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekati di sini, projek itu dijangka siap pada pertengahan tahun 1989 tetapi sehingga penghujung tahun ini nampaknya tidak disiapkan lagi dan tambahan peruntukan diminta daripada Dewan yang mulia ini. Inilah satu perbuatan yang tidak begitu baik, tidak wajar, yang boleh dianggap pengurusan kewangan rakyat tidak begitu betul. Itu satu kecuaihan juga. Walaupun Yang Berhormat-Yang Berhormat dari Barisan Nasional tidak berminat untuk mengambil perhatian, tidak menun-

jukkan perhatian mengenai betapa perlunya penjimatan wang, dasar jimat-cermat yang telahpun berulang kali disebutkan dalam Belanjawan, dasar penjimatan, tetapi nampaknya ramai Ahli di sini termasuk Timbalan Menteri dan Menteri tidak mengambil perhatian mengenai hal seperti ini. Saya berharap Yang Berhormat Menteri ataupun Timbalannya dapat menjawab. Adakah mereka di sini, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, jangan tanya begitu, Duduklah, ada orang yang akan menjawab. Jika tidak ada, kita tengoklah macam mana.

Dr Tan Seng Giaw: Sekianlah, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Itu, dia ada.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Abdul Raman bin Suliman): Tuan Pengerusi, kalau setakat soalan-soalan macam itu tidak payah Menteri saya jawab, Setiausaha Parlimen jawab pun cukup. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi, ini menunjukkan bahawa Kerajaan bertanggung-jawab dari segi pengurusan kewangan, kerana apa yang dilakukan oleh Kementerian, kita perhatikan kontraktor yang telah diserahkan untuk melaksanakan tugas ini masih dapat melaksanakan tugas yang diserahkan. Namun begitu, oleh kerana kita memikirkan bahawa kewangan yang hendak dibelanjakan ini adalah kewangan Kerajaan, maka pihak Kementerian telah berwaspada dalam hal ini. Sekiranya ada aktiviti ataupun perkara yang tidak diselesaikan, kita tidak akan bayar.

Memang kita bersetuju sepertimana kata Yang Berhormat dari Kepong itu, projek ini seharusnya dilaksanakan dalam dua fasa iaitu Fasa Satu yang dijangka siap pada bulan Ogos, 1989 dan Fasa Dua pada bulan Disember, 1989. Tetapi oleh kerana beberapa masalah

yang dihadapi oleh pihak kontraktor, bukan oleh Kementerian, maka projek itu hanya dapat disiapkan pada akhir bulan November, 1989. Walau bagaimanapun, bayaran-bayaran baki sepenuhnya bagi Fasa Satu tidak dapat dibuat dalam tahun 1990 oleh sebab-sebab, pertama, iaitu perbekalan elektrik dan air ke bangunan-bangunan yang telah siap tidak diperolehi sehinggalah pada bulan Jun 1990. Begitu juga kerja-kerja membaiki kecacatan dan kerosakan, pada pendapat Kementerian tidaklah begitu memuaskan. Itulah sebabnya kita telah menanggunghkan pembayaran itu dan pembayaran itu perlu dijelaskan dalam waktu setelah semuanya dapat diuruskan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$2,731,020 untuk Maksud P.22; dan \$10 yang disebutkan dalam Maksud P.23 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1991 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$2,731,020 untuk Maksud P.22; dan \$10 untuk Maksud P.23 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 1991.

Maksud B.26 (Jadual Pertama)—

Maksud B.26 (Jadual Kedua)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.26 di bawah Kementerian Pendidikan terbuka untuk dibahas. Tanjong.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya menyentuh mengenai Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Keempat Tahun 1990 dan Tambahan Kedua untuk Tahun 1991 yang bersabit, pertama mengenai \$92,600 untuk tahun 1990 untuk

menampung kekurangan peruntukan bagi bayaran kenaikan kadar Elaun Khidmat Awam dan untuk tahun 1991 sebanyak \$115 juta untuk membiayai bayaran kenaikan gaji 5% bagi Program Pendidikan Rendah dan Menengah.

Perkara yang saya mahu bangkitkan di sini ialah mengenai Perkhidmatan Awam dalam Jabatan dan Kementerian Pendidikan khususnya Program Pendidikan Rendah iaitu kita memerlukan satu kefahaman dan penjelasan mengenai skop, tugas, kedudukan pegawai-pegawai Jabatan Pendidikan apabila dibandingkan dengan tugas, fungsi, tanggungjawab Menteri dan Timbalan Menteri olch kerana ada berlakunya di mana ada pegawai tinggi dalam Jabatan Pendidikan nampaknya lebih berkuasa, lebih berpengaruh daripada Timbalan Menteri, sama ada lebih daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan, saya tidak tahulah, tetapi nampaknya lebih berkuasa, lebih berpengaruh daripada Timbalan Menteri.

Satu contoh ialah apa yang berlaku baru-baru ini dalam keputusan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) mengenai perkara yang bersabit dengan kenaikan darjah pelajar-pelajar dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil di mana kita tahu bahawa tahun lalu ada berlaku peristiwa yang menimbulkan satu keadaan di mana Jabatan Pendidikan mengeluarkan perintah bahawa pelajar-pelajar daripada SRJK yang dapat 6A dalam Peperiksaan Penilaian Darjah Lima tidak boleh diberi automatic promotion ke Tingkatan Satu dan perlu pergi ke kelas peralihan.

Sungguhpun Timbalan Menteri Pendidikan dari MCA iaitu Ahli dari Selandar, kalau saya tidak silap, mengatakan mereka boleh terus naik darjah (automatic promotion), tidak perlu pergi Remove Class dan akhirnya ada satu cara untuk menyelesaikan iaitu

semua pelajar-pelajar yang mendapat 6A perlu mengambil satu peperiksaan matapelajaran yang khas dalam Bahasa Malaysia dan jikalau mereka pas barulah boleh terus pergi ke Form One. Itulah halnya tahun lalu.

Sekarang timbul lagi peristiwa yang baru di mana beberapa bulan dahulu, mengikut Timbalan Menteri Pendidikan dari MCA bahawa sekarang pelajar-pelajar dari SRJK (Cina) atau (Tamil) dipaksa membuat satu pilihan sama ada mereka akan mengambil matapelajaran Bahasa Malaysia UPSR untuk saluran Sekolah Kebangsaan atau mereka terus memilih matapelajaran untuk SRJK.

Kalau mereka memilih peperiksaan matapelajaran dalam Sekolah Rendah dan kalau mereka lulus dalam matapelajaran Bahasa Malaysia mereka boleh terus ke Form I automatik. Tetapi kalau mereka gagal, tidak boleh. Dan sungguhpun masa tidak cukup untuk menyediakan murid-murid di sekolah SRJK(C) untuk mengambil UPSR Bahasa Malaysia, Sekolah Kebangsaan ada pelajar-pelajar yang buat pilihan (option) itu.

Minggu lalu keputusan dikeluarkan dan sungguhpun pelajar-pelajar tersebut diberi jaminan oleh Timbalan Menteri Pendidikan MCA bahawa mereka yang dapat 4A dan 2C, 4A dalam subjek Bahasa Tionghua, 2 unit—comprehension dan essay. Matematik dan Bahasa Inggeris 4A. Dan kalau dalam Bahasa Malaysia ialah Comprehension 1 dan Essay 2 ialah yang diambil oleh pelajar-pelajar Sekolah Kebangsaan. Mereka dapat 2C dan dari kategori ini mereka semua boleh naik terus ke Form I tanpa pergi ke Kelas Peralihan. Tetapi pegawai-pegawai tinggi di Jabatan Pendidikan kala tidak benar, tidak boleh. Dan Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu kata tidak boleh. Semua pelajar-pelajar daripada sekolah-sekolah tersebut, Sekolah SRJK mahu pergi Remove Class. Sungguhpun Yang

Berhormat Timbalan Menteri dari MCA kata keputusan ini dibuat oleh Jemaah Menteri. Kabinet buat keputusan itu tetapi ada pegawai-pegawai tinggi boleh menidahkan, boleh veto keputusan Kabinet. Adakah ini benar? Mengapa satu keputusan dibuat oleh Kabinet tiga bulan, empat bulan dahulu sekarang pegawai-pegawai tinggi dalam Jabatan Pendidikan kata tidak mahu ikut, tidak mahu mengiktiraf. Perlama, adakah ini benar? Dan kita mahu Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan dari MCA nampaknya tidak ada di sini memberi satu penjelasan kalau ini dibuat oleh Kabinet, Jemaah Menteri kenapa keputusan itu tidak disampaikan kepada Jabatan Pendidikan, kepada Pengarah Pendidikan semua negeri. Adakah ini satu kecuaihan? Atau sebenarnya ini tidak dibuat oleh Jemaah Menteri tetapi satu pembohongan sahaja oleh pemimpin-pemimpin MCA.

Kedua, adakah perkara ini perlu lagi dibawa kepada Kabinet iaitu pada hari Rabu untuk buat lagi satu kajian.

Ketiga, bukankah kriteria, bukankah ini tidak adil oleh kerana tahun lalu apabila pelajar-pelajar SRJK tidak dibenarkan untuk terus naik ke Form 1 tanpa Remove Class. Alasan yang diberikan ialah bahawa mereka tidak fasih dalam Bahasa Malaysia. Bahawa penilaian mata pelajaran ialah untuk SRJK tidak dapat taraf yang tinggi bukan setanding dengan standard, mutu dalam Sekolah Rendah Kebangsaan.

Sekarang dalam tahun ini mereka ambil peperiksaan kertas yang sama dengan Sekolah Kebangsaan dan pass tetapi sekarang 4A 2C. 4A 2C, adakah ini adil? Ini tidak adil oleh kerana sesiapa yang dapat dan boleh lulus mata pelajaran ini Bahasa Malaysia yang diambil oleh semua pelajar-pelajar

Sekolah Rendah Kebangsaan ada hak untuk terus naik pangkat atau naik kelas ke Form I. Tidak perlu mereka dapat A dalam empat matapelajaran yang lain. Apa yang mustahak ialah dalam dua matapelajaran Bahasa Malaysia. Kalau dapat sekurang-kurangnya 2C dalam Bahasa Malaysia dan mereka boleh pass dalam 4 matapelajaran yang lain iaitu 2 yunit Bahasa Cina, Matematik dan Inggeris, mereka patut naik terus ke Form I. Dia bukan 4A 2C tetapi 6C. 6C sudah cukup. Kalau tidak, ini tidak adil dan tidak boleh berdiri atas apa-apa landasan prinsip teori pendidikan. Ini nonsensical, Oleh kerana ini bererti apa? Ini bererti kalau seorang pelajar dapat 2C dalam Bahasa Malaysia tetapi dia dapat B dalam Bahasa Tionghua, dia tidak boleh naik. Dia mahu A. Tetapi kalau dia dapat 2A dalam Bahasa Malaysia tetapi dapat B dalam Bahasa Tionghua, dia tidak boleh naik. Apa logik ini. Dia dapat 2A dalam Bahasa Malaysia tetapi dapat B dalam Bahasa Tionghua atau B dalam Matematik atau B dalam Inggeris, dia tidak boleh automatic promotion. 2A tidak boleh naik. 2C dalam Bahasa Malaysia boleh naik. Itu nonsense, Tuan Pengerusi. Apa educational logic ini. Apa teori ini. Apa tujuan ada Remove Class. Apa objektif Remove Class. Apa falsafah Kelas Peralihan. Bahawa mereka dalam Kelas SRJK baik pun Tionghua ataupun Tamil penguasaan Bahasa Malaysia mereka tidak cukup, sebab itu mahu satu tahun Remove Class.

Tetapi sekarang mereka yang dapat 2A dalam Bahasa Malaysia penguasaan sangat tinggi, super—tidak boleh naik, oleh kerana tidak ada A dalam Bahasa Tionghua atau tidak ada A dalam bahasa Inggeris.

Saya haraplah ini nonsense dan saya haraplah ini boleh dibetulkan. Yang pertama pegawai-pegawai Jabatan Pendidikan tidak boleh mengatasi atau veto lebih berkuasa daripada Timbalan Menteri khasnya daripada MCA. Kalau begitu lebih baik dia letak jawatan, tidak

ada makna ada muka lagi, dia cakup satu tetapi pegawai-pegawai dan Pengarah Pendidikan di peringkat negeri boleh veto, boleh tolak, boleh nafi. Dan kedua janganlah kita mempermain-mainkan aspirasi dengan masa depan generasi-generasi akan datang. Semua anak-anak kita, resource kita untuk masa depan, mereka pandai, cerdik, boleh dapat C, lebih baik dapat A dalam dua-dua matapelajaran Bahasa Malaysia dalam UPSR untuk Sekolah Rendah Kebangsaan, semua naik terus automatic promotion kepada Form I. Itulah mustahak.

Dan saya harap bahawa Jemaah Menteri kalau ini tidak boleh diselesaikan di peringkat pentadbiran, tidak boleh diselesaikan oleh Timbalan Menteri Pendidikan sendiri bahawa perkara ini dibetulkan, diselesaikan oleh Jemaah Menteri pada hari Rabu dan saya harap bahawa semua Menteri-menteri yang ada di sini akan memberi sokongan.

Dan ini yang mustahak supaya kita tidak mahu sistem pendidikan diteruskan menjadi satu perkara di mana rakyat Malaysia baikpun pelajar-pelajar atau ibu bapa mereka rasa sakit hati bahawa sistem ini tidak adil,

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat hendak sambung lagi besok atau tidak?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, sedikit besok.

Tuan Pengerusi: Besok ya.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, sedikit.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat dilangguhkan hingga jam 2.30 petang besok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.